

Laporan

ANUGERAH KUALITI NAIB CANSOLOR

AKNC





اَوَّلُ رِسَالَةٍ تَكُونُ لَوَيْلَى مَارَا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

LAPORAN ANUGERAH KUALITI NAIB CANSELOR (AKNC)

2025

FAKULTI PENGURUSAN PERNIAGAAN PENGURUSAN KEWANGAN

KETUA PTJ :

SHAFINAR BINTI ISMAIL

KETUA UNIT KUALITI :

ROSINTANSAFINAS BINTI MUNIR

PENYELARAS :

NUR JIHAN BINTI MD JOHAN

PENULIS :

1. NUR JIHAN BINTI MD JOHAN
2. NUR AZIRAH ZAHIDA BINTI MOHAMAD AZHAR
3. SYARIFAH MASTURA BINTI SYED ABU BAKAR
4. UMAIRA BINTI OTHMAN KOYA
5. UMAIRA BINTI OTHMAN KOYA
6. UMAIRA BINTI OTHMAN KOYA
7. ROSMAN BIN YAHYA

8. ROSMAN BIN YAHYA
9. ROSMAN BIN YAHYA
10. SYED ASHRENE BIN SYED OMAR
11. SURAYA IKA BINTI TAMRIN
12. SITI NURHIDAYAH MOHD ROSLEN
13. MUHAMMAD SHAHRIZWAN BIN MOHD SOFIAN
14. NORLIZA BINTI CHE YAHYA
15. AZREEN BINTI ROSLAN
16. NOOR AZLINA BINTI MOHAMED YUNUS
17. NOOR AZLINA BINTI MOHAMED YUNUS
18. MOHAMMAD ZAIM BIN MOHD SALLEH
19. MOHD AZILA BIN MOHAMED ISA
20. HASNI BINTI ABDULLAH
21. NOR INTAN ADHA BINTI HAFIT
22. SYUKRINA ALINI BINTI MAT ALI
23. SHAHSUZAN BIN ZAKARIA
24. NOR AIN BINTI AWANG
25. NOOR AZURA BINTI DAHALAN
26. ROSINTANSAFINAS BINTI MUNIR
27. MUNA WADHIHA BINTI MOHD FAUZI
28. RUZITA BINTI MANSHOR
29. RAFIATUL ADLIN BINTI HJ MOHD RUSLAN
30. NUR ZAHIDAH BINTI BAHRUDIN
31. MARHANI BINTI MOHAMED ANUAR
32. SAZWAN BIN SHAMSUDDIN
33. DILLA SYADIA BINTI AB LATIFF
34. MOHAMAD IDHAM BIN MD RAZAK
35. AZHAN RASHID BIN SENAWI
36. MOHAMMAD ZULFAKHAIRI BIN MOKTHAR
37. ZETTY ZAHUREEN BT MOHD YUSOFF

38. SAHRUL ALNAIM BIN TASPİRİN
39. NOR SARA NADIA BINTI MUHAMAD YUNUS
40. SHATINA BINTI SAAD

KRITERIA 1 : KEPIMPINAN

1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

PENERAJU PENGURUSAN KEWANGAN MAMPAN (PKM)

PERANCANGAN Pengurusan Kanan Fakulti Pengurusan dan Perniagaan (PKFPP) menggerakkan Bidang Tumpuan (BT) melalui pendekatan sistematik berpandukan proses **Plan-Do-Check-Act (PDCA)** serta amalan pengurusan risiko yang berkesan dalam mencapai matlamat PKM. Pelaksanaan BT tertumpu kepada **FPP Model 3P (#FPP_Model3P)** merangkumi tiga (3) teras utama iaitu **#FPP_jana** (penjanaan pendapatan), **#FPP_dana** (pendanaan pendapatan) dan **#FPP_jimat** (penjimatan kewangan) selari dengan **Faculty of Business and Management Strategic Action Plan (FBM SAP) 2024** dan **mendokong Strategic Theme 9 (Sustainable Funding) UiTM 2025 Strategic Plan**. PKM menjadi agenda utama FPP bersesuaian dengan **Garis Panduan Strategi Bajet UiTM 2024** yang menyarankan Pusat Tanggungjawab (PTJ) meningkatkan hasil universiti melalui penjanaan pendapatan dan perbelanjaan berhemah.

PELAKSANAAN BT dijalankan secara menyeluruh melibatkan semua bahagian, staf, pelajar dan pihak industri melalui **#FPP_Model3P**. **#FPP_jana** dilaksanakan melalui penawaran Program Akademik Intersesi dan Semester Pendek, Francais FPP-iCEPS, *UiTMSeat Plus*, Pascasiswazah (BA707, BA721 dan BA776), *International Summer Program* serta penganjuran *ABRIC2024* dan *VIIIC2024* yang menyumbang **RM1,771,643.50**, **melebihi sasaran asal RM200,000.00**. **#FPP_dana** dilaksana melalui **pembiayaan industri** seperti Malaysia Building Society Berhad (MBSB) Bank dan Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC), pembiayaan antarabangsa seperti *ERASMUS Staff Mobility Grant* dan Etiqa Takaful & Akademi Zakat (AZKA-PPZ) Wilayah Persekutuan. **#FPP_jimat** dicapai melalui **pembangunan Faculty of Business and Management Information System (FBMIS) secara dalaman** seterusnya diketengahkan sebagai **Projek Kecemerlangan Operasi (OE)** dan **Kumpulan Kreatif dan Inovatif (KIK)**, penyediaan fail mesyuarat secara digital (eMesyuarat), serta pengurusan kolaborasi kepakaran melibatkan staf, pelajar, dan pihak industri. Pelaksanaan **Model GUEST** dalam **Pengurusan Sumber Manusia merangkumi 4 komponen: HRM Strategy, HRM Practices, Performance Outcomes, Financial Outcomes** telah memperkasakan warga FPP dalam menggerakkan **PKM**.

PEMANTAUAN secara berkala memastikan keberkesanan pelaksanaan inisiatif **#FPP_Model3P**. Pencapaian dilaporkan melalui **Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Fakulti (JKEF)**, **Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP)** dan **Mesyuarat Staf Akademik**. Penilaian dilaksanakan pada **setiap sukuan tahun** melalui Sistem Pengurusan dan Pemantauan Projek (UePMOv3). **Audit Dalam FPP dan laporan pengurusan risiko** sebagai mekanisme mengenal pasti prestasi dan potensi risiko. **FBMIS** dibangunkan menggunakan kepakaran dalaman telah memudahkan pemantauan aktiviti, perbelanjaan serta penjanaan pendapatan, mempercepat proses kelulusan serta menjimatkan kos operasi.

Jawatankuasa Tabung Amanah Fakulti (JTAF) dipengerusikan oleh **Dekan FPP dan keahliannya Timbalan Dekan (TD)**, **seorang Profesor, Timbalan Pendaftar Kanan (TPK) dan Ketua Timbalan Bendahari UiTM Cawangan Selangor (UCS)** digerakkan untuk memantau pelaksanaan inisiatif strategik BT. Laporan prestasi kewangan, sistem *FinePortal* dan *FBMIS* digunakan sebagai mekanisme kawalan.

TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN dilaksanakan melalui **penemuan audit, laporan prestasi dan maklum balas warga FPP**. Contohnya, risiko kekurangan tenaga pengajar diatasi melalui **penambahan waran perjawatan serta pelaksanaan ‘Collaborative Teaching’**. Risiko pencapaian enrolmen pelajar ditangani dengan **pelantikan Koordinator Promosi** untuk menggiatkan usaha promosi. **Pelan tindakan risiko disemak secara berkala** oleh **Jawatankuasa Pemilik Risiko FPP** bagi memastikan mitigasi risiko dilaksanakan secara proaktif. Penambahbaikan dan strategi baharu diperluaskan kepada warga FPP melalui

Amanat Dekan dan dokumen *FBM SAP 2024*.

#FPP_Model3P mengukuhkan kedudukan FPP sebagai fakulti berdaya saing, mampan dan berimpak tinggi **dalam pengurusan kewangan sehingga ke peringkat antarabangsa**. FPP berjaya **menerima Anugerah Kecemerlangan SAP dan Anugerah Lonjakan Prestasi SAP pada Anugerah Kecemerlangan Prestasi Universiti (AKPU2024)** serta berjaya mencapai sasaran BT melebihi PI yang ditetapkan oleh UiTM.

1.2 PENDEKATAN (APPROACH)

PENGLIBATAN INKLUSIF DAN SISTEMATIK DALAM MENCAPAI PENGURUSAN KEWANGAN MAMPAN (PKM)

PKFPP fokus dalam menggerakkan BT melalui **FBM SAP 2024** dengan membangunkan **#FPP_Model3P** sebagai inisiatif memacu kecemerlangan FPP. **FBM SAP 2024** menetapkan sasaran **PI129** bagi **#FPP_jana**. Manakala, **PI064**, **PI065**, **PI066** dan **PI077** menetapkan sasaran bagi **#FPP_dana**. Inisiatif **#FPP_jimat** menyokong PKM selari dengan **Strategic Theme 9 (Sustainable Funding) UiTM 2025 (Bukti 1.2.1a)**. Penetapan inisiatif dalam pelaksanaan **#FPP_Model3P** melibatkan pengurusan akademik, penyelidikan, pengurusan pelajar, jalinan industri, projek inovasi dan pendigitalan serta penyediaan kemudahan kepada warga UiTM (**Bukti 1.2.1b**).

JTAF merupakan institusi tadbir urus kewangan utama FPP. JTAF menyokong PKM yang digerakkan melalui **#FPP_Model3P**. JTAF berfungsi untuk menyemak, menilai dan meluluskan peruntukan kewangan bagi program dan aktiviti FPP. Pendekatan ini memastikan semua keputusan kewangan selari dengan objektif strategik FPP dalam **FBM SAP 2024** dan dilaksanakan secara meluas, berkesan dan berimpak tinggi (**Bukti 1.2.2a**).

FBM SAP 2024 adalah rujukan utama PKFPP dalam merancang BT melalui pendekatan strategik dalam Bengkel **FBM SAP 2024** yang diadakan pada 8 - 10 Januari 2024 di ILD, Bandar Enstek. **PI129** digerakkan melalui inisiatif **#FPP_jana** yang berjaya mencapai jumlah penajaan sebanyak **RM1,771,643.50**, melepasi sasaran ditetapkan sebanyak **RM200,000.00**. Manakala **PI064**, **PI065**, **PI066** dan **PI077** dirancang sebagai **#FPP_dana** yang mencapai pendapatan sebanyak **RM2,502,967.82**. Pencapaian ini merupakan pelaksanaan menyeluruh **#FPP_Model3P** dengan penglibatan warga FPP (**Bukti 1.2.2b**).

#FPP_jana dirancang melalui **penawaran Program Akademik Intersesi dan Semester Pendek, Francais FPP-iCEPS, UiTMSeat Plus dan Pascasiswazah** serta **International Summer Program**. **Penganjuran ABRIC2024** dan **VIIIC2024** menyumbang hasil melalui yuran penyertaan, tajaan dan kolaborasi industri. **Sewaan ruang dan penganjuran FBM Career Fair 2024** dan **aktiviti keusahawanan** pelajar turut menjana hasil kepada FPP (**Bukti 1.2.3a**).

#FPP_dana menyenaraikan aktiviti **pendanaan pendapatan** dalam usaha mendapatkan **geran penyelidikan sehingga ke peringkat antarabangsa**. FPP turut menganjurkan persidangan dan perundingan dengan penglibatan industri. Kerjasama dengan MBSB Bank, MDEC dan Akademi Zakat (AZKA-PPZ) berjaya mendapatkan pembiayaan untuk program pembangunan pelajar seperti **ICAN Week** dan **Career Fair 2024**. FPP berjaya memperoleh **ERASMUS Staff Mobility Grant** berjumlah **RM72,165,000** bagi pembiayaan **aktiviti peringkat Antarabangsa** (**Bukti 1.2.3b**).

FBM Regional Centre diwujudkan di FPP UiTM Shah Alam melibatkan 6 badan profesional antarabangsa sebagai mengiktiraf program pascasiswazah. Majlis pelancaran pada 5 Disember 2024 oleh Professor Dr. Mile Vasic, President EUMMAS, juga **Adjunct Professor** FPP. Pusat ini sebagai saluran pendanaan bagi **program mobiliti staf FPP** yang merupakan pusat pertama seumpamanya di UiTM (**Bukti 1.2.4a**).

#FPP_jimat merupakan inisiatif penjimatan melalui **projek pembangunan FBMISS** dan penggunaan **eMesyuarat**. Menaik taraf **Bilik RENOVA** dan **Etiqua-AZKA Corner** melalui **sumber luar** meningkatkan penjimatan. **Majlis Pra-Graduan** secara berhemah dan pelaksanaan **Program Intersesi dan Semester Pendek dalam talian** menjimatkan dan mengoptimumkan sumber FPP (**Bukti 1.2.4b**). PKFPP melaksanakan inisiatif pengurusan kos berkesan dan perbelanjaan berhemah telah menjimatkan perbelanjaan Tabung Amanah sebanyak **23% berbanding hasil yang dijana** berjumlah **RM1,771,643.50**.

PKFPP menggerakkan BT dan disebarluaskan kepada warga melalui **Amanat Dekan 2024** dan **Mesyuarat Staf Akademik** pada **6 Mac 2024** yang dihadiri warga FPP termasuk UiTM

Cawangan (Bukti 1.2.5b), termasuk, sebagai tambahan, dan lain-lain. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk
Takwim Aktiviti FPP melalui laman sesawang FPP untuk rujukan warga termasuk UiTM
Cawangan (*Bukti 1.2.5b*).

SENARAI BUKTI:

1. [F0023_K01_KB02_20251_Bukti 1.2.1.pdf](#)
2. [F0023_K01_KB02_20252_Bukti 1.2.2.pdf](#)
3. [F0023_K01_KB02_20253_Bukti 1.2.3.pdf](#)
4. [F0023_K01_KB02_20254_Bukti 1.2.4.pdf](#)
5. [F0023_K01_KB02_20255_Bukti 1.2.5.pdf](#)

1.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

#FPP_MODEL3P PEMACU KEPIMPINAN DALAM PENGURUSAN KEWANGAN MAMPAN (PKM)

PKFPP peka kepada halatuju KPT dan UiTM dalam menetapkan halatuju FPP dan merangka **FBM SAP 2024**, dengan memberi tumpuan kepada PKM. Pendekatan strategik dalam meluaskan inisiatif **#FPP_jana**, **#FPP_dana**, dan **#FPP_jimat** dijalankan secara efektif kepada keseluruhan FPP termasuk pelajar, industri dan pihak berkepentingan termasuk inisiatif yang merentasi sempadan antarabangsa (**Bukti 1.3.1a**).

Inisiatif **#FPP_Model3P** dilaksanakan melibatkan aktiviti akademik, penyelidikan, pengurusan pelajar, jalinan industri, dan penyediaan kemudahan melalui pendekatan yang **ditetapkan dalam Bengkel FBM SAP 2024 dan diselaraskan dengan Strategic Theme 9 UiTM 2025 Strategic Plan (Bukti 1.3.1b)**.

Pelaksanaan inisiatif BT diperkukuhkan melalui peranan **JTAF** sebagai institusi tadbir urus yang **menyemak permohonan berkaitan pelaksanaan aktiviti #FPP_jana, #FPP_dana dan #FPP_jimat**. Inisiatif **#FPP_Model3P** juga dibincangkan secara menyeluruh dalam **Mesyuarat JKEF** untuk memastikan keselarasan dengan objektif strategik FPP dan pelaksanaannya berimpak tinggi (**Bukti 1.3.2a**).

FBM Regional Centre telah ditubuh sebagai pusat yang menyokong kewangan mampan dan telah mendapat pengiktirafan antarabangsa. Pusat ini bekerjasama dengan enam (6) badan profesional antarabangsa dan membuka ruang kepada kerjasama strategik serta pembiayaan program kepimpinan dan mobiliti staf melalui program **ERASMUS Staff Mobility Grant** berjumlah **RM72,615.00 (Bukti 1.3.2b)**.

Inisiatif **#FPP_Model3P** membolehkan PKFPP berperanan dalam **menggerakkan inisiatif secara efektif** untuk mencapai objektif dan inisiatif strategik dalam BT bagi mewujudkan **PKM** melalui inisiatif berikut:

#FPP_jana memastikan objektif strategik penjanaan hasil dilaksanakan melalui **penawaran program akademik yang relevan dengan keperluan pasaran semasa termasuk program pascasiswazah, program profesional dan program Francais FPP-iCEPS**. FPP juga menawarkan **Program Intersesi dan Semester Pendek, UiTMSeat Plus dan International Summer** yang menyumbang kepada penjanaan pendapatan utama.

Penganjuran persidangan dan pertandingan inovasi di peringkat antarabangsa seperti **ABRIC2024 dan VIIC2024** meningkatkan penjanaan pendapatan FPP. Perkhidmatan perundingan dan kepakaran oleh pensyarah, aktiviti sewaan ruang dan kemudahan serta aktiviti pelajar seperti **Career Fair 2024** dan keusahawanan pelajar juga memberi penjanaan pendapatan FPP (**Bukti 1.3.3**).

#FPP_dana dilaksanakan melalui aktiviti penyelidikan, pertandingan inovasi, penganjuran persidangan, rundingan (Industri/Kementerian) dan Geran (Kebangsaan, Antarabangsa dan Industri). Pelaksanaan aktiviti pendanaan daripada industri seperti MBSB Bank, MDEC dan Akademi Zakat (AZKA-PPZ) serta pendanaan program **Career Fair 2024, ICAN Week 2024** serta pembiayaan program **ERASMUS Staff Mobility Grant (Bukti 1.3.4a)**.

#FPP_jimat merupakan inisiatif penjimatan yang dilaksanakan melalui pembangunan secara dalaman **FBMIS**, naik taraf Bilik RENOVA, penggunaan eMesyuarat, penganjuran Majlis Pra-Graduan, pelaksanaan intersesi dan semester pendek dalam talian. Pendigitalan proses kerja melalui **FBMIS** dan pemantauan perbelanjaan operasi melalui JKTAF bagi memastikan kos dikawal dan perbelanjaan berhemah dilaksanakan tanpa menjejaskan kualiti perkhidmatan. (**Bukti 1.3.4b**).

Pengurusan sumber manusia FPP dipacu melalui model **SOLEP** merangkumi empat (4) komponen strategi sebagai usaha memperkasakan sumber manusia FPP melalui **Performance Outcomes** dalam menggerakkan **PKM** merangkumi Inisiatif **#FPP_Model3P (Bukti 1.3.5a)**.

PKFPP mengambil pendekatan menyediakan **Takwim FPP 2024** sebagai rujukan dan panduan pelaksanaan aktiviti termasuk yang berkaitan BT. Takwim berfungsi sebagai **mekanisme perancangan dan kawalan pelaksanaan** aktiviti secara sistematik (**Bukti 1.3.5b**).

Pemantauan pencapaian inisiatif dilaksanakan melalui **Jawatankuasa Pelan Tindakan Strategi FPP** yang dipengerusikan oleh Dekan dan kepimpinan FPP sebagai ahli/ketua teras bagi memastikan semua inisiatif ditadbir urus dengan berfokus, selaras dengan sasaran strategik FPP dengan **kekerapan mesyuarat 4 bulan sekali (Bukti 1.3.5c)**

SENARAI BUKTI :

1. [F0023_K01_KB03_20251_Bukti 1.3.1.pdf](#)
2. [F0023_K01_KB03_20252_Bukti 1.3.2.pdf](#)
3. [F0023_K01_KB03_20253_Bukti 1.3.3.pdf](#)
4. [F0023_K01_KB03_20254_Bukti 1.3.4.pdf](#)
5. [F0023_K01_KB03_20255_Bukti 1.3.5.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

1.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

PEMANTAUAN KEPIMPINAN MENINGKATKAN KECEKAPAN PENGURUSAN KEWANGAN MAMPAN

Pelan Pemantauan oleh PKFPP untuk mencapai BT ke tahap cemerlang dalam pengurusan kewangan mampan dilaksanakan secara sistematik melalui inisiatif **#FPP_Model3P** seperti berikut:

1. **Laporan berkala pencapaian FBM SAP 2024** dibentang oleh Penyelaras Strategi Transformasi Universiti (PSTU) pada **14 Jun 2024, 6 September 2024 dan 26 November 2024** melalui Sistem UePMOv2. Berdasarkan **FBM SAP 2024**, pencapaian prestasi FPP meningkat setiap suku tahun (**Bukti 1.4.1.1a**). Penambahbaikan berterusan telah dilaksanakan melalui pelaporan dan hasilnya FPP menerima **Anugerah Kecemerlangan SAP dan Anugerah Lonjakan Prestasi SAP** dalam Majlis AKPU2024 (**Bukti 1.4.1.1b**).
2. PKFPP mengadakan **semakan bagi mengambil tindakan terhadap hasil analisis pencapaian** bagi inisiatif **#FPP_Model3P** dan **disebarluaskan kepada seluruh warga FPP** melalui mesyuarat utama seperti **JKEF, JTAF, MKSP, Mesyuarat Staf Akademik dan Mesyuarat Jabatan** (**Bukti 1.4.1.2**).
3. **JTAF** yang bermesyuarat **secara bulanan** berperanan memantau prestasi kewangan FPP. **Laporan penjaanaan hasil FPP disediakan oleh wakil Bendahari yang akan menasihati jawatankuasa dalam proses kelulusan dan perbelanjaan wang tabung.** Pencapaian inisiatif **#FPP_Model3P** dibincangkan bagi memastikan kelulusan yang disalurkan kepada aktiviti berjaya dilaksanakan. JTAF berperanan menyarankan penambahbaikan kepada pelaksanaan aktiviti bagi memastikan aktiviti tersebut berjalan dengan lancar (**Bukti 1.4.1.3**).
4. Pencapaian **objektif kualiti telah disemak oleh Pasukan Audit Dalam pada Disember 2023. Penemuan audit, laporan maklum balas pelanggan, dan laporan pengurusan risiko telah dianalisis melalui MKSP pada 6 Jun 2024** dan setiap tindakan pembetulan telah dilaksanakan. Seterusnya, **Audit Susulan** dijalankan bagi memastikan tindakan pembetulan dilaksanakan. **Audit Dalam FPP yang menyemak pencapaian penawaran program akademik** memberi input penambahbaikan kepada inisiatif **#FPP_jana** dalam MKSP (**Bukti 1.4.1.4**).
5. **FBMIS mempercepatkan proses permohonan aktiviti FPP, menyediakan data bagi laporan dalam mesyuarat JTAF, JKEF, Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM).** Penggunaan sistem ini telah membantu FPP memantau pelaksanaan aktiviti mengikut perancangan yang ditetapkan. **Penambahbaikan telah dilaksanakan dengan penyediaan pelaporan** dalam sistem menjimatkan masa dan kos operasi FPP (**Bukti 1.4.1.5a**).

Pencapaian pelaksanaan BT dalam **FBM SAP 2024** melibatkan inisiatif **#FPP_jana, #FPP_dana** dan **#FPP_jimat** telah dianalisis dan dipantau **secara sukuan tahun**. Punca **kegagalan inisiatif dikenalpasti melalui Root Cause Analysis** dan dilaporkan dalam **mesyuarat utama FPP** untuk tindakan penambahbaikan melalui pelaksanaannya di peringkat jabatan (**Bukti 1.4.1.5b**)

SENARAI BUKTI:

1. [F0023_K01_KB04_KC01_20251_Bukti 1.4.1.1.pdf](#)
2. [F0023_K01_KB04_KC01_20252_Bukti 1.4.1.2.pdf](#)
3. [F0023_K01_KB04_KC01_20253_Bukti 1.4.1.3.pdf](#)
4. [F0023_K01_KB04_KC01_20254_Bukti 1.4.1.4.pdf](#)

1.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

KEPIMPINAN FPP MELANGKAH KEHADAPAN - MITIGASI RISIKO DALAM PENGURUSAN KEWANGAN MAMPAN

Pengurusan risiko FPP dirancang dan dilaksanakan secara sistematik bagi mengenal pasti risiko dalam *FBM SAP 2024* dan *#FPP_Model3P* serta direkodkan dalam **Daftar Risiko FPP 2024 (Strategik dan Operasi) (Bukti 1.4.2.1a)**. Pelan tindakan risiko disediakan dengan **berpanduan Manual Pengurusan Risiko UiTM (Bukti 1.4.2.1b)** yang menetapkan kuasa dan tanggungjawab Jawatankuasa Pemilik Risiko (JPR) dalam mengendalikan risiko FPP.

Risiko FPP dikategorikan kepada dua (2) iaitu risiko strategik dan risiko operasi. Risiko strategik merujuk kepada risiko pelaksanaan inisiatif strategik dalam *FBM SAP 2024* yang menjangka halangan dalam pencapaian inisiatif sebagai tindakan pencegahan awal di bawah *#FPP_Model3P (Bukti 1.4.2.2a)*. Setiap inisiatif *#FPP_Model3P* dikenal pasti risiko dan PKFPP mengambil tindakan mitigasi untuk mengurangkan kesan dalam pelaksanaan BT yang disenaraikan **(Bukti 1.4.2.2b)**.

Risiko pelaksanaan objektif strategik FPP dalam BT dikenal pasti, diambil tindakan, dan dipantau melalui JPR. Ini termasuk:

- Pelantikan Ahli Jawatankuasa Kerja Pengurusan Risiko **(Bukti 1.4.2.3a)**.
- Penyediaan Daftar Risiko FPP - Risiko Strategik **(Bukti 1.4.2.1a)**.
- Penyediaan Daftar Risiko Pengoperasian Kewangan **(Bukti 1.4.2.2b)**.
- Dilaporkan dalam mesyuarat JPR secara berkala (3 kali setahun) **(Bukti 1.4.2.3b)**
- Dilaporkan dalam MKSP sekurang-kurangnya setahun sekali **(Bukti 1.4.2.3c)**

PKFPP mengambil tindakan pencegahan dan penambahbaikan terhadap daftar risiko melibatkan inisiatif *#FPP_Model3P* sebagai contoh dalam aktiviti penawaran program akademik, antaranya:

- **Kualiti akademik terjejas (No. Rujukan - Risiko_2022-R01)**: Jumlah pensyarah yang tidak mencukupi dalam sesuatu bidang akan menjejaskan kualiti akademik. FPP telah membuat penambahan waran terhadap pengambilan pensyarah secara berperingkat **(Bukti 1.4.2.4a)** bagi mengekalkan kualiti akademik. **Program 'Collaborative Teaching'** yang melibatkan penceramah dari industri/universiti tempatan memberi impak dan meningkatkan kualiti akademik di kalangan pensyarah **(Bukti 1.4.2.4b)**.
- **Sukar untuk mencapai target enrolmen pelajar (No. Rujukan - Risiko_2022-R03)**: Kurang keberkesanan program promosi dan Misi Akademik seperti 'Selangkah' dan 'Jom Masuk IPT'. PKFPP mengambil tindakan dengan melantik Koordinator Promosi dan Koordinator Misi Akademik yang bertindak sebagai peneraju bagi program promosi pengambilan pelajar yang diadakan **(Bukti 1.4.2.4c)**.

Penambahbaikan berterusan dalam pelaksanaan *#FPP_Model3P* dengan **mengenalpasti risiko baharu dan dibincangkan dalam mesyuarat JPR** dapat memastikan risiko diambil tindakan mitigasi lebih awal dan secara berkesan serta **dapat mengurangkan kesan negatif terhadap pelaksanaan BT (Bukti 1.4.2.5)**.

SENARAI BUKTI :

1. [F0023_K01_KB04_KC02_20251_Bukti_1.4.2.1.pdf](#)
2. [F0023_K01_KB04_KC02_20252_Bukti_1.4.2.2.pdf](#)
3. [F0023_K01_KB04_KC02_20253_Bukti_1.4.2.3.pdf](#)
4. [F0023_K01_KB04_KC02_20254_Bukti_1.4.2.4.pdf](#)

5. [F0023_K01_KB04_KC02_20255_Bukti 1.4.2.5.pdf](#)

1.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

KEPIMPINAN FPP PENERAJU INISIATIF PENAMBAHBAIKAN BERTERUSAN

PKFPP menetapkan **semua inisiatif BT** dalam **#FPP_Model3P** yang dilaksanakan perlu melalui semakan, kajian keberkesanan dan tindakan penambahbaikan melalui fasa berikut:

1. **Pencapaian FBM SAP 2024** bagi inisiatif **penjanaan pendapatan, pendanaan pendapatan dan penjimatan kewangan** yang menyokong UiTM Pelan Strategik 2025 dilaporkan **secara sukuan tahun** dalam **Mesyuarat Jawatankuasa Pelan Tindakan Strategi (JPTS) FBM SAP (Bukti 1.4.3.1)**. Peneraju inisiatif diminta mengemukakan **laporan kemajuan kepada PSTU FPP** yang melaporkan melalui sistem UePMOv3 (**Bukti 1.4.3.2a**).
2. **Semakan pencapaian inisiatif #FPP_jana, #FPP_dana dan #FPP_jimat** disediakan **setiap empat (4) bulan**. Penyediaan laporan pencapaian disediakan oleh peneraju PI yang diselaraskan oleh PSTU FPP. Mesyuarat **JPTS** dipengerusikan oleh Dekan dan ahlinya terdiri daripada TD, TPK dan KPP (**Bukti 1.4.3.2b**).
3. **Post-mortem** pencapaian **FBM SAP 2023** dilaksanakan dalam **Bengkel Perancangan Strategik FPP** secara tahunan yang membincangkan pencapaian dan menetapkan sasaran baru (**Bukti 1.4.3.3a**). Dekan membentangkan pencapaian keseluruhan FPP dan menetapkan sasaran baru dalam Amanat Dekan FPP pada 6 Mac 2024 (**Bukti 1.4.3.3b**).
4. Pelaksanaan inisiatif **#FPP_Model3P** melalui proses **permohonan peruntukan, perolehan dan perbelanjaan melalui FBMISS (Bukti 1.4.3.4a)** dan perolehan kemudahan dan perkhidmatan serta bayaran melalui **sistem FinePortal (Bukti 1.4.3.4b)**. Data peruntukan, pembelanjaan dan penjanaan hasil dianalisis bagi tujuan penambahbaikan prestasi. Laporan kewangan dan penggunaan Wang Tabung Amanah dibentangkan dalam JTAF setiap bulan (**Bukti 1.4.3.4c**).

PKFPP menganalisis pencapaian inisiatif **#FPP_Model3P** termasuk faktor kejayaan dan kegagalan serta mengambil tindakan secara cekap dan berkesan seperti berikut:

- Memastikan data pencapaian inisiatif **#FPP_Model3P** dikumpulkan **secara sistematik oleh jabatan/ketua teras dan dilaporkan secara berpusat kepada JPTS/JKEF/JTAF**.
- Menganalisis pencapaian dan **mengambil tindakan penambahbaikan, menilai keberkesanan** berdasarkan pencapaian sebelum melalui penemuan audit dalam dan MKSP.
- Melaksanakan tindakan penambahbaikan melalui **strategi baharu merangkumi penetapan tindakan dan tempoh pelaksanaan serta penilaian semula sasaran** ke atas inisiatif BT berdasarkan analisis data pencapaian inisiatif sebelumnya.

Hasil penganalisan dari maklumbalas warga juga diambilkira untuk penambahbaikan prestasi secara berterusan bagi inisiatif strategik BT yang dilaksanakan. Contoh, maklumbalas warga dalam **Mesyuarat Staf Akademik FPP (bukti 1.4.3.5a)** dan **maklumbalas Soal Selidik Kemudahan Bilik Pensyarah (bukti 1.4.3.5b)** diambil tindakan segera bagi memastikan kepuasan hati staf diutamakan dan hasil kejayaan FPP dikongsi bersama warga FPP.

SENARAI BUKTI :

1. [F0023_K01_KB04_KC03_20251_Bukti 1.4.3.1.pdf](#)
2. [F0023_K01_KB04_KC03_20252_Bukti 1.4.3.2.pdf](#)
3. [F0023_K01_KB04_KC03_20253_Bukti 1.4.3.3.pdf](#)
4. [F0023_K01_KB04_KC03_20254_Bukti 1.4.3.4.pdf](#)
5. [F0023_K01_KB04_KC03_20255_Bukti 1.4.3.5.pdf](#)

1.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

INTEGRASI HOLISTIK DALAM KEPIMPINAN MEMPERKASA PENGURUSAN KEWANGAN MAMPAN

PKFPP berperanan dalam memacu FPP ke arah pengurusan kewangan mampan melalui pendekatan strategik *FBM SAP 2024* dan juga melaksana **#FPP_Model3P** melibatkan seluruh staf FPP seperti berikut:

1. PKFPP melalui JTAf merangka inisiatif berdasarkan **#FPP_Model3P** bagi menggalakkan staf untuk menjana pendapatan alternatif melalui pelbagai aktiviti seperti **penawaran program-program akademik, pelaksanaan konferensi, program dan aktiviti anjuran pelajar yang melibatkan alumni dan industri, penyewaan ruang dan aset universiti dan perkhidmatan perundingan (Bukti 1.5.1a)**. Pendekatan ini selaras dengan Pelan Strategik UiTM 2025 yang menekankan **pemerolehan sumber pendapatan baharu bagi memperkukuhkan kewangan mampan universiti menjelang 2025. (Bukti 1.5.1b)**
2. **Memperkasakan program akademik dengan mengintegrasikan program yang relevan dengan keperluan industri dalam kurikulum akademik** di FPP bagi memastikan graduan memiliki kemahiran yang diperlukan dalam pasaran kerja. Program FPP merupakan **program yang paling popular dalam penawaran program di iCEPS**. FPP juga mengambil inisiatif **menawarkan kursus-kursus self-funding bagi program pascasiswazah** yang menjana pendapatan. Program **UiTMSeat Plus** yang menawarkan pilihan kepada pelajar juga mendapat sambutan dan memberi penjana pendapatan FPP **(Bukti 1.5.2a)**
3. **Menjalin kerjasama strategik dengan industri seperti MBSB Bank, MDEC dan Akademi Zakat (AZKA-PPZ)** serta pelbagai lagi institusi dan agensi luar yang telah membuka peluang kolaborasi dan kerjasama. Ini membantu FPP mendapatkan sumber pendapatan tambahan apabila industri ini menaja program/aktiviti utama FPP serta kerja-kerja ubah suai ruang utama FPP **(Bukti 1.5.2b)**.
4. Meningkatkan Literasi Kewangan Pelajar melalui latihan dan **penyediaan inkubator keusahawanan yang memfokuskan kepada pengurusan kewangan pelajar** dengan kemahiran yang diperlukan untuk mengurus kewangan secara berkesan. Bengkel dan program latihan dalam pengurusan kewangan diadakan untuk pelajar-pelajar keusahawanan dan hasilnya PKFPP berjaya menyediakan beberapa **inkubator keusahawanan** pelajar sebagai inisiatif dalam membudayakan penjana pendapatan di kalangan pelajar **(Bukti 1.5.2c)**
5. **Pembangunan FB MIS secara dalaman** merupakan pendekatan inovasi untuk mengurus inisiatif dan **meningkatkan kecekapan operasi termasuk pengumpulan data, pelaksanaan aktiviti, pelaporan dan pemantauan prestasi FPP** serta prestasi perbelanjaan termasuk pencapaian BT dan pelaksanaan inisiatifnya **(Bukti 1.5.3a)**
6. **Amalan Tadbir Urus Kewangan yang telus** dalam menguruskan kewangan FPP, melalui Mesyuarat JTAf yang berperanan dalam memastikan semua urusan berkaitan kewangan dibentangkan, diputuskan dan dipersetujui dalam mesyuarat **(Bukti 1.5.3b)**. Keahlian terdiri daripada PKFPP dan **seorang Profesor telah dilantik sebagai ahli mesyuarat bagi meningkatkan kecekapan tadbir urus jawatankuasa (Bukti 1.5.3c)**. Wakil Bendahari UCS dalam mesyuarat berjaya memastikan proses kewangan dijalankan secara telus dan mengikut garis panduan dan pekeliling semasa yang dikeluarkan oleh pihak bendahari UiTM. Inisiatif ini berjaya meningkatkan pulangan penjana pendapatan FPP melalui inisiatif **#FPP_Model3P** dan memastikan pengurusan kewangan mampan berjaya mencapai sasaran pelaksanaannya.

Pengiktirafan dan penghargaan terhadap kejayaan inisiatif **#FPP_Model3P** dengan menyampaikan ucapan penghargaan melalui **media sosial (facebook dan instagram), laman sesawang FPP, buletin FPP iaitu SocenTiUM (2 kali tahun)** sebagai dorongan kepada staf FPP untuk terus menghasilkan inovasi yang berkualiti **(Bukti 1.5.4a)**. FPP menganjurkan

Program pengurangan beban dan lain-lain bagi pencapaian dalam P. dan M. (Bukti 1.5.4b).

Dengan inisiatif-inisiatif ini, kepimpinan FPP telah memastikan objektif strategik tercapai malah berjaya memupuk budaya pengurusan kewangan mampan di kalangan warga FPP dan diiktiraf melalui anugerah AKPU2024 dan lain-lain anugerah yang diterima FPP (Bukti 1.5.5)

SENARAI BUKTI :

1. [F0023_K01_KB05_20251_Bukti 1.5.1.pdf](#)
2. [F0023_K01_KB05_20252_Bukti 1.5.2.pdf](#)
3. [F0023_K01_KB05_20253_Bukti 1.5.3.pdf](#)
4. [F0023_K01_KB05_20254_Bukti 1.5.4.pdf](#)
5. [F0023_K01_KB05_20255_Bukti 1.5.5.pdf](#)

KRITERIA 2 : PERANCANGAN STRATEGIK

2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

STRATEGI PENGURUSAN KEWANGAN MAMPAN BERASASKAN #FPP_MODEL3P

PERANCANGAN Strategik (PS) Bidang Tumpuan (BT) Fakulti Pengurusan dan Perniagaan (FPP) yang memberi tumpuan kepada **Pengurusan Kewangan Mampan** adalah selari dengan **Rancangan Malaysia ke-12 (RMK12)**, **Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) [PPPM (PT)]** dan **UiTM 2025 Strategic Plan** serta **Garis Panduan Strategi Bajet UiTM 2024**.

Tema Ke-3 (Melonjak Kemampanan) dalam **RMK12** menetapkan **Pemacu Perubahan ke-8** untuk mencapai anjakan sistematik bagi beralih kepada model ekonomi kitaran yang mampan. Penggunaan ekonomi kitaran yang lebih sistematik mewujudkan peluang penjana hasil dan pendanaan kepada Universiti/FPP selari dengan Lonjakan ke-5 PPPM (PT) iaitu **Kemampanan Kewangan**. **UiTM 2025 Strategic Plan** meletakkan Strategi Berasaskan Nilai sebagai Teras Strategik yang disokong oleh **Strategic Theme 9 (Sustainable Funding) UiTM 2025 Strategic Plan**.

PS BT FPP dirancang melalui **Faculty of Business and Management Strategic Action Plan 2024 (FBM SAP 2024)** menggariskan strategi **penjana, pendanaan dan penjimatan** dengan penglibatan semua bahagian utama FPP iaitu Bahagian Hal Ehwal Akademik (HEA), Bahagian Penyelidikan dan Inovasi (RENOVA), Bahagian Jaringan Industri, Komuniti dan Alumni (ICAN), Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP) dan Bahagian Pentadbiran. FPP memberi tumpuan dalam Pengurusan Kewangan Mampan dengan merangka inisiatif **FPP Model 3P (#FPP_Model3P)** merangkumi **tiga (3) teras utama** iaitu **#FPP_jana** (penjana pendapatan), **#FPP_dana** (pendanaan pendapatan) dan **#FPP_jimat** (penjimatan kewangan) sebagai asas menggerakkan BT berpandukan Garis Panduan Strategi Bajet UiTM 2024.

PELAKSANAAN PS BT FPP memberi tumpuan kepada **Pengurusan Kewangan Mampan** berteraskan **tiga (3) teras utama** iaitu **#FPP_jana**, **#FPP_dana** dan **#FPP_jimat** melibatkan semua bahagian utama FPP. Teras utama ini diselaraskan dengan **tiga (3) Objektif Strategik (OS)** iaitu; **OS1** (Mencapai **penjana pendapatan** melebihi sasaran **PI129** yang ditetapkan oleh universiti), **OS2** (Mencapai sasaran **PI064, PI065, PI066 dan PI077** bagi jumlah **pendanaan pendapatan** yang ditetapkan oleh universiti) dan **OS3** (Memastikan **penjimatan kos operasi** dan perbelanjaan berhemah dalam program yang dijalankan). **Inisiatif Strategik (IS)** diwujudkan bagi mencapai **OS** ditetapkan, manakala **Key Performance Indicator (KPI)** ditetapkan dalam **FBM SAP 2024** sebagai ukuran kepada **pelaksanaan inisiatif #FPP_Model3P**. **PS FPP** disebar luas kepada warga FPP dan pemegang taruh melalui **Amanat Dekan FPP**, penyediaan **FBM SAP 2024** yang dimuatnaik dalam laman sesawang FPP, media sosial FPP dan perjumpaan bersama industri.

PEMANTAUAN terhadap kemajuan dan pencapaian **IS dan PI** dijalankan secara efektif oleh Pengurusan Kanan FPP (PKFPP) berdasarkan pendekatan sistematik proses **Plan-Do-Check-Act (PDCA)**. Pemantauan berkala dilaksanakan melalui **Jawatankuasa Eksekutif Fakulti (JKEF)**, **Jawatankuasa Tabung Amanah Fakulti (JTAF)**, **Jawatankuasa Pemilik Risiko (JPR)**, **Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP)**, dan **Jawatankuasa Pelan Tindakan Strategi Fakulti (JPTS) FPP**. **Mesyuarat utama FPP** memastikan semua IS yang dilaksanakan mencapai OS yang ditetapkan. Pemantauan dilaksanakan melalui **Faculty of Business and Management Information System (FBMIS)** dan **Sistem Pengurusan dan Pemantauan Projek (UePMOv3)** yang diselaraskan oleh **Bahagian Transformasi Universiti (BTU)**.

PENAMBAHBAIKAN hasil pemantauan dibentangkan dalam mesyuarat utama telah dianalisis dan ditambahbaik melalui **Bengkel FBM SAP 2024**. Risiko berkaitan IS pengurusan kewangan

mempunyai akreditasi melalui **Bengkel / Bil. 571/ 2023**, mesyuarat **SK dan Audit Dalam** yang dibentangkan dalam MKSP. Analisis keberkesanan pelaksanaan IS digunakan bagi melaksana **tindakan penambahbaikan** dengan lebih berkesan memacu kecemerlangan prestasi FPP terutamanya bagi **tiga (3) teras utama** iaitu **#FPP_jana, #FPP_dana dan #FPP_jimat**.

2.2 PENDEKATAN (APPROACH)

STRATEGI FPP DALAM PENJANAAN PENDAPATAN, PENDANAAN PENDAPATAN DAN PENJIMATAN KEWANGAN

OS dalam BT Pengurusan Kewangan Mampan dirancang melalui *FBM SAP 2024* mengikut acuan *Strategic Theme 9 (Sustainable Funding) UiTM 2025 Strategic Plan*. Tiga (3) OS iaitu; **OS1**: Mencapai penjanaan pendapatan melebihi sasaran **PI129** yang ditetapkan oleh universiti; **OS2**: Mencapai sasaran **PI064, PI065, PI066** dan **PI077** bagi jumlah pendanaan pendapatan yang ditetapkan oleh universiti; **OS3**: Memastikan penjimatan kos operasi bagi program yang dijalankan. OS diselaraskan dengan tiga (3) teras utama dalam *#FPP_Model3P* iaitu *#FPP_jana, #FPP_dana* dan *#FPP_jimat (Bukti 2.2.1)*. IS BT berpandukan tiga (3) teras utama dan OS BT selaras dengan agenda kepimpinan FPP (*Bukti 2.2.2a*) dan (*Bukti 2.2.2b*).

#FPP_jana dan **OS1** dirancang dan dilaksana melalui IS yang ditetapkan melibatkan **PI129** dalam *FBM SAP 2024*. Melalui penawaran program akademik secara **Francais FPP-iCEPS**, FPP menerima hasil royalti daripada program akademik secara francais bersama iCEPS. FPP menerima hasil tertinggi dalam sistem UiTM dengan pendapatan **RM884,513.21**. IS program **Intersesi dan Semester Pendek** yang melibatkan penawaran kursus semasa cuti semester Ogos–September 2024 berjaya menjana pendapatan **RM515,290.00**. FPP melalui IS **Persidangan** seperti *ABRIC2024* pada 28 Mei 2024 di Pulau Pinang dengan penjanaan pendapatan **RM239,415.00 (Bukti 2.2.3a)**. FPP telah diiktiraf dengan **Anugerah Penjanaan Pendapatan Cemerlang** dalam **Majlis Anugerah Kecemerlangan Prestasi UiTM 2024**. Pengiktirafan ini telah diberikan kepada FPP tiga (3) tahun berturut-turut (2022-2024) di atas pencapaiannya yang konsisten dalam pelaksanaan *FBM SAP* dan **Inisiatif Utama #FPP_Model3P (Bukti 2.2.3b)**.

#FPP_dana dan **OS2** melibatkan perolehan dana daripada industri, agensi kerajaan dan antarabangsa bagi pelaksanaan program melalui **PI064, PI065, PI066** dan **PI077** berjaya mengenalpasti industri/agensi yang memberi nilai tambah kepada program dijalankan (*Bukti 2.2.4a*). Inisiatif bersama **Etiga Takaful & Akademi Zakat (AZKA-PPZ) WP** dengan pendanaan sebanyak **RM35,000** berjaya menaik taraf ruang di FPP kepada **Etiga-AZKA Corner** yang digunakan untuk pembelajaran dan perbincangan berkaitan ekonomi dan kewangan Islam (*Bukti 2.2.4b*). **Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC)** menyalurkan dana sebanyak **RM69,800** bagi program *MOHE_MDEC Global Outsourcing Talent (GOT)* bertujuan meningkatkan kemahiran dan kebolehpasaran pelajar. **MBSB Bank** menyalurkan dana sebanyak **RM131,850.00** untuk program *Industry Grant on Digibiz Mastery Proposal* dan **Program Inkubator Keusahawanan Pelajar (Bukti 2.2.4c)**. FPP memperoleh **ERASMUS Staff Mobility Grant** berjumlah **RM72,165,000** bagi pembiayaan aktiviti peringkat Antarabangsa (*Bukti 2.2.4d*).

#FPP_jimat dan **OS3** menyenaraikan inisiatif yang memberi penjimatan kepada pengoperasian FPP selaras dengan strategi bajet UiTM. IS **penjimatan kewangan** melalui pembangunan **FBMIS** dan penggunaan **eMesyuarat** serta amalan perbelanjaan berhemah dalam penggunaan tenaga dan sumber yang cekap dapat meningkatkan penjimatan. Pelaksanaan Program Intersesi dan Semester Pendek secara dalam talian berjaya menjimatkan kos dan mengoptimumkan sumber FPP (*Bukti 2.2.5a*).

Inisiatif Bahagian RENOVA menggunakan keuntungan dari penganjuran program telah merealisasikan satu ruang khas iaitu **MindSpace RENOVA** berjumlah **RM30,811.00** dan memberi manfaat kepada warga FPP bagi tujuan memperkasakan program penyelidikan dan mewujudkan budaya percambahan idea dan maklumat. **Bahagian HEP** berjaya menjimatkan kewangan sebanyak **50% daripada kos penganjuran** dengan inisiatif perkongsian peruntukan bersama pelajar bagi menganjurkan **Majlis Pra-Graduasi (Bukti 2.2.5b)**.

SENARAI BUKTI:

1. [F0023_P01_PB02_20251_BUKTI 2.2.1.pdf](#)
2. [F0023_P01_PB02_20252_BUKTI 2.2.2a dan BUKTI 2.2.2b.pdf](#)
3. [F0023_P01_PB02_20253_BUKTI 2.2.3a dan BUKTI 2.2.3b.pdf](#)
4. [F0023_P01_PB02_20254_BUKTI 2.2.4a dan Bukti 2.2.4b dan Bukti 2.2.4c dan Bukti 2.2.4d.pdf](#)
5. [F0023_P01_PB02_20255_BUKTI 2.2.5a dan BUKTI 2.2.5b.pdf](#)

2.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

STRATEGI SINERGI BERSAMA PEMEGANG TARUH MENDOKONG PENGURUSAN KEWANGAN MAMPAN

FPP melaksanakan IS dengan memberi tumpuan kepada **pengurusan kewangan mampan** yang dilaksanakan melalui **#FPP_Model3P** dengan **tiga (3) teras utama** iaitu **#FPP_jana**, **#FPP_dana** dan **#FPP_jimat**. Teras utama diselaraskan dengan tiga (3) OS iaitu **OS1**: Mencapai **penjanaaan pendapatan** melebihi sasaran **PI129** yang telah ditetapkan oleh universiti; **OS2**: Mencapai sasaran **PI064, PI065, PI066 dan PI077** bagi jumlah **pendanaan pendapatan** yang telah ditetapkan oleh universiti; **OS3**: Memastikan **penjimatan kos operasi** bagi program yang dijalankan (**Bukti 2.3.1a**).

Pelaksanaan **OS** dan **BT** juga diselaraskan dengan **RMK12, PPPM (PT) 2015 - 2025**, dan **UiTM 2025 Strategic Plan** serta **FBM SAP 2024**. Model baharu ekonomi dalam RMK12 memacu perubahan ekonomi kitaran yang mampan membolehkan FPP memperoleh hasil kewangan daripada aktiviti penjanaaan dan pendanaan pendapatan dan digunakan untuk menampung aktiviti-aktiviti utama FPP (**Bukti 2.3.1b**). **#FPP_Model3P** memberi gambaran PI yang terlibat bukan sekadar berjaya menjana hasil kewangan, tetapi menunjukkan pengurusan dana yang strategik, lestari dan berimpak tinggi melalui agihan semula hasil melalui perbelanjaan berhemah yang seimbang (**Bukti 2.3.1c**).

SAP 2024 adalah rujukan utama **PKFPP** dalam melaksanakan **BT** melalui pendekatan strategik. **PI129** digerakkan melalui inisiatif **#FPP_jana** yang berjaya mencapai jumlah sebanyak **RM1,771,643.50**, melepasi sasaran ditetapkan sebanyak **RM200,000.00**. Manakala, **PI064, PI065, PI066 dan PI077** dilaksanakan sebagai **#FPP_dana** yang mencapai pendanaan sebanyak **RM2,502,967.82** (**Bukti 2.3.2a**).

#FPP_Model3P memberi fokus kepada **pencaapaian prestasi berasaskan nilai**, dengan matlamat UiTM menjadi universiti yang tersohor di dunia. Dekan secara berkala menyampaikan **Amanat Dekan** kepada warga FPP, yang memberi penekanan kepada hala tuju perancangan strategik FPP serta pembentangan **Performance Indicator (PI)** yang ditetapkan oleh universiti (**Bukti 2.3.2b**). Amanat Dekan juga menetapkan sasaran baru yang perlu dicapai oleh FPP untuk tahun akan datang dengan menyenaraikan inisiatif dan penetapan PI dalam **FBM SAP 2024** (**Bukti 2.3.2c**).

Perluasan pelaksanaan **PS FPP** diperkukuh melalui sesi perkongsian bersama **pemegang taruh** seperti **perjumpaan dengan penasihat industri**, termasuk **pengurusan tertinggi UiTM**. Hala tuju FPP dibincang bersama **Naib Canselor dan penasihat industri** dalam Mesyuarat Khas yang diadakan (**Bukti 2.3.3a**). FPP turut proaktif berkongsi PS bersama **pemimpin pelajar** untuk memastikan pelajar cakna dengan hala tuju strategik FPP (**Bukti 2.3.3b**). **Perbincangan berterusan** bersama **industri** membantu merealisasikan pelan strategik yang dirancang (**Bukti 2.3.3c**). **Pertemuan bersama industri** juga membolehkan FPP menjalin kolaborasi bermanfaat, seperti penubuhan **Etiqua-AZKA Corner** dengan pembiayaan berjumlah **RM35,000.00** daripada **AZKA-PPZ Wilayah Persekutuan** (**Bukti 2.3.4a**). Di peringkat antarabangsa, FPP menjalinkan hubungan strategik bersama pihak **ERASMUS+** dan berjaya memerolehi **Erasmus Staff Mobility Grant** berjumlah **RM72,165,000** (**Bukti 2.3.4b**).

Pelaksanaan **IS** melibatkan seluruh warga FPP dengan pelbagai latar belakang dan kemahiran, telah mewujudkan budaya kerja yang kondusif untuk kejayaan pelaksanaan **IS**. Pelaksanaan **IS** berdasarkan **FBM SAP 2024** melibatkan semua bahagian utama FPP bertanggungjawab untuk mengurus dan melaksana IS serta melaporkan pencapaian kepada **PKFPP**. Hasil daripada setiap **IS** yang dilaksanakan secara langsung menyumbang kepada **skor pencapaian 96%** bagi **Anugerah Kecemerlangan Prestasi Fakulti di AKPU 2024**. FPP telah merangkul pengiktirafan kedudukan **Kedua Terbaik di UiTM** (**Bukti 2.3.5**).

keseluruhan perancangan, pelaksanaan, dan penyebaran **US** dan **IS** menunjukkan **komitmen FPP** dalam mencapai **pengurusan kewangan yang mampan**, selaras dengan matlamat strategik UiTM dan visi negara.

SENARAI BUKTI :

1. [F0023_P01_PB03_20251_BUKTI 2.3.1a dan BUKTI 2.3.1b dan BUKTI 2.3.1c.pdf](#)
2. [F0023_P01_PB03_20252_BUKTI 2.3.2a dan BUKTI 2.3.2b dan BUKTI 2.3.2c.pdf](#)
3. [F0023_P01_PB03_20253_BUKTI 2.3.3a dan BUKTI 2.3.3b dan BUKTI 2.3.3c.pdf](#)
4. [F0023_P01_PB03_20254_BUKTI 2.3.4a dan BUKTI 2.3.4b.pdf](#)
5. [F0023_P01_PB03_20255_BUKTI 2.3.5.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

2.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

STRATEGI PEMANTAUAN HOLISTIK FPP KE ARAH PENCAPAIAN PENGURUSAN KEWANGAN MAMPAN

FPP melaksana pemantauan secara sistematik dan konsisten kepada pencapaian OS dan pelaksanaan **IS** dalam **BT Pengurusan Kewangan Mampan**. Pelan pemantauan disediakan untuk memastikan OS dan IS dilaksanakan dan dapat dicapai dengan berkesan. Pendekatan proses **Plan-Do-Check-Act (PDCA)** digunakan dengan kitaran proses yang diaplikasi sepenuhnya untuk menilai **pelaksanaan IS** dan hasil yang berkaitan dalam **FBM SAP 2024** melalui **#FPP_Model3P** dengan **tiga (3) teras utama** iaitu **#FPP_jana**, **#FPP_dana** dan **#FPP_jimat (Bukti 2.4.1.1a)**.

Dokumen **FBM SAP 2024** menjadi sumber rujukan utama dalam pemantauan **OS** dan **IS**. **FBM SAP 2024** menyenaraikan **PI** dan **sasarannya** yang perlu dicapai dan pelaksana yang bertanggungjawab bagi setiap **IS** termasuk inisiatif dibawah **#FPP_Model3P (Bukti 2.4.1.1b)**.

FPP menetapkan **IS BT** yang disenaraikan perlu melalui semakan, analisis dan kajian keberkesanan serta tindakan penambahbaikan secara berkala. **Pencapaian IS** dipantau secara efektif melalui **mesyuarat utama FPP** yang ditetapkan (**Bukti 2.4.1.2a**). **Penyelaras Perancangan Strategik (PSTU)** bertanggungjawab membentangkan **pencapaian PI** dan **kemajuan IS** dalam JKEF yang diadakan setiap bulan dan **Mesyuarat JPTS FPP** yang diadakan secara sukuan (**Bukti 2.4.1.2b**). Pembentangan **PSTU** berdasarkan laporan pencapaian **PI** yang diterima daripada **Bahagian Transformasi Universiti (BTU)** melalui sistem **UePMOv3 (Bukti 2.4.1.3a)**. Pelaporan menyenaraikan **PI** yang dirancang dan pencapaian sebenar bagi setiap inisiatif termasuk **PI129, PI065, PI066 dan PI077**. Analisis pencapaian **PI** diteliti dan dibincangkan serta tindakan penambahbaikan diambil sekiranya **PI** tidak mencapai sasaran (**Bukti 2.4.1.3b**).

FBMIS yang dibangunkan secara dalaman menjadi salah satu platform dalam **pemantauan IS**. **Pemantauan IS** juga dibincangkan dalam **JTAF** yang berkaitan dengan **IS penjaan pendapatan, pendanaan pendapatan dan penjimatan kewangan**. **Penambahbaikan IS** dilakukan berdasarkan hasil pencapaian dan pemantauan yang dijalankan. Penambahbaikan ini dibincangkan dalam **Mesyuarat JKEF dan MKSP (Bukti 2.4.1.4a)**. Bengkel **FBM SAP 2024** yang diadakan setiap tahun menjadi platform penting penglibatan semua warga FPP secara langsung dan tidak langsung bagi memastikan **IS tercapai (Bukti 2.4.1.4b)**.

Pemantauan pencapaian **IS** dan **PI** melibatkan **BT** dilaksanakan melalui **JPTS (FBM SAP 2024)** yang dipengerusikan oleh Dekan dan kepimpinan FPP sebagai ahli/ketua teras bagi memastikan semua inisiatif ditadbir urus secara bersistematik dan berfokus, selaras dengan sasaran strategik FPP dengan kekerapan mesyuarat 4 bulan sekali (**Bukti 2.4.1.5**).

SENARAI BUKTI:

1. [F0023_P01_PB04_PC01_20251_BUKTI 2.4.1.1a dan BUKTI 2.4.1.1b.pdf](#)
2. [F0023_P01_PB04_PC01_20252_BUKTI 2.4.1.2a dan BUKTI 2.4.1.2b.pdf](#)
3. [F0023_P01_PB04_PC01_20253_BUKTI 2.4.1.3a dan BUKTI 2.4.1.3b.pdf](#)
4. [F0023_P01_PB04_PC01_20254_Bukti 2.4.1.4a dan Bukti 2.4.1.4b.pdf](#)
5. [F0023_P01_PB04_PC01_20255_Bukti 2.4.1.5.pdf](#)

2.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

STRATEGI PENGURUSAN RISIKO FPP DALAM MENCAPAI PENGURUSAN KEWANGAN MAMPAN

Pengurusan Risiko FPP dilaksanakan secara sistematik selari dengan **Manual Pengurusan Risiko UiTM** bagi mengenal pasti, menganalisis dan melaporkan risiko yang berpotensi menjejaskan **OS** dan **IS** dalam **BT Pengurusan Kewangan (Bukti 2.4.2.1a)**. FPP mengenal pasti risiko berkaitan **BT** melalui pelbagai input yang diperolehi daripada pelaksana **IS**. Input diperolehi dan dikumpulkan melalui **Mesyuarat JKEF** dan **Bengkel FBM SAP 2024**. Risiko utama **FBM SAP 2024** disenaraikan dalam **Daftar Risiko Strategik FPP (Bukti 2.4.2.1b)**, manakala risiko berkaitan dengan **BT** dikenalpasti dan disenaraikan dalam **Daftar Risiko Pengoperasian** termasuk risiko melibatkan inisiatif utama **#FPP_Model3P** yang melibatkan kemampuan untuk menjana pendapatan yang konsisten (**Bukti 2.4.2.1c**).

Risiko FPP dikategorikan kepada 2 iaitu **risiko strategik** dan **risiko operasi**. Risiko strategik merujuk kepada risiko pelaksanaan inisiatif strategik dalam **FBM SAP 2024** yang menjangka halangan dalam pencapaian inisiatif sebagai tindakan pencegahan awal di bawah **#FPP_Model3P (Bukti 2.4.2.2)**.

FPP mengenal pasti risiko yang boleh menjejaskan pelaksanaan **IS** membabitkan **#FPP_jana** dan **#FPP_dana** secara kolektif dalam **Mesyuarat JPR FPP (Bukti 2.4.2.3a)**. Contohnya, risiko **Bahagian RENOVA** yang kekurangan dana untuk menyokong aktiviti penyelidikan dan inovasi; serta risiko yang boleh menjejaskan kewujudan hubungan rakan strategik yang membolehkan pemberian dana dalam melaksanakan aktiviti. Risiko bagi **#FPP_jimat** dikenalpasti melibatkan pengurusan sumber yang tidak efisien (**Bukti 2.4.2.3b**).

Pengurusan risiko di FPP dikawal sepenuhnya melalui **Mesyuarat JPR FPP secara berkala** dan dipengerusikan oleh **Dekan FPP**. **Mesyuarat JPR FPP** dihadiri oleh pemilik risiko dari bahagian/jabatan di FPP (**Bukti 2.4.2.4a**). Mesyuarat dikendalikan oleh Penyelaras Unit Pengurusan Risiko (UPR) FPP yang bertanggungjawab menganalisis risiko yang telah dikenal pasti dan didaftarkan. Setiap risiko yang dibincangkan di **Mesyuarat JPR FPP** akan dianalisis secara mendalam untuk menentukan boleh dikawal dengan baik atau memerlukan tindakan tambahan (**Bukti 2.4.2.4b**). Risiko yang dikenalpasti dan dianalisis dalam perbincangan **JPR** dilaporkan dalam **Mesyuarat MKSP (Bukti 2.4.2.4c)**.

Penyelaras UPR FPP dan **Penyelaras PSTU** akan membentangkan **Laporan dan Pelan Tindakan Pengurusan Risiko FPP**. Cadangan penambahbaikan akan dibincangkan dan dilaksanakan untuk mencegah risiko yang serupa daripada berulang pada masa hadapan (**Bukti 2.4.2.5**). Dengan pelaksanaan tindakan risiko yang teliti, FPP memastikan bahawa setiap risiko yang wujud dalam pelaksanaan **IS BT Pengurusan Kewangan** diuruskan dengan berkesan.

SENARAI BUKTI :

1. [F0023_P01_PB04_PC02_20251_Bukti 2.4.2.1a dan Bukti 2.4.2.1b dan Bukti 2.4.2.1c.pdf](#)
2. [F0023_P01_PB04_PC02_20252_BUKTI 2.4.2.2.pdf](#)
3. [F0023_P01_PB04_PC02_20253_BUKTI 2.4.2.3a dan BUKTI 2.4.2.3b.pdf](#)
4. [F0023_P01_PB04_PC02_20254_BUKTI 2.4.2.4a dan BUKTI 2.4.2.4b dan BUKTI 2.4.2.4c.pdf](#)
5. [F0023_P01_PB04_PC02_20255_BUKTI 2.4.2.5.pdf](#)

2.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

STRATEGI PENAMBAHBAIKAN SISTEMATIK FPP MENJAMIN PENGURUSAN KEWANGAN MAMPAN

FPP menekankan kepentingan penambahbaikan berterusan dalam menjayakan IS yang berkaitan dengan **BT Pengurusan Kewangan**. Proses penambahbaikan ini dilaksanakan secara sistematik melalui mekanisme berikut:

1. **Bengkel *FBM SAP*** yang diadakan **setiap tahun** dan melibatkan semua **Peneraju IS**. Bengkel diketuai oleh **Dekan FPP** dan memberi fokus kepada **penilaian pencapaian IS** tahun sebelumnya. Analisis terperinci dilakukan terhadap **pencapaian IS**, mengambil kira faktor dalaman dan luaran serta risiko yang berpotensi menjadi pemangkin atau halangan kepada pencapaian. Input yang diperoleh dalam bengkel ***FBM SAP*** digunakan sebagai asas untuk meningkatkan pencapaian IS/PI pada tahun berikutnya (**Bukti 2.4.3.1**).
2. **Pencapaian dan penambahbaikan IS** dibincangkan secara berkala dalam mesyuarat yang melibatkan **Dekan** dan **PKFPP**. Mesyuarat seperti **JKEF** dan **JTAF** meneliti **IS BT Pengurusan Kewangan** dari sudut strategik dan operasi. Mesyuarat ini juga membudayakan integriti dan akauntabiliti dalam kalangan **Pelaksana IS** (**Bukti 2.4.3.2a**).
3. Tindakan **penambahbaikan IS** dilakukan berdasarkan laporan yang dibentangkan oleh **Ketua Unit Kualiti (KUK)**, **Penyelaras PSTU**, dan **Penyelaras UPR FPP**, dalam **MKSP**. Dalam mesyuarat ini, cadangan penambahbaikan dibincangkan secara terperinci untuk memberikan input yang relevan kepada **Pengurusan Kanan** dalam usaha meningkatkan lagi pencapaian **IS** (**Bukti 2.4.3.2b**).
4. Pembangunan ***FBMIS*** secara dalaman dengan menyediakan menu laporan membantu **FPP** menyediakan **analisis data masa nyata** bagi memantau prestasi kewangan, mengesan ketidakpatuhan, serta menyokong pembuatan keputusan yang lebih tepat dalam mesyuarat **JTAF**, **JKEF**, **Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM)**. ***FBMIS*** membantu FPP memantau pelaksanaan aktiviti mengikut perancangan yang ditetapkan (**Bukti 2.4.3.3**).
5. **Dekan dan Pengurusan Kanan FPP** sentiasa memastikan **komunikasi** yang efektif dalam **penyampaian IS** kepada seluruh warga FPP. Kaedah yang digunakan adalah melalui **Amanat Dekan 2024** dimana Dekan dan PKFPP membuat pembentangan tentang **IS** yang dirancang dan sasaran yang perlu dicapai (**Bukti 2.4.3.4**). Program ini juga menyediakan ruang untuk mendapatkan maklum balas daripada warga FPP, yang kemudiannya digunakan sebagai input untuk **penambahbaikan IS** (**Bukti 2.4.3.5a**).
6. **Kajian kepuasan pelanggan FPP** telah dijalankan bagi mendapatkan input untuk tujuan penambahbaikan operasi yang terlibat (**Bukti 2.4.3.5b**).

Melalui pelaksanaan bengkel ***FBM SAP 2024***, mesyuarat seperti **JKEF**, **JTAF** dan **MKSP** secara berkala, serta inisiatif **komunikasi yang efektif**, memastikan FPP melaksanakan **penambahbaikan IS** dengan berkesan.

SENARAI BUKTI :

1. [F0023_P01_PB04_PC03_20251_BUKTI 2.4.3.1.pdf](#)
2. [F0023_P01_PB04_PC03_20252_BUKTI 2.4.3.2a dan BUKTI 2.4.3.2b.pdf](#)
3. [F0023_P01_PB04_PC03_20253_BUKTI 2.4.3.3.pdf](#)
4. [F0023_P01_PB04_PC03_20254_BUKTI 2.4.3.4.pdf](#)
5. [F0023_P01_PB04_PC03_20255_BUKTI 2.4.3.5a dan BUKTI 2.4.3.5b.pdf](#)

2.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

STRATEGI INTEGRASI KECEMERLANGAN PRESTASI FPP PEMACU PENGURUSAN KEWANGAN MAMPAN

FPP melaksanakan penambahbaikan berterusan terhadap **IS** dalam bidang pengurusan kewangan mampan dengan **mengintegrasikan peranan bahagian/jabatan** bagi meningkatkan pencapaian inisiatif **#FPP_Model3P**. **Budaya integrasi** dizahirkan melalui **pemantauan dan analisis pencapaian IS** yang dilaksanakan melalui **Bengkel FBM SAP 2024, Mesyuarat JKEF dan Mesyuarat JPTS FPP**. Kemajuan **IS BT** yang berkaitan dengan **FBM SAP 2024** dibincang secara menyeluruh bagi penambahbaikan inisiatif utama **#FPP_Model3P** iaitu **#FPP_jana, #FPP_dana dan #FPP_jimat**. (**Bukti 2.5.1a**). Integrasi laporan melalui sistem digital seperti **UiSMS dan UePMO** digunakan bagi menyokong proses pemantauan dan pelaporan supaya lebih teratur, telus dan bersepadu (**Bukti 2.5.1b**).

FPP melaksanakan tindakan **penambahbaikan** dengan **mengintegrasikan** strategi baharu yang diselaraskan bersama jabatan dan **pelaksana IS**. Ini dapat memastikan sasaran dapat dicapai melalui penetapan tindakan, tempoh pelaksanaan dan semakan semula **PI** yang ditetapkan. Pembudayaan **integrasi penambahbaikan** dilaksanakan melalui **Bengkel FBM SAP 2024**, yang menjadi platform dalam membincang serta menganalisis **pencapaian IS**. Input perbincangan dijadikan panduan bagi perancangan **IS** tahun berikutnya yang lebih menyeluruh (**Bukti 2.5.2a**).

Mesyuarat MKSP menjadi **mekanisme integrasi penambahbaikan** melalui input daripada **laporan KUK, Penyelaras PSTU dan Penyelaras UPR FPP**, yang kemudiannya dibincangkan secara kolektif oleh Pengurusan Kanan bersama ahli mesyuarat bagi menghasilkan cadangan penambahbaikan yang lebih menyeluruh dan terperinci (**Bukti 2.5.2b**).

Pengurusan Kanan FPP turut menekankan integrasi penglibatan semua warga secara **inklusif** terhadap **IS BT** melalui agihan tugas dan tanggungjawab kepada **Pelaksana IS**. Penyepaduan usaha bersama ini mewujudkan **budaya kebersamaan** warga FPP dalam melaksanakan IS, sekali gus **memacu kecemerlangan** prestasi fakulti ke tahap yang lebih tinggi (**Bukti 2.5.3a**).

IS BT disebar luas kepada warga FPP melalui **Amanat Dekan FPP 2024** yang berfungsi sebagai **medium integrasi** kerjasama antara Pengurusan Kanan dengan semua warga fakulti. Melalui amanat disampaikan, seluruh warga FPP dapat memahami, menyokong dan menyelaras peranan masing-masing dalam pelaksanaan IS (**Bukti 2.5.3b**). **Hala tuju FPP** turut **diintegrasikan** ke peringkat universiti melalui perkongsian kepada Pengurusan Tertinggi UiTM serta disepadukan bersama **pemegang taruh** luar seperti rakan strategik dan pelajar, bagi memastikan perancangan IS mendapat sokongan menyeluruh dan berpaksikan kerjasama pelbagai pihak (**Bukti 2.5.3c**).

Dalam **membudayakan kecemerlangan prestasi** melalui pelaksanaan IS, Pengurusan Kanan FPP mengutamakan **integrasi strategik** dengan **rakan industri** dari dalam dan luar negara. **ABRIC2024** contohnya, merupakan inisiatif yang menyepadukan kepakaran akademik dengan keperluan industri bagi **#FPP_jana dan #FPP_dana** (**Bukti 2.5.4a**). Projek **Digibiz Mastery** meningkatkan **integrasi** akademik, keusahawanan dan kewangan melalui kolaborasi bersama **MBSB Bank**. Penyediaan inkubator keusahawanan menjadi pemangkin kepada lahirnya usahawan yang **berkompetensi tinggi dan holistik** hasil daripada penyepaduan kepakaran FPP dan sokongan industri (**Bukti 2.5.4b**).

Maklum balas warga FPP turut diintegrasikan dalam proses **penambahbaikan prestasi** secara berterusan bagi setiap **IS** yang dilaksanakan. Pandangan dan cadangan warga dalam Mesyuarat Akademik FPP diambil tindakan bagi memastikan **kepuasan hati** warga akademik diberi keutamaan oleh kepimpinan FPP dalam menggerakkan FPP secara keseluruhannya (**Bukti 2.5.5a**).

Pencapaian cemerlang inisiatif **#FPP_Model3P** melalui **PI** yang terlibat dalam **FBM SAP 2024**

yang membentukkan integrasi antara keahlian warga FPP merentas bidang akademik, penyelidikan, jaringan industri dan pembangunan pelajar. **Komitmen berterusan** warga terhadap **kecemerlangan FPP** dapat memperkukuh fokus FPP dalam merealisasikan **Aspirasi UiTM 2025 Strategic Plan (Bukti 2.5.5b)**.

SENARAI BUKTI :

1. [F0023_P01_PB05_20251_BUKTI 2.5.1a dan BUKTI 2.5.1b.pdf](#)
2. [F0023_P01_PB05_20252_BUKTI 2.5.2a dan BUKTI 2.5.2b.pdf](#)
3. [F0023_P01_PB05_20253_BUKTI 2.5.3a, 2.5.3b dan BUKTI 2.5.3c.pdf](#)
4. [F0023_P01_PB05_20254_BUKTI 2.5.4a dan BUKTI 2.5.4b.pdf](#)
5. [F0023_P01_PB05_20255_BUKTI 2.5.5a dan BUKTI 2.5.5b.pdf](#)

KRITERIA 3 : TUMPUAN KEPADA PELANGGAN

3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

PENGLIBATAN BERTERUSAN PELANGGAN MENDOKONG KECEKAPAN PENGURUSAN KEWANGAN MAMPAN

FPP komited untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan **penglibatan berterusan (Engagement) pelanggan secara menyeluruh dan sistematik dalam mencapai matlamat pengurusan kewangan mampan merangkumi tiga teras utama iaitu #FPP_jana, #FPP_dana, #FPP_jimat**. Melalui pendekatan ini, FPP sentiasa memastikan keperluan para pelanggan dapat difahami dan dipenuhi melalui pelaksanaan inisiatif-inisiatif yang efisien dan berkesan.

PERANCANGAN FPP dalam pengurusan pelanggan diselarikan dengan proses mengenalpasti kumpulan sasaran **menerusi #FPP_Model3P berteraskan #FPP_jana, #FPP_dana, #FPP_jimat**. #FPP_jana memberi fokus kepada pelaksanaan inisiatif-inisiatif yang mampu menjana pendapatan secara langsung FPP. #FPP_dana memberi penekanan terhadap usaha mendapatkan dana luar untuk membiayai pelbagai aktiviti FPP. #FPP_jimat memfokuskan kepada inisiatif pengoptimuman kos dan penambahbaikan dalaman yang menjurus kepada penjimatan kewangan FPP.

PELAKSANAAN FPP bagi memastikan penglibatan pelanggan secara lebih meluas dan sistematik dilaksanakan juga melalui **#FPP_Model3P** yang merangkumi pelbagai kumpulan pelanggan serta melibatkan pelbagai bahagian dalam FPP. Menerusi **#FPP_jana**, FPP telah memperluaskan pelaksanaan inisiatif penjanaan pendapatan dengan melibatkan pelbagai kumpulan pelanggan terdiri daripada pelajar sepenuh masa, separuh masa, pelajar antarabangsa, staf akademik dan pemain industri dari dalam dan luar negara. Melalui **#FPP_dana**, perluasan inisiatif telah dilaksanakan melalui pengukuhan jaringan strategik dengan sektor industri dan agensi luar dengan hebahan email, pembukaan tender serta jempukan dari pihak industri, pembiayaan melalui kerjasama dengan organisasi seperti MBSB Bank dan MDEC. Selain itu, perluasan pembiayaan turut melibatkan penglibatan program antarabangsa seperti *ERASMUS Staff Mobility Grant* memperkasa kompetensi dan jaringan global. Melalui **#FPP_jimat**, pelaksanaan perluasan dilaksanakan mengoptimumkan kos dan sumber sedia ada termasuk pelaksanaan pembangunan secara dalaman *FBMIS* serta penggunaan sistem eMesyuarat. **#FPP_jimat** juga diperluaskan dengan menaiktaraf kemudahan Bilik RENOVA di mana menyumbang penjimatan kos pengurusan FPP. FPP turut memperluas pendekatan sistematik pelanggan melalui pelbagai kaedah komunikasi dua hala iaitu pelaksanaan penggunaan kod *QR Pigeonhole*, maklum balas peserta *ICAN Week 2024* dan *ABRIC2024* serta sesi *FBM Postgraduate Kickstart: Connect and Conquer* bersama pelajar pascasiswazah.

PEMANTAUAN FPP yang berterusan **mendokong kecekapan pengurusan kewangan mampan menerusi #FPP_Model3P**. Data yang diperoleh bagi pemantauan berkala menerusi pelaksanaan model ini telah dianalisis secara menyeluruh melalui semakan rekod, perbincangan dan audit membantu mengenal pasti kelemahan dalam pengurusan kewangan. Melalui **#FPP_jana**, pemantauan rapi terhadap staf akademik FPP yang terlibat telah dilaksanakan melalui *SuFO* dan *PRO-PENS*. Melalui **#FPP_dana**, pemantauan turut dilaksanakan melalui Laporan Kemajuan Penyelidikan dan sesi libat urus FPP bersama pihak industri. Melalui **#FPP_jimat, FBMIS** telah dibangunkan secara dalaman berfungsi memantau pelaksanaan proses serta menyumbang kepada peningkatan kecekapan pengurusan kewangan mampan.

TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN FPP telah mengorak langkah ke arah masa depan gemilang melalui penilaian risiko diperkukuh dan kualiti diperkasakan berdasarkan **#FPP_Model3P** berteraskan **#FPP_jana, #FPP_dana, #FPP_jimat**. Risiko-risiko yang dikenal pasti telah dibentangkan di Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Fakulti dan Mesyuarat Jawatankuasa

Tabung Amanah Fakulti (JTAF) untuk perhatian dan tindakan penambahbaikan serta melaporkannya melalui *e-RMS*. Tindakan penambahbaikan FPP secara inklusif (*Inclusivity*) dan berakuntabiliti (*Accountability*) telah dilaksanakan dengan menaiktaraf *FBMIS* bagi memudahkan proses permohonan dan pemantauan bajet, kod *QR Pigeonhole* digunakan sebagai medium maklumbalas dua hala. **Tindakan penambaaikan juga dilaksanakan dengan memperhalusi maklumbalas *SuFO* dan *PRO-PENS* serta sesi perjumpaan secara dalam talian secara *ad hoc* sekiranya terdapat keperluan tindakan segera.**

3.2 PENDEKATAN (APPROACH)

PENGLIBATAN PELANGGAN SECARA INKLUSIF DAN SISTEMATIK BAGI MENCAPAI PENGURUSAN KEWANGAN MAMPAN

Penglibatan berterusan (*Engagement*) pelanggan secara inklusif dan sistematik bagi mencapai matlamat pengurusan kewangan mampan adalah penting. Penglibatan berterusan pelanggan ini telah dicapai menerusi perkongsian maklumat, kepakaran dan maklumbalas dari pelbagai kumpulan pelanggan. **Proses mengenalpasti kumpulan sasaran dilakukan selari dengan #FPP_Model3P berteraskan tiga teras utama iaitu #FPP_jana, #FPP_dana, #FPP_jimat.**

PENDEKATAN pengurusan pelanggan menerusi **#FPP_Model3P** menerusi inisiatif **#FPP_jana** memberi fokus kepada pelaksanaan program dan aktiviti yang **menjana pendapatan secara langsung FPP. Bahagian HEA memainkan peranan utama dengan menawarkan pelbagai program akademik** seperti Program Intersesi dan Semester Pendek, Program Francais FPP-iCEPS, *UiTMSeat Plus*, Program Pascasiswazah (BA707, BA721 dan BA776) and *International Summer Program*. Kategori pelanggan yang terlibat dalam inisiatif ini merangkumi pelajar sepenuh masa (Program Intersesi dan Semester Pendek), pelajar separuh masa (Program Francais FPP-iCEPS), pelajar sepenuh masa dan separuh masa (Program Pascasiswazah), pelajar antarabangsa (*International Summer Program*) (**Bukti 3.2a(i)**). **Bahagian RENOVA turut menyumbang kepada penjanaan pendapatan melalui penganjuran persidangan dan pertandingan inovasi seperti ABRIC2024 (Bukti 3.2a(ii)) dan VIIC2024 (Bukti 3.2a(iii))**. Aktiviti ini melibatkan penyertaan pelajar tempatan dan antarabangsa, staf akademik dari pelbagai latar belakang, serta pihak industri. Inisiatif sewaan ruang kepada orang awam juga diperkenalkan sebagai satu lagi sumber penjanaan pendapatan FPP. Bahagian HEP pula melaksanakan aktiviti seperti *Career Fair 2024* yang menyasarkan pelajar sepenuh masa dengan penglibatan aktif daripada pihak industri.

#FPP_dana memberi penekanan terhadap usaha mendapatkan dana luar untuk membiayai pelbagai aktiviti FPP. Hubungan baik FPP bersama pihak industri dipupuk dan **diperkasakan (*Empowered*) melalui pelbagai kolaborasi kepakaran**. Seperti contoh, Bahagian RENOVA terlibat dalam pelbagai rundingan bersama industri dan kementerian untuk mendapatkan geran penyelidikan di peringkat kebangsaan, antarabangsa serta daripada sektor industri. **Bahagian ICAN memainkan peranan penting dalam mendapatkan pembiayaan daripada sektor korporat seperti MBSB Bank dan MDEC (Bukti 3.2b(i))**. Dana ini digunakan untuk menyokong pelaksanaan program seperti *Career Fair 2024* dan *ICAN Week 2024*. Di samping itu, pembiayaan antarabangsa turut diperolehi melalui program seperti *ERASMUS Staff Mobility Grant (Bukti 3.2b(ii))*, yang melibatkan penghantaran staf akademik ke luar negara bagi memperkasa kompetensi dan jaringan global.

#FPP_jimat memfokuskan kepada strategi pengoptimuman kos dan penambahbaikan dalaman yang menjurus pada penjimatan kewangan. Selain itu, penggunaan sistem maklumat dalaman seperti **FBMIS mempertingkatkan kecekapan operasi melibatkan staf, pelajar, dan pihak industri**. Aktiviti penambahbaikan lain yang menyokong penjimatan termasuklah naik taraf Bilik RENOVA, pelaksanaan sistem eMesyuarat, pengurusan Majlis Pra-Graduan oleh Bahagian HEP serta pelaksanaan Semester Pendek. Semua ini bertujuan memperkukuh tadbir urus dan mengoptimumkan penggunaan sumber sedia ada.

Dalam mencapai matlamat pengurusan kewangan mampan, beberapa **pendekatan sistematik digunakan FPP untuk mengetahui jangkaan, keperluan serta maklumbalas pelanggan seperti kod QR Pigeonhole** yang digunapakai ketika mesyuarat staf akademik (**Bukti 3.2c**), dan *ICAN Week 2024 (Bukti 3.2d(i))*, *ABRIC2024 Survey* (mengumpulkan maklum balas peserta terhadap penganjuran konferensi) (**Bukti 3.2d(ii)**) dan *FBM Postgraduate Kickstart: Connect and Conquer* bersama pelajar (mengenalpasti jangkaan dan maklum balas pelajar pascasiswazah terhadap program akademik di FPP) (**Bukti 3.2e**). Pendekatan ini tidak hanya meningkatkan kepuasan pelanggan tetapi juga membantu pengurusan kewangan mampan

ini melalui proses yang ensien.

SENARAI BUKTI:

1. [F0023_T01_TB02_20251_Bukti 3.2a.pdf](#)
2. [F0023_T01_TB02_20252_Bukti 3.2b.pdf](#)
3. [F0023_T01_TB02_20253_Bukti 3.2c.pdf](#)
4. [F0023_T01_TB02_20254_Bukti 3.2d.pdf](#)
5. [F0023_T01_TB02_20255_Bukti 3.2e.pdf](#)

3.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

PENDEKATAN FPP_MODEL3P SEBAGAI PEMACU PERLUASAN PENGLIBATAN PELANGGAN DALAM PENGURUSAN KEWANGAN MAMPAN

PERLUASAN FPP dalam memastikan penglibatan pelanggan secara inklusif dan sistematik merupakan sebahagian daripada strategi memperluaskan pelaksanaan inisiatif ke arah pengurusan kewangan mampan. Perluasan ini dilaksanakan selari dengan **#FPP_Model3P** berteraskan tiga teras utama iaitu **#FPP_jana**, **#FPP_dana**, **#FPP_jimat** yang merangkumi pelbagai kumpulan pelanggan serta melibatkan pelbagai bahagian di FPP.

Menerusi teras **#FPP_jana**, FPP memperluaskan pelaksanaan program-program penjanaan pendapatan dengan melibatkan pelbagai kumpulan pelanggan. Program akademik seperti Interseksi dan Semester Pendek, Francais FPP-iCEPS, *UiTMSeat Plus*, Pascasiswazah (BA707, BA721, BA776) dan *International Summer Program* telah berjaya menarik penyertaan pelajar sepenuh masa, separuh masa serta pelajar antarabangsa melalui promosi program melalui hebahan yang meluas di pelbagai platform fizikal dan digital serta perlantikan Penyelaras Promosi dan Pengantarabangsaan. Kejayaan pelaksanaan program ini dapat dilihat melalui maklumbalas yang diperolehi setelah sesuatu program dijalankan (**Bukti 3.3a**). Selain itu, Bahagian RENOVA memperluas penjanaan pendapatan melalui penganjuran persidangan dan pertandingan inovasi seperti *ABRIC2024* dan *VIIIC2024*, yang melibatkan penyertaan pelajar, staf akademik dan pihak industri dari dalam dan luar negara menerusi promosi dan hebahan yang berkesan melalui laman sesawang FPP dan platform media sosial. FPP juga meluaskan kaedah penjanaan melalui sewaan ruang kepada pihak luar yang dilakukan menerusi pemakluman ruangan bagi sewaan melalui *UiTM Booking System (BSU)* (**Bukti 3.3b**). Penjanaan pendapatan juga diperluaskan menerusi hebahan kepada industri oleh Bahagian HEP dengan penganjuran *Career Fair 2024*.

Menerusi teras **#FPP_dana**, perluasan inisiatif dilakukan melalui pengukuhan jaringan strategik dengan pihak industri dan agensi luar. Bahagian RENOVA menerajui pelbagai rundingan untuk mendapatkan geran penyelidikan dari kementerian, agensi antarabangsa dan sektor industri. Perluasan ini dapat dilakukan dengan hebahan emel, pembukaan tender serta jemputan dari pihak industri sendiri. Manakala, Bahagian ICAN memperluas pembiayaan melalui kerjasama dengan organisasi seperti MBSB Bank dan MDEC bagi menyokong pelaksanaan program seperti *Career Fair 2024* dan *ICAN Week 2024* (**Bukti 3.3c**). Selain itu, perluasan pembiayaan turut melibatkan penglibatan dalam program antarabangsa seperti *ERASMUS Staff Mobility Grant* yang membolehkan staf FPP dihantar ke luar negara untuk memperkasa kompetensi dan jaringan global.

Menerusi teras **#FPP_jimat**, pelbagai inisiatif penambahbaikan dalaman diperluas bagi mengoptimalkan kos dan sumber sedia ada. Ini termasuk pelaksanaan pembangunan secara dalaman *FBMIS* diperluaskan bagi menyokong fungsi jabatan dan bahagian di FPP. Penggunaan sistem eMesyuarat juga dilihat membantu perluasan FPP dalam penjimatan tadbir urus pentadbiran. Perluasan penjimatan di FPP juga dilihat melalui naik taraf kemudahan Bilik RENOVA yang menggunakan dana yang dijana melalui penganjuran persidangan seperti *ABRIC2024* (**Bukti 3.3d**). Perluasan ini dilihat meningkatkan kecekapan operasi serta menyumbang penjimatan kos pengurusan FPP.

FPP turut memperluas pendekatan sistematik dalam memahami jangkaan dan keperluan pelanggan melalui pelbagai kaedah maklum balas. **Antara inisiatif yang dilaksanakan termasuk penggunaan kod QR Pigeonhole dalam Mesyuarat Staf Akademik dan ICAN Week 2024, maklumbalas peserta ABRIC2024, dan sesi FBM Postgraduate Kickstart: Connect and Conquer bersama pelajar pascasiswazah (Bukti 3.3e)**. Pendekatan ini membolehkan FPP menyesuaikan strategi pelaksanaan inisiatif berlandaskan keperluan sebenar pelanggan yang seterusnya menyumbang kepada keberkesanan pengurusan

SENARAI BUKTI :

1. [F0023_T01_TB03_20251_Bukti 3.3a.pdf](#)
2. [F0023_T01_TB03_20252_Bukti 3.3b.pdf](#)
3. [F0023_T01_TB03_20253_Bukti 3.3c.pdf](#)
4. [F0023_T01_TB03_20254_Bukti 3.3d.pdf](#)
5. [F0023_T01_TB03_20255_Bukti 3.3e.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

3.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

PEMANTAUAN BERTERUSAN MENYOKONG KEBERKESANAN PENGURUSAN KEWANGAN MAMPAN

PEMANTAUAN data yang diperoleh secara berkala terhadap pelaksanaan **#FPP_Model3P** dianalisis secara menyeluruh dan digunakan secara strategik bagi mempertingkatkan prestasi kewangan. **Data yang dikumpulkan melalui semakan rekod, perbincangan dan audit membantu mengenal pasti kelemahan dalam pengurusan kewangan.** Hasil analisis ini dikongsi untuk tujuan penambahbaikan dan memperkukuh aspek kewangan yang dikenal pasti sebagai kurang memuaskan. Di samping itu, data yang dianalisis turut digunakan untuk merumuskan strategi baharu bagi meningkatkan kecekapan pengurusan kewangan. Kesemua inisiatif ini dilaksanakan selaras dengan keperluan standard pemantauan, termasuk pelaksanaan audit berkala bagi memastikan pengurusan kewangan mampan, telus dan berintegriti (**Bukti 3.4.1a**).

Pelaksanaan inisiatif-inisiatif bagi FPP_jana turut melibatkan pemantauan rapi terhadap staf akademik FPP yang terlibat. Data yang diperoleh daripada pemantauan ini dianalisis secara terperinci. **Antara kaedah pemantauan yang digunakan termasuklah melalui SuFO dan PRO-PENS (Bukti 3.4.1b).** Staf akademik yang memperoleh markah kurang memuaskan akan dijemput untuk menghadiri sesi perbincangan bertujuan meningkatkan mutu pengajaran mereka. Selain itu, **FPP juga mengadakan sesi libat urus bersama pengajar kursus seperti Mesyuarat Akademik dan Bengkel Training of Trainers (ToT) bagi memantau pelaksanaan inisiatif strategik serta mendapatkan maklum balas untuk penambahbaikan.** Usaha ini bertujuan memastikan penglibatan berterusan antara FPP dan staf akademik, sekaligus membolehkan kelemahan yang dikenal pasti diperbaiki dan ditambah baik dari masa ke semasa (**Bukti 3.4.1c**).

Selain itu, **pemantauan bagi FPP_dana turut dilakukan antaranya melalui laporan penyelidikan dan sesi libat urus FPP bersama pihak industri (Bukti 3.4.1d).** Dalam sesi libat urus ini, pihak FPP akan melaporkan status pendanaan yang disalurkan dan pencapaian program terlibat contohnya *ICAN Week 2024* kepada pihak industri.

Di samping itu, inisiatif-inisiatif yang dijalankan bagi mencapai objektif **#FPP_3PModel** telah dipantau secara teliti bagi memastikan setiap proses dilakukan secara cekap dan teratur. **FBMIS yang dibangunkan secara dalaman** berfungsi memantau pelaksanaan proses serta menyumbang kepada peningkatan kecekapan pengurusan kewangan secara berterusan. Melalui *FBMIS*, pemantauan terhadap pengurusan aktiviti pelajar, penilaian markah, serta maklum balas daripada staf akademik dan penyelia industri dilaksanakan secara berpusat dan dinamik, selaras dengan garis masa yang ditetapkan. Data yang diperoleh seterusnya dianalisis oleh FPP bagi menyokong penyediaan perancangan strategik pada masa hadapan sekaligus **menjurus kepada #FPP_jimat (Bukti 3.4.1e).**

SENARAI BUKTI:

1. [F0023_T01_TB04_TC01_20251_Bukti 3.4.1a.pdf](#)
2. [F0023_T01_TB04_TC01_20252_Bukti 3.4.1b.pdf](#)
3. [F0023_T01_TB04_TC01_20253_Bukti 3.4.1c.pdf](#)
4. [F0023_T01_TB04_TC01_20254_Bukti 3.4.1d.pdf](#)
5. [F0023_T01_TB04_TC01_20255_Bukti 3.4.1e.pdf](#)

3.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

FPP MENGORAK LANGKAH KE ARAH MASA DEPAN GEMILANG: PENILAIAN RISIKO DIPERKUKUH, KUALITI DIPERKASAKAN

KENAL PASTI RISIKO FPP dilaksanakan menerusi **#FPP_Model3P** berteraskan **#FFP_jana, #FFP_dana, #FFP_jimat**. Setiap inisiatif **#FPP_Model3P** yang dilaksanakan mengandungi risiko yang perlu dikenalpasti dan dianalisis secara komprehensif bagi memastikan kelangsungan operasi FPP. Oleh itu, setiap bahagian dipertanggungjawabkan untuk mengenal pasti risiko yang berkaitan dengan fungsinya dan **melaporkannya melalui Sistem Pengurusan Risiko (e-RMS) seterusnya dibincangkan di Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Risiko (Bukti 3.4.2a)**. Risiko-risiko yang kritikal kemudiannya dikenalpasti dan dibentangkan dalam Mesyuarat JKEF serta Mesyuarat JTAF untuk perhatian dan tindakan lanjut (Bukti 3.4.2b). Pendekatan yang berteraskan pencegahan ini membolehkan FPP sentiasa berada dalam keadaan siap siaga dalam menghadapi sebarang cabaran serta mengekalkan kelancaran operasi secara berterusan.

Bagi inisiatif-inisiatif **#FFP_jana**, terdapat risiko ketara sekiranya sasaran enrolmen pelajar tidak dapat dicapai. Keadaan ini boleh mengakibatkan kerugian dari aspek kewangan serta memberi kesan negatif terhadap kedudukan FPP dalam penarafan *QS Ranking by Subjects*. Bagi mengatasi isu ini, FPP telah **melantik Penyelaras Promosi dan Pengantarabangsaan** yang bertanggungjawab menyelaras pelaksanaan aktiviti promosi berkaitan pengambilan pelajar baharu. Di samping itu, **program berasaskan komuniti** yang melibatkan pelajar sekolah menengah dan rendah turut dianjurkan bagi memberikan pendedahan awal mengenai FPP dan peluang pengajian yang ditawarkan. Langkah-langkah ini bukan sahaja membantu dalam membuat unjuran enrolmen yang lebih tepat, malah dapat mengurangkan risiko pembaziran serta memastikan perbelanjaan kekal dalam had yang telah ditetapkan (Bukti 3.4.2c).

Selain itu, **teras #FFP_dana** yang dilaksanakan FPP turut berhadapan dengan risiko **ketidakmampuan untuk menarik penajaan atau kerjasama dari rakan universiti dan pihak industri**. Situasi ini berpotensi menjejaskan kedudukan kewangan FPP dan seterusnya mengganggu pelaksanaan inisiatif yang telah dirancang dari sumber pendanaan pendapatan. Bagi mengurangkan risiko tersebut, FPP komited untuk memperkukuh jaringan kerjasama dengan rakan universiti dan pihak industri melalui penglibatan aktif mereka dalam pelbagai program dan aktiviti anjuran FPP (Bukti 3.4.2d).

Ketidakpuasan hati pelanggan juga berpotensi untuk menjejaskan reputasi serta pelaksanaan #FPP_Model3P. Bagi mengurangkan risiko ini, adalah penting untuk memperkenalkan sistem pengurusan aduan yang berkesan bagi menangani isu secara proaktif serta memperkukuh kepercayaan pelanggan terhadap FPP melalui **E-Maklumbalas Pelanggan** yang disediakan (Bukti 3.4.2e).

SENARAI BUKTI :

1. [F0023_T01_TB04_TC02_20251_Bukti 3.4.2a.pdf](#)
2. [F0023_T01_TB04_TC02_20252_Bukti 3.4.2b.pdf](#)
3. [F0023_T01_TB04_TC02_20253_Bukti 3.4.2c.pdf](#)
4. [F0023_T01_TB04_TC02_20254_Bukti 3.4.2d.pdf](#)
5. [F0023_T01_TB04_TC02_20255_Bukti 3.4.2e.pdf](#)

3.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

FPP MENERAJUI AGENDA TRANSFORMASI MELALUI INISIATIF PENAMBAHBAIKAN YANG BERTERUSAN

FPP telah mengorak langkah ke arah masa depan gemilang melalui penilaian risiko diperkukuh dan kualiti diperkasakan berdasarkan **#FPP_Model3P** berteraskan **#FPP_jana, #FPP_dana dan #FPP_jimat**. *FBMIS* membantu dalam proses dan kaedah pengukuran di mana perbincangan bagi tindakan susulan dapat dilaksanakan mengikut keperluan yang ditetapkan. Hal ini dimungkinkan melalui kewujudan *FBMIS* yang menyokong pelaksanaan aktiviti serta proses kerja FPP seterusnya membantu dalam mencapai objektif **#FPP_Model3P**. Justeru itu, *FBMIS* akan sentiasa diselia dan ditambahbaik bagi memudahkan proses permohonan dan pemantauan bajet untuk memastikan objektif pengurusan kewangan mampan FPP dapat dicapai (**Bukti 3.4.3a**).

Mesyuarat Akademik FPP merupakan salah satu platform rasmi yang digunakan untuk membincangkan prestasi semasa FPP, isu-isu berkaitan pengoperasian dan memperoleh maklum balas daripada warga FPP. Kod *QR Pigeonhole* digunakan sebagai medium maklumbalas untuk memastikan kerahsiaan dan ketelusan. Semua maklum balas yang diterima juga akan diteliti dan diambil tindakan sewajarnya bagi menyokong pelaksanaan **#FPP_Model3P** (**Bukti 3.4.3b**).

FPP juga mengambil berat akan maklumbalas yang diterima melalui *SuFO*, PRO-PENS dan E-Maklumbalas Pelanggan. Maklumbalas yang diterima akan diperhalusi di mana FPP sentiasa menitikberatkan kebajikan warga FPP dengan merancang serta melaksanakan pelbagai aktiviti, program, kursus, bengkel dan seminar yang menjurus kepada latihan dan pembangunan staf dalam aspek akademik, penyelidikan dan kerohanian. Perkhidmatan yang cemerlang oleh warga FPP yang kompeten, berintegriti serta beriltizam tinggi semestinya dapat membantu FPP dalam pelaksanaan **#FPP_Model3P** (**Bukti 3.4.3c**).

Sesi perjumpaan secara dalam talian juga dilaksanakan sekiranya terdapat keperluan tindakan segera. Antara langkah alternatif yang telah diambil termasuk pemberian bantuan kepada pelajar yang terkesan akibat bencana. Inisiatif ini dilaksanakan bagi menyokong pelajar yang terjejas serta mengelakkan mereka daripada menarik diri dari program akademik atau cuti khas, seterusnya memastikan kelangsungan aktiviti penajaan pendapatan FPP tidak terjejas (**Bukti 3.4.3d**).

Risiko yang dikenal pasti perlu dianalisis secara terperinci bagi membolehkan tindakan penambahbaikan dilaksanakan, serta merancang inisiatif masa hadapan. Kepimpinan kanan FPP melaksanakan pemantauan berkala terhadap pelaksanaan cadangan penambahbaikan, antaranya melalui pembentangan dalam Mesyuarat JKEF, Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Risiko, serta mesyuarat lain yang berkaitan. Risiko yang dikenal pasti sebagai berimpak tinggi akan dibawa ke peringkat pengurusan kanan universiti untuk tindakan penyelesaian sewajarnya bagi memastikan objektif **#FPPModel3P** tercapai (**Bukti 3.4.3e**).

SENARAI BUKTI :

1. [F0023_T01_TB04_TC03_20251_Bukti 3.4.3a.pdf](#)
2. [F0023_T01_TB04_TC03_20252_Bukti 3.4.3b.pdf](#)
3. [F0023_T01_TB04_TC03_20253_Bukti 3.4.3c.pdf](#)
4. [F0023_T01_TB04_TC03_20254_Bukti 3.4.3d.pdf](#)
5. [F0023_T01_TB04_TC03_20255_Bukti 3.4.3e.pdf](#)

3.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

MEMPERKASA PENGURUSAN KEWANGAN MAMPAN DENGAN INTEGRASI HOLISTIK DAN SISTEMATIK

INTEGRASI FPP yang holistik dan sistematik bagi memastikan pengurusan kewangan mampan telah dilaksanakan berdasarkan **#FPP_Model3P** berteraskan **#FPP_jana**, **#FPP_dana** dan **#FPP_jimat** (**Bukti 3.5a**).

Model ini telah memperkasa FPP mencapai Objektif Perancangan Strategik dan Pelan Strategik UiTM2025. Kepelbagaian integrasi komunikasi, penyebaran maklumat dan perkongsian pengetahuan dua hala FPP bersama pelanggan dan penglibatan berterusan pelanggan telah membolehkan FPP membentuk hubungan dinamik bersama pelanggannya serta menerima pelbagai kecemerlangan dan pengiktirafan.

Kecemerlangan dan pengiktirafan ini dapat dilihat apabila FPP telah menerima pelbagai anugerah di Majlis Anugerah Kecemerlangan Prestasi Universiti (AKPU) 2024:

1. *The 2024 Excellence Transformation Revenue Generation Award* (**Bukti 3.5b(i)**)
2. *6-Star PTJ Award* (**Bukti 3.5b(ii)**)
3. *Certificate of Excellence in Performance Achievement (College of Studies/Faculty)* (**Bukti 3.5b(iii)**)
4. *Publication Transformation Award for PTJ (Department/Faculty/UiTM Branch/College of Studies) For 1 Publication Staff and 1 Permanent Fellow with 5 Publications for COE* (**Bukti 3.5b(iv)**)
5. *Tempat Kelima Teaching and Learning Award* (**Bukti 3.5(v)**)
6. *Tempat Kedua SAP Excellence Award* (**Bukti 3.5b(vi)**)
7. *Tempat Kedua SAP Performance Leap Award* (**Bukti 3.5b(vii)**)
8. *Tempat Ketiga Excellence Transformation Award Globally Respected 2024: Pillar 6 (Engaging Alumni)* (**Bukti 3.5b(viii)**)

Selain itu, **satu inovasi yang sangat bermanfaat telah dibangunkan secara dalaman dikenali sebagai FBMIS** yang digunapakai pelanggan FPP seperti staf akademik dan pentadbiran, pelajar serta diperluaskan kepada pihak industri untuk menyelaraskan segala aktiviti. **FBMIS-STIS** telah mendapat pengiktirafan di **Majlis Kemuncak Bulan Inovasi dan Kualiti 2024** (**Bukti 3.5c(i)**) dengan merangkul tempat pertama Kategori Akademik. Ini adalah hasil integrasi dan holistik di antara staf akademik dan pentadbiran demi menjamin kepuasan pelanggan (**Bukti 3.5c(ii)**) apabila pengurusan aktiviti akademik, penilaian markah dan maklum balas dari staf akademik dan penyelia industri dapat ditadbir secara berpusat, dinamik, mengikut garis masa ditetapkan dan seterusnya dianalisa oleh FPP untuk membentuk perancangan strategik pada masa hadapan. Hasilnya, **amalan dan pembudayaan FBMIS telah diperluas di peringkat luar UiTM yang melibatkan pemain industri** (**Bukti 3.5c(iii)**).

Melalui **#FPP_Model3P**, **pemeriksaan budaya dan amalan diperingkat luar UiTM diperluaskan lagi** di bawah teras utama **#FPP_dana** melibatkan integrasi pemain industri menerusi kerjasama erat di mana beberapa dana telah diterima dari MBSB Bank dan MDEC (**Bukti 3.5d(i)**). **#FPP_dana** diperluas dengan pihak industri menerusi penajaan persidangan, rundingan dan geran yang telah membantu FPP dalam memastikan kepuasan pelanggan di tahap yang optimum (**Bukti 3.5d(ii)**).

Justeru, hasil pengurusan kewangan yang mampan menerusi **#FPP_dana** daripada pihak MBSB Bank telah berjaya meningkatkan kepuasan hati pelanggan dalaman FPP yang terdiri daripada pelajar dan staf **dalam membangun dan menambahbaik program akademik, menjayakan program pembangunan pelajar serta masyarakat dan projek penyelidikan bersama staf**. Jalanan integrasi dan holistik di antara pelanggan dalaman dan luaran FPP telah mencetuskan produktiviti yang subur, menghasilkan pengetahuan baharu merentasi sempadan, serta meningkatkan reputasi dan kegemilangan FPP dan UiTM di persada dunia. Perkara ini terbukti dengan pengiktirafan yang diterima FPP dan UiTM apabila tersenarai di dalam ranking

universiti dunia seperti **QS world University Ranking** dan **QS University Ranking by Subject (Bukti 3.5e)**.

SENARAI BUKTI :

1. [F0023_T01_TB05_20251_Bukti 3.5a.pdf](#)
2. [F0023_T01_TB05_20252_Bukti 3.5b.pdf](#)
3. [F0023_T01_TB05_20253_Bukti 3.5c.pdf](#)
4. [F0023_T01_TB05_20254_Bukti 3.5d.pdf](#)
5. [F0023_T01_TB05_20255_Bukti 3.5e.pdf](#)

KRITERIA 4 : PENGUKURAN, ANALISIS DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN

4.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

PENGURUSAN KEWANGAN MAMPAN FPP MELALUI PENGUKURAN, ANALISIS DAN PEMANTAUAN STRATEGIK

Pengukuran, Analisis dan Pengurusan Pengetahuan bidang tumpuan **Pengurusan Kewangan FPP** adalah berdasarkan kepada **Faculty of Business and Management Strategic Action Plan (FBM SAP) 2024** dan **mendokong Strategic Theme 9 (Sustainable Funding) UiTM 2025 Strategic Plan** dengan **tema Kemampunan Kewangan** berdasarkan **#FPP_Model3P** yang mempunyai **tiga (3) teras utama** iaitu **#FPP_jana**, **#FPP_dana** dan **#FPP_jimat**. FPP juga telah menggunakan kaedah **Plan-Do-Check-Act (PDCA)** dalam proses pengukuran, analisis dan pengurusan pengetahuan secara sistematik bagi menghasilkan maklumat yang tepat dan mantap untuk mencapai sasaran yang ditetapkan.

PERANCANGAN bermula dengan menetapkan **Performance Indicator (PI)** yang berasaskan **Faculty of Business and Management Strategic Action Plan (FBM SAP) 2024**. Penetapan **PI** yang tepat adalah sangat bernilai dan penting bagi memastikan analisis yang terhasil menggambarkan prestasi sebenar pencapaian FPP. Oleh itu, FPP menggunakan pendekatan **#FPP_Model3P** bagi bidang setiap ukuran **#FPP_jana**, **#FPP_dana** dan **#FPP_jimat**. Kemampunan kewangan untuk penjana kewangan diukur dengan pencapaian **Bahagian Hal Ehwal Akademik (HEA)**, **Bahagian Penyelidikan dan Inovasi (RENOVA)**, **Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP)** serta **Hasil Sewaan** bagi memastikan FPP mencapai sasaran pengurusan kewangan yang ditetapkan. Manakala, pengukuran pendanaan difokuskan daripada **Bahagian RENOVA** dan **Bahagian Jaringan Industri, Komuniti dan Alumni (ICAN)**. Seterusnya, penjimatan kewangan adalah diukur berdasarkan kepada keupayaan **Projek** dan **Aktiviti** yang dijalankan mendapatkan sumber sokongan lain seperti tajaan, kerjasama industri, atau dana luar.

PELAKSANAAN pengukuran dan analisis melibatkan proses **pengumpulan data** mengikut tempoh tertentu dan **proses perbandingan** antara pencapaian sebenar berbanding sasaran. Pengumpulan data diperoleh secara semakan di dalam sistem dan secara manual untuk setiap bahagian, aduan dan maklum balas pelanggan, **penjana laporan** melalui **FBMIS** dan **PRIME**, pemerhatian, maklum balas secara lisan, mesyuarat dan penemuan audit. Laporan yang dihasilkan daripada data yang dikumpulkan akan dibuat perbandingan dengan sasaran yang telah ditetapkan.

PEMANTAUAN secara berkala dilaksanakan melalui mekanisme seperti **Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Fakulti (JKEF)**, **Mesyuarat Jawatankuasa Tabung Amanah Fakulti (JTAF)**, **Mesyuarat Jawatankuasa Pemilik Risiko Fakulti (JPR)**, **Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP)**, dan **Mesyuarat Jawatankuasa Pelan Tindakan Strategik Fakulti (JPTS) Fakulti**. Dalam setiap mesyuarat, analisis data dan penilaian risiko daripada Audit Dalam FPP serta laporan pengurusan risiko dibentangkan untuk tindakan pembetulan dan penambahbaikan. **Analisis perbandingan antara pencapaian sebenar dengan sasaran PI juga dilaksanakan** mengenal pasti prestasi berada di bawah, setara, atau melebihi sasaran yang ditetapkan. Penilaian prestasi dilaksanakan pada **setiap suku tahun** melalui **Sistem Pengurusan dan Pemantauan Projek (UePMOv3)**, memastikan pemantauan yang sistematik, terarah dan berterusan.

TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN dilaksanakan melalui **penemuan audit, laporan prestasi dan maklum balas warga FPP**. PKFPP telah melantik jawatankuasa yang bertanggungjawab untuk menggerak dan memantau pelaksanaan kajian semula proses kerja sedia ada, menyediakan keperluan pengguna, membentangkan untuk kelulusan dan seterusnya mengambil tindakan sewajarnya. Hasil daripada pemantauan, analisis dan pengurusan pengetahuan melalui **proses pengukuran** yang dilaksanakan telah terbukti dengan

pencapaian dan pengiktirafan yang diterima daripada pelbagai pihak. Pelan tindakan risiko disemak secara berkala oleh **Jawatankuasa Pemilik Risiko (JPR) Fakulti** bagi memastikan mitigasi risiko dilaksanakan secara proaktif. Penambahbaikan dan strategi baharu diperluaskan kepada warga FPP melalui Amanat Dekan dan dokumen *FBM SAP 2024* bagi mengukur, menganalisis dan mengurus pengurusan kewangan merangkumi penjanaan, pendanaan dan penjimatan **#FPP_Model3P**.

4.2 PENDEKATAN (APPROACH)

PENGUKURAN SISTEMATIK MEMACU KEBERHASILAN KEWANGAN FPP

Pengukuran, Analisis dan Pengurusan Pengetahuan bidang tumpuan **Pengurusan Kewangan FPP** adalah berdasarkan kepada **FBM SAP 2024** dengan tema **Kemampuan Kewangan** berasaskan inisiatif **#FPP_Model3P** memfokuskan **tiga (3) teras utama** iaitu **#FPP_jana**, **#FPP_dana** dan **#FPP_jimat**. Inisiatif utama ini diselaraskan dengan **tiga (3) Objektif Strategik** iaitu **menjana pendapatan (OS1)**, memastikan **pencapaian pendanaan** pendapatan (**OS2**) serta memastikan **penjimatan kos operasi (OS3)** bagi mencapai petunjuk prestasi yang telah ditetapkan (**Bukti 4.2a**)

FPP mengaplikasikan pendekatan **#FPP_Model3P** dalam memastikan pengurusan kemampuan kewangan merangkumi pelbagai bidang dan skala pelaksanaan (**Bukti 4.2b**).

1) **#FPP_jana**:

Keupayaan menjana kewangan diukur melalui pencapaian empat (4) komponen utama iaitu daripada aspek **Bukti (4.2c)**:

- HEA
- Renova
- HEP
- Hasil Sewaan

2) **#FPP_dana** :

Pengukuran pendanaan diperoleh melalui inisiatif daripada dua bahagian utama (**Bukti 4.2d**):

- Renova
- ICAN

3) **#FPP_jimat**:

Penjimatan kewangan adalah diukur berdasarkan kepada (**Bukti 4.2e**):

- Projek
- Aktiviti

Inisiatif **#FPP_Model3P** dalam kecemerlangan pengurusan kewangan mamapan ialah melalui **#FPP_jana** yang dicapai oleh **Bahagian HEA** disumbangkan oleh sinergi **lima (5) sumber** utama iaitu daripada pencapaian **Program Akademik Intersesi dan Semester Pendek, Program Francais-iCEPS, UiTMSeat Plus, Program Pascasiswazah, dan International Summer Program**. Sementara itu, pengukuran penjana pendapatan daripada aktiviti **Bahagian RENOVA** ditumpukan kepada **Persidangan ABRIC2024** dan **Pertandingan Inovasi VIIIIC2024**. Manakala, **Bahagian HEP** sentiasa menyumbangkan pengukuran pendapatan daripada sinergi utama mereka iaitu daripada **Aktiviti Pelajar**. Penjana terakhir **Hasil Sewaan** merupakan salah satu sumber penjana pendapatan penting bagi FPP dalam usaha memperkukuh kemampuan kewangan. Aktiviti sewaan melibatkan penggunaan kemudahan, ruang dan peralatan FPP oleh pihak dalaman atau luaran yang dikenakan bayaran tertentu berdasarkan kadar yang ditetapkan.

Inisiatif **#FPP_dana** yang meliputi pencapaian **Bahagian RENOVA dan ICAN**. Pendanaan ialah usaha atau mekanisme untuk mendapatkan dana bagi menyokong pelaksanaan program, projek atau operasi sesebuah organisasi. Pengukuran pencapaian pendanaan pendapatan **Bahagian RENOVA** adalah melalui **Persidangan, Perundingan dan Geran**. Lantaran itu, pihak pengurusan FPP telah memetakan beberapa inisiatif penting yang telah menyumbang kepada pencapaian pengukuran pendanaan kewangan melalui ketiga-tiga elemen di atas. Manakala, **Bahagian ICAN** mengukur pendanaan pendapatan dalam bentuk **Pendanaan daripada industri, Pendanaan program/aktiviti, Pembiayaan melalui geran** daripada pihak

ialah sebagai sokongan kewangan kepada penyediaan, perancangan, program dan lain-lain aktiviti akademik.

Selain itu, inisiatif **#FPP_jimat** diukur melalui **Projek** dan **Aktiviti** yang dilaksanakan oleh FPP melalui **Projek** yang telah dilaksanakan seperti pembangunan secara dalaman **FBMIS** bagi mendapatkan data dan pemantauan dokumen untuk tujuan pelaporan dan audit. Sementara itu, pelaksanaan **Aktiviti** seperti **menaiktaraf bilik RENOVA, eMesyuarat serta program Bahagian HEP** juga menyumbang kepada penjimatan. Perkara ini dilihat melalui menaiktaraf menjadi serbaguna, sekali gus **mengelakkan keperluan menyewa ruang luar** untuk bengkel atau mesyuarat. Begitu juga dengan aktiviti HEP melalui aktiviti pelajar dijalankan melalui penajaan serta kolaborasi industri.

Model **#FPP_Model3P** menekankan pengukuran yang berfokus kepada hasil yang dijana, dana yang diperolehi, dan kos yang diijimatkan sebagai asas kepada pengurusan kewangan mampan FPP yang mampan. Model ini secara jelas memperincikan kaedah pengukuran serta item ukuran bagi setiap komponen yang dinamakan sebagai **FPP Model Pengukuran 3P**.

SENARAI BUKTI:

1. [F0023_A01_AB02_20251_Bukti 4.2a.pdf](#)
2. [F0023_A01_AB02_20252_Bukti 4.2b\(i-iii\).pdf](#)
3. [F0023_A01_AB02_20253_Bukti 4.2c.pdf](#)
4. [F0023_A01_AB02_20254_Bukti 4.2d.pdf](#)
5. [F0023_A01_AB02_20255_Bukti 4.2e.pdf](#)

4.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

PENGUKURAN MANTAP, PENCAPAIAN HEBAT

FPP memberi tumpuan utama kepada pencapaian **FBM SAP 2024** melalui pelaksanaan instrumen pengukuran yang teratur dan sistematik.

#FPP_jana

FPP menjana pendapatan melalui empat (4) sumber utama iaitu daripada **Bahagian HEA, RENOVA, HEP** dan **Hasil Sewaan** melalui item pengukuran penjana pendapatan seperti **Bukti 4.3a**.

Bagi **Bahagian HEA**, pendapatan diukur berdasarkan **jumlah program, jumlah kursus, jumlah pelajar** yang mendaftar serta jumlah pensyarah. Lima (5) program utama dikenal pasti sebagai penyumbang utama (**Bukti 4.3b(i)**):

- **Program Intersesi dan Semester Pendek**
- **Program Francais-iCEPS**
- **Program UiTMSeat Plus**
- **Program Pascasiswazah**
- **International Summer Program**

Manakala, **Bahagian RENOVA** menumpukan **#FPP_jana** melalui dua (2) program utama iaitu **Persidangan ABRIC2024 dan Pertandingan VIIIIC2024** di mana pengukuran meliputi jumlah pembentangan, penerbitan berindeks, projek dan peserta (**Bukti 4.3b(ii)**).

Seterusnya **Bahagian HEP**, diukur melalui jumlah program pelajar, penyertaan, organisasi terlibat, yuran penyertaan, jualan dan penglibatan organisasi luar turut menyumbang melalui penajaan kewangan, sumbangan barangan, atau sewaan ruang dan slot promosi, sekali gus meningkatkan hasil dan kerjasama strategik FPP (**Bukti 4.3b(iii)**).

Hasil Sewaan diperoleh daripada sewaan ruang yang diukur melalui **jumlah penyewaan**. Pengukuran ini menunjukkan keberkesanan penggunaan aset FPP sebagai sumber yang menjana pendapatan (**Bukti 4.3b(iv)**).

#FPP_dana

FPP memperoleh pendanaan melalui dua (2) program utama di bawah inisiatif Bahagian **RENOVA** dan **ICAN** yang ditunjukkan melalui item pengukuran seperti **Bukti 4.3c(i)**.

Bagi pengukuran **RENOVA**, ia mengambil kira (**Bukti 4.3c(ii)**):

- **Persidangan ABRIC2024 dan Pertandingan VIIIIC2024**. Pendanaan melalui **ABRIC2024** diperoleh daripada **yuran penyertaan peserta, penajaan organisasi, dan kolaborasi industri**. Sebahagian besar dana digunakan untuk menampung kos penerbitan makalah dalam **jurnal berindeks (Scopus/WoS)**.
- **Perundingan** dinilai mengikut **jumlah perundingan dan jumlah bayaran**. Bukti ini dianggap sebagai pendanaan atau pembiayaan projek melalui saluran dana dari pihak industri untuk melaksanakan program.
- **Geran penyelidikan** kategori kebangsaan, antarabangsa dan industri. Pengukuran ini telah dibuktikan melalui Jumlah Penerimaan Geran mengikut kategori.

Pendanaan Bahagian **ICAN** telah memberi tumpuan sumbangan daripada pihak industri untuk tujuan Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR), aktiviti pelajar dan mobiliti staf. Pendanaan ialah dalam bentuk perundingan dan geran penyelidikan (**Bukti 4.3c(iii)**).

#FPP_jimat

inisiatif penjimatan dilaksanakan melalui pendekatan berasaskan **Projek dan Aktiviti** dan pengukuran penjimatan adalah seperti **Bukti 4.3d(i)**.

- **Pembangunan secara dalaman *FBMIS*** yang diketengahkan sebagai Projek OE dan KIK berjaya menjimatkan sumber seperti kertas, masa dan tenaga kerja.
- **Naik taraf Bilik MindSpace *RENOVA*** dijayakan tanpa menggunakan peruntukan fakulti.
- **eMesyuarat** menambah baik tadbir urus digital dan mengurangkan kos operasi.
- Bahagian **HEP**

Pengukuran untuk setiap aktiviti dan projek yang dinamakan di atas adalah diterangkan dalam **(Bukti 4.3d(ii))**.

Kekerapan data dikumpulkan dan dianalisis

Kekerapan data dikumpulkan dan dianalisis di peringkat pusat tanggungjawab masing-masing berlaku secara berterusan, sekurang-kurangnya setiap suku tahun. Proses ini dilaksanakan bagi tujuan pemantauan prestasi pencapaian, pelaporan kewangan, serta penyediaan laporan kepada pihak universiti dalam usaha menyokong pencapaian objektif strategik yang telah ditetapkan. Justeru, FPP memastikan **pengukuran dan analisis data secara laporan dan simulasi data** dilaksanakan **secara kerap dan berkala** bagi mencapai objektif yang ditetapkan **(Bukti 4.3e(i) dan Bukti 4.3e(ii))**.

SENARAI BUKTI :

1. [F0023_A01_AB03_20251_Bukti 4.3a.pdf](#)
2. [F0023_A01_AB03_20252_Bukti 4.3b\(i-iv\).pdf](#)
3. [F0023_A01_AB03_20253_Bukti 4.3c\(i-iii\).pdf](#)
4. [F0023_A01_AB03_20254_Bukti 4.3d\(i-ii\).pdf](#)
5. [F0023_A01_AB03_20255_Bukti 4.3e\(i-ii\).pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

4.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

PEMANTAUAN PROAKTIF, HASIL EFEKTIF

Berdasarkan **#FPP_Model3P** yang dinyatakan di atas, hasil analisis data digunakan untuk tujuan pemantauan. Seterusnya, penambahbaikan dilaksanakan melalui perkongsian maklumat yang diperolehi demi memacu kemantapan pengurusan FPP. Secara amnya, pemantauan dilaksanakan berdasarkan **FBM SAP 2024** yang digunakan di dalam pengurusan FPP, dipacu melalui sinergi **#FPP_Model3P** iaitu **#FPP_jana**, **#FPP_dana**, **#FPP_jimat**. Pemantauan ini dilaksanakan secara berkala dan berperingkat mengikut kekerapan analisa data yang telah ditetapkan.

Proses pemantauan dimulakan melalui hasil pengukuran menggunakan instrumen-instrumen yang telah dikenal pasti, dan melalui analisis terhadap data-data, maklumat dibincangkan dan dibentangkan melalui **mesyuarat (Bukti 4.4.1a)** dan pelaporan-pelaporan di setiap peringkat PTJ terlibat secara berkala dilaksanakan melalui mekanisma seperti **Mesyuarat JKEF, Mesyuarat JTAF, Mesyuarat (JPR) Fakulti, Mesyuarat MKSP, dan Mesyuarat JPTS Fakulti**. Proses dan langkah kerja pemantauan dikenal pasti dalam setiap mesyuarat (**Bukti 4.4.1b**) analisis data dan penilaian risiko daripada Audit Dalam FPP serta laporan pengurusan risiko dibentangkan untuk tindakan pembedahan dan penambahbaikan. **Analisis perbandingan antara pencapaian sebenar dengan sasaran PI turut dilaksanakan**, bagi mengenal pasti sama ada prestasi berada di bawah, setara, atau melebihi sasaran yang ditetapkan.

Seterusnya, MKSP diadakan bagi membentangkan prestasi semasa. Melalui MKSP, punca di sebalik kejayaan atau kelemahan prestasi dikenal pasti, termasuk kesan daripada pelaksanaan strategi baharu atau penambahbaikan dalam perkhidmatan pelanggan (**Bukti 4.4.1c**). Susulan itu, Bengkel Perancangan Strategik dijalankan bagi merangka penambahbaikan dan mencadangkan solusi untuk memperkukuh pengurusan, khususnya FPP (**Bukti 4.4.1d**).

Pemantauan berkala dan holistik telah memberi data yang mencukupi bagi proses penambahbaikan sistem pengurusan kewangan dan penjana pendapatan FPP. Hasil pemantauan ini, terbukti FPP dinobatkan sebagai pemenang **Anugerah Transformasi Kecemerlangan: Penjana Pendapatan 2024** dan **Anugerah 6 Bintang PTJ Terbaik Universiti** serta **Anugerah Kecemerlangan SAP dan Anugerah Lonjakan Prestasi SAP pada Anugerah Kecemerlangan Prestasi Universiti (AKPU2024)** seperti **Bukti 4.4.1e**.

Ternyata, keberkesanan pemantauan FPP pada tahun 2024 adalah berlandaskan tahap komitmen dan disiplin yang tinggi dari pihak PKFPP, ahli akademik dan pentadbir yang memacu kepada keserjanaan perancangan strategik fakulti yang telah dirancang.

SENARAI BUKTI:

1. [F0023_A01_AB04_AC01_20251_Bukti 4.4.1a.pdf](#)
2. [F0023_A01_AB04_AC01_20252_Bukti 4.4.1b.pdf](#)
3. [F0023_A01_AB04_AC01_20253_Bukti 4.4.1c.pdf](#)
4. [F0023_A01_AB04_AC01_20254_Bukti 4.4.1d.pdf](#)
5. [F0023_A01_AB04_AC01_20255_Bukti 4.4.1e.pdf](#)

4.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

KENAL PASTI RISIKO, PACU PENAMBAIKAN

Dalam merealisasikan perancangan yang telah direncanakan, pihak pengurusan FPP sentiasa dalam keadaan siap siaga dalam meneliti setiap risiko yang berpotensi termasuklah **risiko pengukuran analisa** dan pengurusan pengetahuan pada setiap aras pengukuran, analisa dan pengurusan kewangan FPP yang mematuhi **Manual Pengurusan Risiko UiTM (Bukti 4.4.2a)** dan tatacara pengurusan risiko FPP berdasarkan **Jadual Pengoperasian Pengurusan Risiko (Bukti 4.4.2b)**. **Risiko perlu dikenal pasti, dinilai, diurus serta ditangani dari pelbagai sudut dan aspek**. Sekiranya gagal, pastinya ia menjejaskan fokus terhadap pencapaian *PI* UiTM dan *PI* FPP ke arah kecemerlangan pengurusan kewangan yang mampan.

Oleh itu, pihak pengurusan FPP telah melantik satu **Jawatankuasa Pemilik Risiko FPP serta Penyelaras Risiko** yang bekerjasama dengan pihak **Audit Dalam FPP (Bukti 4.4.2c)** yang bertujuan bagi mengukur, menganalisa dan mengurus pengurusan kewangan merangkumi **#FPP_jana, #FPP_dana** dan **#FPP_jimat**. Unit ini telah menghimpun semua data daripada setiap jabatan bagi mengenalpasti kemungkinan risiko. Mereka juga telah mengenal pasti kesesuaian data yang dilaporkan dan menganalisis data tersebut bagi mengelakkan risiko data yang tidak tepat.

Secara keseluruhan, beberapa risiko telah di kenalpasti melalui penganalisaan daripada **Jawatankuasa Pemilik Risiko FPP dan Penyelaras Risiko**. Secara amnya, antara **risiko yang terlibat adalah** seperti:

1. **Instrumen pelaporan** pencapaian sedia ada tidak diguna pakai secara menyeluruh,
2. **Data** yang tidak dikemaskini,
3. **Keselamatan** dan kerahsiaan data,
4. **Laporan pencapaian** tidak dihantar atau dihantar lewat dan maklumat yang dihantar tidak relevan atau tidak lengkap,
5. **Kapasiti penyimpanan dokumen** yang terhad dan keciciran data

Manakala, secara khususnya pula, beberapa risiko turut dikenalpasti bagi setiap penajaan, pendanaan dan penjimatan kewangan bagi melancarkan perancangan yang telah dibuat. Oleh itu, **pelbagai inovasi dalam penambahbaikan** telah dijalankan bagi meningkatkan pengurusan kewangan FPP. **Bukti 4.4.2d** melaporkan jenis-jenis risiko dan perancangan yang digunapakai untuk mengatasi risiko tersebut.

Oleh yang demikian, beberapa tindakan penambahbaikan turut diambil bagi penggunaan instrumen seperti laporan dalam talian. **Penggunaan ID log masuk dan kata laluan oleh pengguna di FBMS yang dibenarkan** sahaja ditekankan untuk mengurangkan risiko keselamatan dan kerahsiaan data. (**Bukti 4.4.2e**).

SENARAI BUKTI :

1. [F0023_A01_AB04_AC02_20251_Bukti 4.4.2a.pdf](#)
2. [F0023_A01_AB04_AC02_20252_Bukti 4.4.2b.pdf](#)
3. [F0023_A01_AB04_AC02_20253_Bukti 4.4.2c.pdf](#)
4. [F0023_A01_AB04_AC02_20254_Bukti 4.4.2d.pdf](#)
5. [F0023_A01_AB04_AC02_20255_Bukti 4.4.2e.pdf](#)

4.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

PENAMBAHBAIKAN BERTERUSAN MELALUI KAJIAN SEMULA

FPP menjalankan proses analisis hasil tindakan secara sistematik untuk memastikan penambahbaikan berterusan dalam pengurusan kewangan dan operasi FPP. Proses ini bermula dengan pengumpulan data dan instrumen pengukuran yang telah dirancang serta dijalankan dalam pelbagai unit seperti Bahagian HEA, RENOVA, serta ICAN. Data yang dikumpulkan ini kemudiannya dianalisis dengan teliti bagi menilai keberkesanan pelaksanaan setiap program, projek, dan inisiatif yang telah dijalankan.

Analisis hasil tindakan ini dilaporkan secara berkala dalam **Mesyuarat FPP yang telah dijadualkan pada awal setiap tahun (Bukti 4.4.3a)**. Mesyuarat ini menjadi platform rasmi di mana PKFPP, bersama dengan ketua-ketua bahagian dan ahli jawatankuasa yang dilantik, berkumpul untuk membincangkan pencapaian dan cabaran yang dihadapi. **(Bukti 4.4.3b)** Dalam suasana kolaboratif ini, setiap isu yang dikenal pasti **dikaji secara mendalam** untuk **mengenal pasti punca masalah** dan **mencari jalan penyelesaian** yang praktikal. Perbincangan ini bukan sahaja menumpukan kepada masalah, malah memberi penekanan kepada **peluang penambahbaikan serta inovasi** yang boleh dilaksanakan dalam pengurusan kewangan dan operasi fakulti.

Ketua Unit Kualiti (KUK) memainkan peranan penting dalam proses ini dengan memimpin **Mesyuarat MKSP**. Dalam mesyuarat tersebut, hasil analisis dan cadangan penambahbaikan dibentangkan untuk mendapat maklum balas dan persetujuan daripada semua pihak berkepentingan. Mesyuarat MKSP berfungsi sebagai medan strategik untuk menyusun semula hala tuju dan merangka pelan tindakan yang lebih progresif dan kompetitif, sejajar dengan objektif strategik fakulti. **Penekanan diberikan kepada tiga teras utama iaitu penjana pendapatan, pendanaan dan penjimatan** kos operasi bagi memastikan kemampuan kewangan FPP **(Bukti 4.4.3c)**

Selain itu, FPP menjalankan **pemerhatian berterusan ke atas setiap bahagian** untuk menilai pelaksanaan strategi dan keberkesanan tindakan yang telah dilaksanakan. **Hasil penganalisaan dari maklum balas warga juga diambil kira untuk penambahbaikan prestasi secara berterusan bagi inisiatif strategik BT yang dilaksanakan (Bukti 4.4.3d)**. Selain itu, kaji selidik juga dijalankan bagi tujuan penambahbaikan berterusan dan memuaskankan hati warga FPP **(Bukti 4.4.3e)**.

Pendekatan ini membolehkan pengurusan mengenal pasti sebarang kelemahan atau jurang yang memerlukan perhatian segera. Dengan proses penilaian dan analisis yang komprehensif ini, FPP dapat memastikan bahawa setiap inisiatif bukan sahaja memenuhi sasaran yang ditetapkan tetapi juga memberikan impak positif jangka panjang terhadap kemampuan kewangan dan peningkatan kualiti pengurusan fakulti secara menyeluruh.

SENARAI BUKTI :

1. [F0023_A01_AB04_AC03_20251_Bukti 4.4.3a.pdf](#)
2. [F0023_A01_AB04_AC03_20252_Bukti 4.4.3b.pdf](#)
3. [F0023_A01_AB04_AC03_20253_Bukti 4.4.3c.pdf](#)
4. [F0023_A01_AB04_AC03_20254_Bukti 4.4.3d.pdf](#)
5. [F0023_A01_AB04_AC03_20255_Bukti 4.4.3e.pdf](#)

4.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

INTEGRASI PINTAR MEMACU INOVASI

Merujuk kepada instrumen pengukuran yang dibentangkan di bahagian pendekatan 4.2, FPP sentiasa mengambil berat setiap item yang dicadangkan untuk penambahbaikan secara berterusan serta penghasilan inovasi dalam pengurusan pendapatan bagi kemampanan kewangan FPP. Pendekatan ini meliputi **penilaian risiko yang dikenalpasti serta penyelesaian** yang dijalankan melalui **inisiatif kreatif dan inovatif**, yang menunjukkan komitmen FPP dalam memelihara dan meningkatkan pencapaian kewangan, khususnya dalam aspek pengurusan kewangan yang mampan.

Dalam Bahagian HEA, usaha berterusan dijalankan untuk menggalakkan **pertambahan enrolmen pelajar** yang menjadi **asas penjana pendapatan** FPP. Pelbagai **strategi promosi** dilaksanakan secara menyeluruh, termasuk pemanfaatan sepenuhnya **media digital dan konvensional**. Penggunaan platform dalam talian seperti **Instagram** dan **Facebook** membolehkan penyampaian maklumat dengan lebih pantas dan efektif kepada bakal pelajar dan pihak berkepentingan. Di samping itu, kaedah tradisional seperti **iklan di radio** dan **promosi secara fizikal** turut dijalankan untuk menjangkau kelompok sasaran yang lebih luas. Inisiatif ini bukan sahaja bertujuan memenuhi sasaran enrolmen, tetapi juga memperkukuh kelestarian kewangan FPP dan universiti secara keseluruhan (**Bukti 4.5a**).

Sementara itu, dalam RENOVA, FPP memfokuskan kepada **memudahkan proses penerbitan dan menggalakkan peningkatan jumlah penerbitan** serta penyertaan dalam projek inovasi seperti *ABRIC2024* dan *VIIIC2024*. Langkah ini termasuk **memperkukuh kolaborasi dengan universiti luar negara** dan **mempromosikan perkongsian ilmu** melalui bengkel dalam talian bersama pakar-pakar bidang tersebut. Pendekatan ini bukan sahaja mempercepatkan proses penyelidikan, malah meningkatkan mutu dan impak hasil penyelidikan fakulti (**Bukti 4.5b**).

Selain itu, beberapa langkah inovatif lain turut dilaksanakan seperti **penganjuran konferensi yang lebih produktif, pengoptimuman FB MIS, dan pelaksanaan eMesyuarat** yang membantu mempercepatkan proses pentadbiran. Sistem **FB MIS**, khususnya, telah ditingkatkan secara berterusan untuk memberi manfaat optimum kepada fakulti dalam aspek **kecekapan pelaporan serta penjimatan kos**. Keberkesanan sistem ini telah terbukti apabila beberapa pensyarah terlibat berjaya memperoleh geran baru hasil daripada penambahbaikan sistem tersebut, sekaligus menyumbang kepada kemampanan kewangan fakulti (**Bukti 4.5c**).

Bagi membudayakan inovasi ini secara menyeluruh, FPP turut menggalakkan penerapan **budaya kerja yang proaktif dan kolaboratif**. Setiap bahagian/unit didorong untuk **mengadaptasi teknologi baru** dan mempraktikkan kaedah kerja yang efisien serta mesra alam bagi memastikan operasi berjalan lancar tanpa membebankan sumber kewangan. Contohnya, kumpulan DGreatest telah memenangi anugerah KIK terbaik (**Bukti 4.5d**). Selain itu, pengurusan sentiasa memberi penekanan kepada **latihan dan pembangunan** kepada staf bagi mempersiapkan mereka dengan kemahiran terkini dalam pengurusan kewangan dan inovasi teknologi. **Budaya inovasi dan penambahbaikan berterusan** ini menjadi tunjang kepada usaha FPP memastikan kemampanan kewangan dijaga dengan cemerlang.

Secara keseluruhannya, **gabungan pendekatan promosi yang menyeluruh, inovasi dalam penyelidikan, serta pengoptimuman sistem pengurusan seperti FB MIS** membuktikan komitmen FPP dalam melestarikan dan meningkatkan pengurusan kewangan secara berterusan. Pendekatan menyeluruh ini bukan sahaja meningkatkan penjana pendapatan **#FPP_jana**, pendanaan **#FPP_dana**, tetapi juga mengekalkan penjimatan kos **#FPP_jimat**, sekaligus memastikan kestabilan dan kemampanan kewangan FPP dalam jangka panjang.

Selain itu, FPP mengamalkan pendekatan integrasi menyeluruh yang menghubungkan bidang akademik, penyelidikan, industri, dan pengurusan kewangan bagi memastikan setiap inisiatif saling menyokong antara satu sama lain. Integrasi ini bukan sahaja meminimumkan pertindihan

kerja dan kos operasi, maian memaksimumkan keberkesanan sumber, seterusnya memacu pencapaian PI FPP dengan lebih cepat, tepat, dan mampan (**Bukti 4.5e**).

SENARAI BUKTI :

1. [F0023_A01_AB05_20251_Bukti 4.5a.pdf](#)
2. [F0023_A01_AB05_20252_Bukti 4.5b.pdf](#)
3. [F0023_A01_AB05_20253_Bukti 4.5c.pdf](#)
4. [F0023_A01_AB05_20254_Bukti 4.5d.pdf](#)
5. [F0023_A01_AB05_20255_Bukti 4.5e.pdf](#)

KRITERIA 5: TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA

5.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

MEMPERKASA SUMBER MANUSIA DEMI MENCAPAI KECEMERLANGAN FPP

Pengurusan sumber manusia FPP berdasarkan **Model GUEST** merangkumi empat (4) komponen utama: **HRM Strategy, HRM Practices, Performance Outcomes, dan Financial Outcomes**. Kaedah **Plan-Do-Check-Act (PDCA)** menjadi panduan utama dalam strategi pengurusan sumber manusia agar kepakaran FPP dapat dioptimumkan **dalam mencapai matlamat pengurusan kewangan mampan melalui #FPP_Model3P** merangkumi tiga (3) teras utama iaitu **#FPP_jana, #FPP_dana dan #FPP_jimat**.

PERANCANGAN kepimpinan yang berkualiti dan berwawasan tinggi adalah tunggak FPP menggerakkan inisiatif sumber manusia dalam mempelbagaikan usaha bagi mencapai **#FPP_jana, #FPP_dana dan #FPP_jimat**. Pengurusan sumber manusia FPP mengenal pasti kapakaran dan kebolehan staf mengikut bidang, merangka pelan pembangunan kerjaya serta pelaksanaan analisis **Strength, Weakness, Opportunity dan Threat (SWOT)**. Strategi ini terbukti dengan tahap penglibatan tinggi warga FPP dalam setiap inisiatif **FBM Strategic Action Plan (SAP) 2024**.

PELAKSANAAN pengurusan sumber manusia FPP menitikberatkan penglibatan seluruh warga FPP merangkumi **297 pensyarah dan 38 staf pentadbiran** bagi memastikan pelaksanaan **#FPP_Model3P**. Bagi **#FPP_jana**, Bahagian HEA melibatkan **297 pensyarah manakala 66 warga terlibat dalam Bahagian RENOVA**. Penglibatan besar pensyarah terutamanya dalam Program Francais FPP-iCEPS berjaya menjana pendapatan sebanyak **RM884,513.21**. **#FPP_dana** pula menunjukkan **146 pensyarah** berjaya mendapat **dana penyelidikan dan inovasi serta 84 pensyarah** memperoleh **dana daripada industri di peringkat kebangsaan dan antarabangsa**. Kompetensi staf FPP yang proaktif melalui penubuhan kumpulan RG dan RIG menyumbang **kepakaran di peringkat Kebangsaan, Antarabangsa dan Industri**. Kejayaan ini diperkukuhkan dengan termerterai perjanjian **Memorandum of Understanding dan Memorandum of Agreement (MoU/MoA)**. Warga FPP telah mendapat manfaat daripada inisiatif **#FPP_jimat** melalui pembangunan **FBMIS** secara dalaman diketengahkan sebagai **Projek Kecemerlangan Operasi (OE) dan Kumpulan Kreatif dan Inovatif (KIK)** dengan memantapkan operasi kerja yang efektif, menjimatkan masa dan tenaga.

Budaya kerja yang menekankan **akauntabiliti** di kalangan warga FPP telah meningkatkan keberkesanan pengurusan dan keberhasilan produktiviti sumber manusia. Penggunaan sosial media dioptimumkan dengan pengkongsian pencapaian FPP secara holistik. Penghargaan dan pengiktirafan kepada warga direalisasikan pada **Majlis Apresiasi Jewel in the Crown 2024** dan pelbagai program riadah seperti **Eksplorasi Merdeka FPP 2024** dan **Kejohanan Futsal Staf Piala Dekan FPP 2024**.

PEMANTAUAN berkala terhadap warga FPP telah dilaksanakan melalui kaedah **Happiness Index, Students Feedback Online (SuFO), Teaching Evaluation System for Academicians (TESA), Profesionalisme Pensyarah (PRO-PENS)** dan penglibatan latihan **dalam mencapai #FPP_Model3P**. Pemantauan dan semakan pencapaian dilaksanakan melalui **Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Fakulti (JKEF), Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP), Mesyuarat Staf Akademik, Jawatankuasa Tabung Amanah Fakulti (JTAF) dan Jawatankuasa Akademik Fakulti (JAF) secara berkala**. Proses pemantauan juga dilaksanakan melalui **Audit Dalam FPP** yang diadakan pada setiap tahun. FPP menekankan **integriti** dalam proses penilaian prestasi agar telus dan adil. Amalan **komunikasi terbuka dan dua hala** di dalam pengurusan sumber manusia telah memberi motivasi yang tinggi kepada warga FPP agar terus cemerlang.

TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN dikendalikan oleh **Jawatankuasa Risiko FPP**. Melalui

jawatan keada ini, PPT telah berjaya mengatasi risiko kekurangan tenaga pengajar dengan mengambil tindakan melalui **penambahan waran perjawatan, pengambilan staf melalui MySTEP (3 staf) dan pengambilan pensyarah partime-fulltime (PTFT) seramai 20 pensyarah serta pelaksanaan 'Team Teaching'**. Selain itu, risiko penerbitan diatasi melalui penambahbaikan dengan memperkasa pensyarah dengan mewujudkan inisiatif "**Friday is FBM Writing Day**" dan **Program Mentor-Mentee**.

5.2 PENDEKATAN (APPROACH)

PENDEKATAN STRATEGIK SUMBER MANUSIA MENYOKONG PENGURUSAN KEWANGAN MAMPAN FPP

Model pengurusan dan pembangunan strategik sumber manusia FPP berpaksikan **Model GUEST** merangkumi empat (4) komponen utama iaitu **HRM Strategy, HRM Practices, Performance Outcomes dan Financial Outcomes (Bukti 5.2.1a)**. Model ini sangat komprehensif dalam memperkasakan pengurusan sumber FPP bagi mendokong pengurusan kewangan mampan melalui **#FPP_Model3P** merangkumi tiga teras utama iaitu **#FPP_jana, #FPP_dana, #FPP_jimat** selari dengan **UiTM 2025 Strategic Plan** dan **Garis Panduan Strategi Bajet UiTM (Bukti 5.2.1b)**

KOMPONEN 1: HRM STRATEGY – Hala tuju FPP berdasarkan **SAP FBM 2024** melibatkan seluruh warga FPP dalam pembentukan struktur operasi, objektif serta skop kerja. Pengurusan sumber manusia FPP mengenal pasti kapakaran dan kebolehan staf mengikut bidang, merangka pelan pembangunan kerjaya dengan memperkasakan program mentor-mentee (**Bukti 5.2.1c**). FPP berpegang teguh dengan amalan **self-reflective** yang dipraktikkan secara berkala melalui **analisis SWOT** memberi panduan bagi penambahbaikan yang berterusan agar lebih berdaya saing (**Bukti 5.2.1d**).

KOMPONEN 2: HRM PRACTICES – Penglibatan warga FPP berkeupayaan tinggi dalam mendukung **#FPP_Model3P** berpandukan **mixed-collaboration** mengikut tahap kelayakan dan kepakaran (**Bukti 5.2.2a**). Keupayaan warga FPP ditingkatkan secara berterusan melalui program latihan dan pembangunan sama ada secara dalaman dan luaran (**Bukti 5.2.2b**). Pelan pembangunan kerjaya FPP membuktikan pencapaian warga terus menyerlah di dalam UiTM dan peringkat luar (**Bukti 5.2.2c**). FPP yakin **empowerment** diberikan kepada warga berjaya menyuntik semangat untuk terus maju.

FPP menekankan **integriti** dalam proses penilaian agar kekal telus dan adil. Amalan komunikasi terbuka dalam pengurusan sumber manusia telah memberi motivasi yang tinggi kepada warga FPP untuk meningkatkan kompetensi dan prestasi kerja yang cemerlang (**Bukti 5.2.2d**).

KOMPONEN 3: PERFORMANCE OUTCOME – Kecemerlangan FPP menyerlah melalui peningkatan **Performance Indicator (PI)** (**Bukti 5.2.3a**). FPP telah berjaya menunjukkan peningkatan jumlah penerbitan dan pengkomersilan, keterlibatan dalam aktiviti jaringan industri (**Bukti 5.2.3b**), serta penglibatan kepakaran dengan kerjasama penawaran Program FPP-iCEPS (**Bukti 5.2.3c**). Pengurusan cekap dan berkualiti terbukti dengan tahap penglibatan warga FPP melalui FBMIS yang diketengahkan sebagai projek **OE dan KIK berjaya** memperolehi pencapaian cemerlang (**Bukti 5.2.3d**).

Impak yang signifikan dari pendekatan ini telah melahirkan pensyarah yang berkualiti dan bertaraf global sebagai penceramah jemputan, penyelidik, penasihat dan perunding. Selain itu, 52 pensyarah memegang jawatan di unit luar FPP dan ini jelas membuktikan kepakaran pensyarah diiktiraf. Penglibatan pensyarah bagi pembangunan **FBMIS 2.0** membuktikan kepakaran staf dalam aspek transformasi digital dan pengoperasian pengurusan FPP.

KOMPONEN 4: FINANCIAL OUTCOMES - Keberkesanan pengurusan kewangan mampan FPP ditafsirkan dalam bentuk **#FPP_Model3P**. Kemenangan besar pembangunan secara dalaman **FBMIS** yang diketengahkan melalui projek OE dan KIK telah berjaya meminimumkan penggunaan sumber tenaga manusia serta berjaya memperolehi **penjimatan kos yang tinggi** dan pengurangan masa (**Bukti 5.2.4a**). FPP berjaya memperolehi **pendanaan jumlah geran, konferensi, akademik dan konsultansi yang tinggi (Bukti 5.2.4b- 5.2.4d)**. Ini membuktikan FPP berjaya dalam mendokong Teras Strategik Kemampanan Kewangan UiTM.

Majlis Aspresiasi Jewel in the Crown diadakan bagi memberi pengiktirafan dan

penghargaan dan menghargai warga FPP (Panti Oras) yang berkontribusi melalui pemberian insentif dan sebagainya bagi meningkatkan motivasi warga FPP. Kejayaan penganjuran program ilmiah dan riadah FPP dibiayai sepenuhnya oleh sumber **Kewangan Tabung Wang Amanah FPP** serta hasil **kejayaan penajaan dan pendanaan (Bukti 5.2.5b)**.

SENARAI BUKTI:

1. [F0023_S01_SB02_20251_5.2.1.pdf](#)
2. [F0023_S01_SB02_20252_5.2.2.pdf](#)
3. [F0023_S01_SB02_20253_5.2.3.pdf](#)
4. [F0023_S01_SB02_20254_5.2.4.pdf](#)
5. [F0023_S01_SB02_20255_5.2.5.pdf](#)

5.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

KOMPETENSI SUMBER MANUSIA SECARA HOLISTIK KE ARAH KECEMERLANGAN FPP

Kekuatan sumber manusia menjadi tuggak **#FPP_Model3P** merangkumi tiga (3) teras utama iaitu **#FPP_jana**, **#FPP_dana** dan **#FPP_jimat**. FPP berdiri megah sebagai sebuah entiti unggul yang dipacu oleh kekuatan sumber manusia yang luar biasa, melibatkan seramai **335 warga FPP**, terdiri daripada **297 pensyarah** dan **38 staf pentadbiran** yang berkaliber tinggi. Lebih membanggakan pada tahun 2024 terdapat seramai **167 pensyarah** memiliki **kelulusan PhD**, manakala **51** daripadanya menyandang jawatan **Profesor dan Profesor Madya**, menjadikan FPP antara fakulti yang mempunyai kepakaran tertinggi dalam universiti. Keunggulan FPP terbukti apabila seramai **54 pensyarah terlibat aktif sebagai ahli dalam pelbagai badan akademik, profesional, persatuan dan Pertubuhan Bukan Kerajaan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa**. Ini mencerminkan kepakaran praktikal yang relevan dan responsif terhadap keperluan industri semasa (**Bukti 5.3a**).

Kecemerlangan penjana sumber kewangan FPP melonjak cemerlang dengan memperoleh **RM2,894,990.04** dalam bentuk geran penyelidikan di peringkat kebangsaan, antarabangsa dan industri (**Bukti 5.3b**). Pada tahun 2024, pensyarah telah berjaya menghasilkan **372 penerbitan berindeks (Web of Science, Scopus dan ERA)**. Lonjakan penerbitan ini membuktikan kepakaran pensyarah FPP serta memperkukuh kedudukan FPP sebagai hub penyelidikan terunggul dalam bidang pengurusan dan perniagaan di Malaysia (**Bukti 5.3c**).

Kepakaran 40 pensyarah diketengahkan selaku perunding projek industri dari dalam dan luar negara. Kejayaan ini merupakan bukti nyata di mana kepakaran akademik FPP diterjemahkan secara efektif dalam bentuk perundingan berimpak tinggi yang memberi manfaat langsung kepada komuniti setempat dan industri pelancongan di Malaysia (**Bukti 5.3d(i)**). Selain itu, FPP berjaya mencatatkan pencapaian membanggakan apabila mengukir kecemerlangan berterusan melalui kejayaan luar biasa yang telah dicapai oleh pensyarah dalam pertandingan **Invention, Innovation and Design Exposition (IIDEX) 2024 (Bukti 5.3d(ii))**, dengan meraih **2 Pingat Emas, 2 Pingat Perak, dan 8 Pingat Gangsa** serta turut berjaya meraih **Anugerah Emas dalam pertandingan KIK 2024** serta **Naib Johan** bagi pertandingan **OE 2024 (Bukti 5.3d(iii))**.

FPP terus unggul sebagai institusi yang cemerlang dalam menguruskan kekuatan sumber manusianya melalui pelaksanaan program strategik berteraskan kepakaran dalaman. Seramai **168 pensyarah telah terlibat dalam program pengajaran di FPP-iCEPS** manakala **48 pensyarah terlibat dalam pengajaran pascasiswazah FPP**. Keberhasilan ini membuktikan komitmen FPP dalam menjana penjimatan kos yang signifikan dengan mengurangkan pelantikan tenaga pengajar luar, sekaligus mengurangkan perbelanjaan berkaitan honorarium profesional, elaun pakar luar dan kos pembangunan bahan baharu (**Bukti 5.3e (i)**).

Kepakaran dan pengalaman sumber manusia dioptimumkan dengan penglibatan **40 pensyarah dalam program yang dianjurkan oleh Malaysia Digital Economy Malaysia (MDEC) dan International Business Machines Corporation (IBM Malaysia) pada 2024 (Bukti 5.3e(ii))**. Inisiatif ini membuktikan komitmen FPP dalam memperluaskan kompetensi sumber manusia secara holistik dengan memberi peluang kepada pensyarah untuk meningkatkan kemahiran teknikal yang relevan dan terkini, serta memanfaatkan teknologi moden dalam pengajaran dan penyelidikan. **Bahagian Industry, Community and Alumni Network (ICAN) FPP juga telah meluaskan projek bersama komuniti dan industri dengan penglibatan 40 pensyarah (Bukti 5.3e(iii))**. Penglibatan aktif para pensyarah dalam program kolaborasi industri ini bukan sahaja mengukuhkan jaringan strategik antara FPP dan pihak industri, malah berjaya merealisasikan sepenuhnya objektif pendanaan FPP dengan impak yang signifikan terhadap pembangunan akademik dan profesionalisma pensyarah.

SENARAI BUKTI :

1. [F0023_S01_SB03_20251_Bukti 5.3a-Senarai Kelayakan dan Kepakaran Staf.pdf](#)
2. [F0023_S01_SB03_20252_Bukti 5.3b- Geran FPP 2024.pdf](#)
3. [F0023_S01_SB03_20253_Bukti 5.3c -Jumlah Jurnal Berindeks.pdf](#)
4. [F0023_S01_SB03_20254_Bukti 5.3d-Penglibatan sebagai Perunding dan Pencapaian Staf.pdf.pdf](#)
5. [F0023_S01_SB03_20255_Bukti 5.3e-Penglibatan dalam Program iCEPS, Pascasiswazah, MDEC dan ICANpdf.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

5.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

PEMANTAUAN SUMBER MANUSIA MENJAMIN PENCAPAIAN MATLAMAT FPP

FPP terus unggul sebagai sebuah institusi cemerlang yang dipacu oleh kekuatan sumber manusia serta iltizam yang tinggi terhadap **Tahap Kepuasan Kerja (*Happiness Index*)**. **Kekuatan** sumber manusia FPP berkualiti berteraskan profesionalisma, integriti dan inovasi, merekodkan **85% kepuasan Latihan & Pembangunan Diri** sebagai bukti kejayaan melahirkan warga berkemahiran tinggi serta ekosistem kerja seimbang dan bertaraf dunia (**Bukti 5.4.1a**).

FPP mencatat pencapaian cemerlang **92.23%** dalam **PRO-PENS**, membuktikan kecemerlangan pensyarah serta keberkesanan latihan profesional yang memperkukuh pedagogi, meningkatkan kemahiran bilik kuliah dan mengangkat kredibiliti FPP sebagai peneraju pendidikan berkualiti (**Bukti 5.4.1b**).

FPP mencapai pencapaian cemerlang **93.19%** dalam **SuFO 2024 dengan semua komponen melebihi 90%**, membuktikan keupayaan FPP menyediakan persekitaran kondusif, sokongan digital efektif dan pengajaran berkualiti yang memacu transformasi pelajar bertaraf global (**Bukti 5.4.1c**).

FPP terus mengekalkan momentum kecemerlangan akademik dengan mencatat skor **92.65%** dalam penilaian **TESA dan TEX 93%** (**Bukti 5.4.1d**). Pencapaian ini membuktikan komitmen FPP terhadap pengajaran berkualiti dan dedikasi pensyarah yang konsisten serta sebagai peneraju pendidikan berimpak tinggi.

Audit Dalam FPP 2024 menobatkan FPP sebagai penanda aras tadbir urus unggul dengan integriti tinggi, membuktikan keupayaan FPP mengatasi piawai universiti melalui kawalan dalaman mantap, ketelusan pelaporan dan pengurusan akademik yang berteraskan penambahbaikan berterusan (**Bukti 5.4.1e**). **Peningkatan pemantauan PRO-PENS** serta pemerkasaan fasiliti terus memperkukuh kedudukan global FPP. Komitmen holistik ini menyerlahkan daya saing FPP yang digerakkan oleh profesionalisma dan tadbir urus berkualiti.

FPP terus mengukuhkan reputasi sebagai peneraju kecemerlangan apabila **226 warga FPP berjaya melepasi keperluan minimum 42 jam latihan tahunan**. Pencapaian ini memperteguh budaya kecemerlangan dan kesiapsiagaan FPP melahirkan tenaga profesional bertaraf global (**Bukti 5.4.1f**).

FPP terus membuktikan kecemerlangannya apabila berjaya mencatat purata markah yang tinggi dalam **Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) 2024** dengan pensyarah memperoleh **89.15%** dan staf pentadbiran sebanyak **91.29%**. Kejayaan ini jelas mencerminkan komitmen tinggi, dedikasi tanpa kompromi, serta budaya kerja cemerlang yang menjadi teras kekuatan FPP (**Bukti 5.4.1g**).

Kesimpulannya, setiap pencapaian warga FPP sentiasa dipantau secara menyeluruh bagi memastikan pencapaian selari dengan matlamat dan sasaran pelaksanaan **#FPP_Model3P** merangkumi tiga (3) teras utama iaitu **#FPP_jana**, **#FPP_dana** dan **#FPP_jimat**.

SENARAI BUKTI:

1. [F0023_S01_SB04_SC01_20251_5.4.1a_Kepuasan_Kerja_dan_Happiness_Index_2024.pdf](#)
2. [F0023_S01_SB04_SC01_20252_5.4.2b_Pro_Pens_FPP_UiTM_2024.pdf](#)
3. [F0023_S01_SB04_SC01_20253_5.4.1c_dan_5.4.1d_Sufo_TESA_dan_TEX2024.pdf](#)

- .. [F0023_S01_SB04_SC01_20255_5.4.1f dan 5.4.1g_Latihan dan LNPT.pdf](#)
5. [F0023_S01_SB04_SC01_20255_5.4.1f dan 5.4.1g_Latihan dan LNPT.pdf](#)

5.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

PENGURUSAN RISIKO BERKALA KE ARAH TADBIR URUS CEMERLANG FPP

Pengurusan risiko merupakan langkah penting bagi memastikan setiap risiko dapat dikenal pasti dalam mencapai pelaksanaan sasaran **#FPP_Model3P (#FPP_jana, #FPP_dana, #FPP_jimat)**. Mekanisma semakan dan imbalan telah dijalankan di FPP bagi menjamin kelancaran operasi dan meningkatkan kecekapan warga FPP dalam mencapai pengurusan kewangan mampan. **Jawatankuasa Pemilik Risiko (JPR) (Bukti 5.4.2a(i)) dan perlantikan Ahli Jawatankuasa dipertanggungjawabkan (Bukti 5.4.2a(ii)) untuk memastikan pengurusan risiko tercapai** merangkumi proses pemantauan, penilaian dan pengesahan tindakan kawalan risiko FPP. Melalui tanggungjawab ini, risiko pengurusan sumber manusia berjaya ditangani.

Dalam usaha memperkukuh pengurusan risiko sumber manusia, FPP menggunakan **Sistem Pengurusan Risiko (e-RMS)** sebagai platform rasmi untuk **mendaftar, merekod dan memantau semua risiko** yang dikenal pasti (**Bukti 5.4.2b**). Melalui sistem ini, kawalan dan tindakan dilaksanakan dengan lebih sistematik, telus dan efisien bagi memastikan penjanaaan, pendanaan dan penjimatan kewangan tercapai. Penggunaan **e-RMS** juga membolehkan pihak pengurusan menilai tahap risiko secara berkala serta memastikan pelaporan risiko dibuat secara bersepadu.

Pada tahun 2024, antara **risiko yang telah didaftar berkaitan sumber manusia ialah risiko kekurangan pensyarah. Ini adalah disebabkan oleh persaraan, jumlah pelajar FPP yang ramai, kursus servicing dan faktor kesihatan. Tindakan dilaksanakan oleh FPP dengan penambahan waran perjawatan, pengambilan staf melalui MySTEP dan PTFT (Bukti 5.4.2c)** serta pelaksanaan **Team Teaching**. Selain itu, risiko penerbitan diatasi dengan memperkasa pensyarah dengan mewujudkan inisiatif **“Friday is FBM Writing Day”** dan **Program Mentor-Mentee (Bukti 5.4.2d)**. Program ini memberi bimbingan melalui perkongsian pengalaman, kepakaran, dan amalan terbaik dalam bidang pengajaran, penyelidikan serta penulisan ilmiah. Inisiatif ini berperanan penting dalam meningkatkan kualiti kerja akademik, memperkukuh budaya penyelidikan, dan mempercepatkan penghasilan penerbitan ilmiah yang berimpak tinggi.

Mesyuarat JPR FPP dijalankan **secara sukuan setiap tahun** oleh Pengurusan Kanan FPP bagi memastikan isu sumber manusia ditangani secara berkesan. Setiap isu yang dikenal pasti melalui proses **pemantauan risiko dinilai dan dianalisis secara menyeluruh** bagi memastikan warga FPP sentiasa produktif (**Bukti 5.4.2e**). Langkah ini bukan sahaja memastikan kesejahteraan dan prestasi warga kerja sentiasa terpelihara, tetapi juga menyokong FPP dalam mencapai kecemerlangan kewangan mampan.

Oleh itu, pelaksanaan pelan tindakan yang menyeluruh bagi mengurus risiko sumber manusia telah mencapai objektif strategik BT melalui sasaran **#FPP_Model3P (#FPP_jana, #FPP_dana, #FPP_jimat)**.

SENARAI BUKTI :

1. [F0023_S01_SB04_SC02_20251_Bukti 5.4.2a Penubuhan Jawatankuasa Risiko FPP.pdf](#)
2. [F0023_S01_SB04_SC02_20252_Bukti 5.4.2b Ceraian Daftar Risiko.pdf](#)
3. [F0023_S01_SB04_SC02_20253_Bukti 5.4.2c Pengambilan Pensyarah PTFT dan Staff MySTEP.pdf](#)
4. [F0023_S01_SB04_SC02_20254_Bukti 5.4.2d Inisiatif Fridy is FBM Writing Day.pdf](#)
5. [F0023_S01_SB04_SC02_20255_Bukti 5.4.2e Mesyuarat Jawatankuasa Risiko.pdf](#)

5.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

MENGAJAI SEMULA DAN TINDAKAN PENAMBAIKAN TERAS SUMBER MANUSIA DINAMIK

Bagi mewujudkan persekitaran kerja yang kondusif serta menyokong keperluan warga dalam mencapai pengurusan kewangan mampan, FPP telah melaksanakan pelbagai inisiatif penambahbaikan berdasarkan maklumbalas warga FPP.

Bagi inisiatif di bawah teras **#FPP_jana** dan **#FPP_dana**, usaha meningkatkan kualiti dan profesionalisma pensyarah telah dijayakan melalui Bahagian RENOVA, di mana inisiatif **“Friday is FBM Writing Day”** dilaksanakan secara konsisten melalui hebahan emel setiap hari Jumaat bagi menggalakkan budaya penulisan ilmiah dalam kalangan pensyarah. **(Bukti 5.4.3a)**. Inisiatif ini menyediakan bimbingan melalui **penubuhan kumpulan RG dan RIG** dan sokongan penulisan ilmiah, menggalakkan perkongsian ilmu dan meningkatkan kemahiran menulis. Ia membantu pensyarah menghasilkan artikel berkualiti, penerbitan berindeks dan memperkukuh profil penyelidikan FPP serta reputasi di peringkat global.

FPP telah memperkenalkan **inisiatif Mentor-Mentee 2024** di kalangan pensyarah, dengan **objektif utama membimbing melalui perkongsian pengalaman, kepakaran, dan amalan terbaik dalam bidang pengajaran, penyelidikan serta penulisan ilmiah (Bukti 5.4.3b)**. Inisiatif ini berperanan penting dalam meningkatkan kualiti kerja akademik, memperkukuh budaya penyelidikan, mempercepatkan penghasilan penerbitan ilmiah yang berimpak tinggi serta menyokong laluan kenaikan pangkat staf secara lebih terancang dan sistematik. Melalui penggunaan kepakaran dalaman, inisiatif ini berjaya direalisasikan dan mendokong **#FPP_jimat** tanpa perlu bergantung kepada sumber kepakaran luar.

FPP melaksanakan pelbagai inisiatif penambahbaikan bagi **mewujudkan sistem kerja dan persekitaran yang lebih kondusif untuk kesejahteraan warga**. Melalui inisiatif **#FPP_jimat** yang merangkumi dua (2) komponen utama: **penambahbaikan sistem operasi FBMISS 2.0 (Bukti 5.4.3c)** dan **penambahbaikan fizikal persekitaran** meliputi ruang pejabat, rehat, pantri, surau, serta kemudahan mesyuarat dan teknologi. Usaha ini meningkatkan motivasi, kepuasan kerja dan budaya kerja profesional di kalangan warga FPP **(Bukti 5.4.3d)**. **Selain itu, inisiatif #FPP_jimat dilaksanakan dengan memperkasakan FBMISS (OE dan KIK)** telah berjaya menjimatkan sumber manusia dan meningkatkan kecekapan kerja. Setiap projek OE dan KIK ini adalah dengan gabungan sinergi warga FPP bagi memastikan keberkesanan pengurusan operasi. Pada tahun 2024, FPP berjaya meraih dua (2) anugerah iaitu **Anugerah KIK Primer Terbaik: Kategori Inovasi Pengurusan dan Kategori Penciptaan (Bukti 5.4.3e)** dalam **Konvensyen KIK UiTM 2024**. FPP terus unggul dengan pencapaian **Naib Johan Projek OE: Li2U_Apps** di **Majlis Kemuncak Inovasi UiTM 2024**. Kejayaan ini membuktikan kecemerlangan inovasi FPP bagi mendokong Dasar Pendigitalan UiTM.

SENARAI BUKTI :

1. [F0023_S01_SB04_SC03_20251_Bukti 5.4.3a - Friday is FBM Writing Day.pdf](#)
2. [F0023_S01_SB04_SC03_20252_Bukti 5.4.3b - Mentor- Mentee Program.pdf](#)
3. [F0023_S01_SB04_SC03_20253_Bukti 5.4.3c - Penambahbaikan sistem kerja \(FBMISS\).pdf](#)
4. [F0023_S01_SB04_SC03_20254_Bukti 5.4.3d - Penambahbaikan fizikal \(persekitaran kerja kondusif\).pdf](#)
5. [F0023_S01_SB04_SC03_20255_Bukti 5.4.3e - Anugerah KIK Primer Terbaik.pdf](#)

5.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

PEMBUDAYAAN SUMBER MANUSIA PROAKTIF DALAM PENGURUSAN KEWANGAN MAMPAN

Pembudayaan pengurusan sumber manusia yang holistik amat penting dalam mencapai pelaksanaan **#FPP_Model3P**. Inisiatif FPP dalam mendukung pembudayaan yang dijalankan:

1. PEMBUDAYAAN PENJANAAN PENDAPATAN (**#FPP_jana**)

Pembudayaan penjanaaan pendapatan **#FPP_jana** telah dilaksanakan secara berkesan melalui **penglibatan proaktif warga FPP** melalui **Program Intersesi (Sarjana Muda) dan Semester Pendek, Program Francais-iCEPS, UiTMSeat Plus, Program Pascasiswazah, International Summer Program, penganjuran ABRIC2024 dan pertandingan VIIIIC2024. (Bukti 5.5.1a)**. Inisiatif ini tidak sekadar bersifat taktikal, malah telah menjadi **budaya kerja warga FPP** dalam memanfaatkan kepakaran pensyarah sekaligus mendokong **#FPP_jana**.

Budaya pengoptimuman tenaga kerja ini turut dizahirkan melalui pelaksanaan **SAP FBM 2024** yang memberi ruang kepada pensyarah dan staf pentadbiran melibatkan diri berdasarkan kekuatan dan kepakaran. Ianya terbukti melalui kejayaan penganjuran konferensi utama FPP seperti **ABRIC2024 dan VIIIIC2024** dilaksanakan sepenuhnya oleh warga FPP menunjukkan tahap kecekapan dan komitmen tinggi terhadap inisiatif FPP (**Bukti 5.5.1b**).

2. PEMBUDAYAAN PENDANAAN (**#FPP_dana**)

Kesinambungan budaya kecemerlangan diteruskan melalui kekuatan dalam **penyelidikan dan penerbitan**, dibuktikan dengan kejayaan warga FPP memperolehi melalui aktiviti penyelidikan dan inovasi yang dianjurkan seperti persidangan, rundingan (Industri/Kementerian) dan Geran (Kebangsaan, Antarabangsa dan Industri) serta pelaksanaan aktiviti pendanaan daripada industri seperti **MBSB Bank, MDEC dan Akademi Zakat (AZKA-PPZ) serta pendanaan program Career Fair 2024, ICAN Week 2024** serta pembiayaan program **ERASMUS Staff Mobility Grant (Bukti 5.5.2a)**. pelbagai geran. **Penghasilan penerbitan berindeks** di pangkalan data bereputasi terbukti melalui penyertaan pensyarah dalam jurnal yang tersenarai di **Web of Science, Scopus dan ERA**, sekali gus meningkatkan kredibiliti dan impak penyelidikan di peringkat antarabangsa (**Bukti 5.5.2b**).

Dalam memperkukuhkan amalan penyelidikan dan penulisan ilmiah, FPP telah memperkenalkan inisiatif "**Friday is FBM Writing Day**" sebagai **budaya kerja yang menyemai disiplin penulisan secara berterusan dan disokong oleh kumpulan RIG** dan bimbingan berstruktur, budaya ini telah membentuk budaya penyelidikan yang menyeluruh justeru menyumbang kepada penerbitan berimpak tinggi (**Bukti 5.5.2c**). **Program Mentor-Mentee** dapat menyemai budaya bimbingan penyelidikan serta akademik secara strategik.

Kepakaran pensyarah FPP terbukti sebagai perunding industri serta kolaborasi tempatan dan antarabangsa. Inisiatif ini memberi impak positif kepada komuniti dan industri, malah mengukuhkan imej FPP sebagai pusat rujukan profesional. **Usaha kolaboratif seperti penerbitan bersama dan jemputan penceramah luar negara turut menyokong pengukuhan jaringan antarabangsa serta meningkatkan visibiliti dan reputasi institusi di peringkat global. (Bukti 5.5.2d)**.

3. PEMBUDAYAAN PENJIMATAN (**#FPP_jimat**)

Pembudayaan inovasi menjadi asas kejayaan FPP dalam penglibatan pembangunan secara dalaman **FBMIS** yang **diperluaskan** sebagai projek **OE dan KIK** membuktikan inovasi telah menjadi sebahagian budaya kerja bagi meningkatkan **kecekapan dan penjimatan kos, masa dan sumber manusia**. Pembudayaan ini membentuk identiti pensyarah sebagai pakar dalam pembangunan sistem dalaman **FBMIS - Student Training Information System (STIS) (Bukti 5.5.3a)** yang membuktikan keupayaan FPP memacu penjimatan dan inovasi tanpa bergantung kepada sumber luar. Pembangunan STIS bukan sahaja memudahkan pelajar, pensyarah dan

upertuaskan penggunaannya di peringkat industri, di mana digunakan oleh pihak majikan terutamanya dalam membuat penilaian latihan industri pelajar sekaligus merealisasikan #FPP_jimat.

Kesimpulannya, pembudayaan sumber manusia yang strategik membantu meningkatkan produktiviti, menjimatkan kos, dan mengurangkan kebergantungan kepada sumber luar. Ini secara langsung menyumbang kepada hasil kewangan mampan bagi FPP dan menjayakan #FPP_Model3P.

SENARAI BUKTI :

1. [F0023_S01_SB05_20251_Bukti 5.5.1a Bilangan Pensyarah yang Mengajar di ICEPS & Bukti 5.5.1b Pendapatan Melalui ABRIC dan VIIC.pdf](#)
2. [F0023_S01_SB05_20252_Bukti 5.5.2a Pendanaan dari Pelbagai Industri & Bukti 5.5.2b Penghasilan Penerbitan Berindeks.pdf](#)
3. [F0023_S01_SB05_20253_Bukti 5.5.2c FBM Writing Day dan Program Mentor Mentee.pdf](#)
4. [F0023_S01_SB05_20254_Bukti 5.5.2d Staf FPP Menjadi Penceramah Jemputan Universiti Luar.pdf](#)
5. [F0023_S01_SB05_20255_Bukti 5.5.3a Inovasi FPP \(FBMIS\) & Pro Servicing System.pdf](#)

KRITERIA 6 : TUMPUAN KEPADA OPERASI

6.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

OPERASI YANG DIPACU OLEH PENGURUSAN KEWANGAN MAMPAN

PERANCANGAN FPP terserlah melalui keberkesanan operasi yang dipacu oleh pengurusan kewangan yang mampan. FPP berjaya menjalankan pelbagai inisiatif kerana telah melaksanakan **#FPP_Model3P** merangkumi tiga (3) teras utama iaitu **#FPP_jana** (penjanaan pendapatan), **#FPP_dana** (pendanaan pendapatan) dan **#FPP_jimat** (penjimatan kewangan) telah menjadi tonggak utama **kecekapan operasi** FPP secara menyeluruh. FPP mengamalkan pendekatan sistematik berteraskan proses **Plan-Do-Check-Act (PDCA)** bagi memastikan kelangsungan dan kecemerlangan operasi.

PELAKSANAAN FPP merangkumi agenda universiti, maklumbalas pelanggan (warga FPP dan pihak luar) serta keperluan peningkatan kecekapan operasi. **Pelan tindakan dirangka** berdasarkan teras utama iaitu **#FPP_jana** dijayakan dengan penawaran Program Akademik Intersesi dan Semester Pendek, Program Francais FPP-iCEPS, *UiTMSeat Plus*, Program Pascasiswazah (BA707, BA721 dan BA776), *International Summer Program* serta penganjuran *ABRIC2024* dan *VIIIC2024* untuk memperluas peluang penjanaan pendapatan. **#FPP_dana** telah dilaksana melalui pembiayaan industri seperti **Malaysia Building Society Berhad (MBSB) Bank** dan **Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC)**, pembiayaan antarabangsa seperti **ERASMUS Staff Mobility Grant** dan **Etika Takaful & Akademi Zakat (AZKA-PPZ) Wilayah Persekutuan** untuk pengurusan sumber kewangan secara efektif. Manakala, **#FPP_jimat** dicapai melalui **pembangunan sistem dalaman Faculty of Business and Management Information System (FBMIS)**, penyediaan fail mesyuarat secara digital (**eMesyuarat**), serta pengurusan kolaborasi kepakaran melibatkan staf, pelajar, dan pihak industri untuk mengenalpasti ruang penjimatan dalam operasi harian FPP.

Kesimpulannya, **#FPP_Model3P** menekankan pengurusan sumbangan pihak luar dan pendanaan yang strategik serta berhemah di samping pengoptimuman penggunaan bajet. Dana dan sumbangan daripada industri telah berjaya mengurangkan kebergantungan kepada sumber dalaman serta mengoptimumkan perbelanjaan operasi. Langkah penjimatan dan pengoptimuman perbelanjaan dilaksanakan bagi memastikan pengurusan kewangan mampan disokong oleh tadbir urus FPP yang **telus, sistematik dan berintegriti**.

PEMANTAUAN pengoperasian FPP dijalankan secara berkala melalui pelaporan di **Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Fakulti (JKEF)**, **Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP)** dan **Mesyuarat Staf Akademik**. Penilaian pelaporan dilaksanakan pada setiap suku tahun melalui **Sistem Pengurusan dan Pemantauan Projek (UePMOv3)**. Selain itu, **Audit Dalam FPP dan Laporan Pengurusan Risiko** sebagai mekanisme mengenalpasti prestasi dan potensi risiko. **FBMIS** dibangunkan secara memudahkan pemantauan aktiviti, perbelanjaan dan penjanaan pendapatan, mempercepat proses kelulusan serta menjimatkan kos operasi.

TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN dilaksanakan berdasarkan penemuan audit, laporan prestasi dan maklumbalas warga FPP. Inisiatif **#FPP_jana** ditambahbaik dengan meninjau peluang baharu dengan termeterainya perjanjian **Memorandum of Understanding (MoU) dan Memorandum of Agreement (MoA)**. Inisiatif **#FPP_dana** diperkukuh melalui perancangan bajet yang lebih mantap dengan memperoleh pendanaan kewangan daripada pihak industri. Manakala, inisiatif **#FPP_jimat** dilaksanakan seperti pembangunan **secara dalaman FBMIS** seterusnya diketengahkan sebagai Projek Kecemerlangan Operasi (OE) dan Kumpulan Kreatif dan Inovatif (KIK), menaik taraf Bilik RENOVA kepada **Mindspace RENOVA**, penggunaan eMesyuarat, penganjuran Majlis Pra-Graduan serta pelaksanaan Program Intersesi dan Semester Pendek secara dalam talian. Pendigitalan proses kerja melalui **FBMIS** dan pemantauan perbelanjaan operasi melalui **Jawatankuasa Tabung Amanah Fakulti (JKTAF)** memastikan kewangan dikawal tanpa menjejaskan kualiti perkhidmatan. FPP mengutamakan **prinsip keadilan** dalam semua urusan kewangan khususnya dalam

pengagihan dana dan sumber, dilaksanakan secara **telus dan saksama** agar manfaatnya **dirasai oleh semua warga FPP** serta meningkatkan kualiti dan keberkesanan operasi.

Penggabungan proses **PDCA dengan #FPP_Model3P** telah berjaya memacu pengoperasian FPP ke arah pengurusan kewangan yang mampan, selari dengan aspirasi kecemerlangan FPP dan hala tuju UiTM.

6.2 PENDEKATAN (APPROACH)

KECEKAPAN OPERASI FPP SECARA SISTEMATIK KE ARAH PENGURUSAN KEWANGAN MAMPAN

#FPP_Model3P merangkumi **tiga (3) teras utama** iaitu inisiatif **#FPP_jana**, **#FPP_dana**, dan **#FPP_jimat** yang dilaksanakan melalui adaptasi proses **Plan-Do-Check-Act (PDCA)** secara strategik bagi mencapai pengurusan kewangan mampan (**Bukti 6.2.1**). Setiap teras dibangunkan berasaskan perancangan yang teliti, penilaian berterusan, penambahbaikan berfokus serta inovasi yang relevan dengan keperluan semasa FPP dan industri.

Inisiatif **#FPP_jana** merupakan teras utama strategi kemampanan kewangan FPP dilaksanakan secara berterusan bagi mengurangkan kebergantungan terhadap peruntukan daripada UiTM. Inisiatif **#FPP_jana** dilaksanakan dengan penawaran Program Akademik Interseksi dan Semester Pendek, Program Francais FPP-iCEPS, *UiTMSeat Plus*, Program Pascasiswazah (BA707, BA721 dan BA776) dan *International Summer Program* (**Bukti 6.2.2a**). Selain itu, **Inisiatif penganjuran program berimpak tinggi** seperti **ABRIC2024** dan **VIIIC2024** telah dilaksanakan oleh Bahagian RENOVA. **Pendapatan telah dijana melalui strategi seperti strategi harga yang bersasar, pemilihan, peluang penerbitan dalam jurnal berwasit dan kolaborator luar yang terbaik (Bukti 6.2.2b, Bukti 6.2.2c, Bukti 6.2.2d)**. Selain itu, pendapatan turut dijana melalui penyewaan ruang pameran bagi program **Career Fair 2024 dan aktiviti keusahawanan pelajar (Bukti 6.2.2e)**. Inisiatif ini telah memberi peluang kepada syarikat-syarikat untuk mengadakan pameran kerjaya kepada pelajar. Dari segi nilai tambah kepada pelajar pula, ruang ini telah digunakan sebagai pembelajaran tambahan dan penjana pendapatan yang dapat disalurkan semula kepada kewangan operasi FPP seperti **pembayaran fasiliti, penyelenggaraan dan sokongan akademik. Penjana kewangan secara strategik juga** telah meningkatkan kecekapan dan fleksibiliti operasi FPP dalam jangka masa panjang dan pendek.

Inisiatif **#FPP_dana** dilaksana melalui pembiayaan industri seperti MBSB Bank dan MDEC, pembiayaan antarabangsa seperti *ERASMUS Staff Mobility Grant* dan Etiqa Takaful & Akademi Zakat (AZKA-PPZ) Wilayah Persekutuan di mana impak dinilai melalui jumlah geran diperoleh dan manfaat kepada pembangunan pelajar dan FPP (**Bukti 6.2.3a dan 6.2.3b**). Sebagai contoh, **FPP telah menerima geran industri berjumlah RM131,850 daripada MBSB Bank** yang dimanfaatkan bagi penganjuran bengkel *Mastery TikTok* dan pembangunan ruang kerjasama khas di fakulti (**Bukti 6.2.3c**).

Sementara itu, inisiatif **#FPP_jimat** pula menekankan kepada penggunaan optimum terhadap sumber sedia ada serta pelaksanaan langkah penjimatan kos operasi. Inisiatif ini dilaksanakan melalui pembangunan sistem dalaman **FBMIS**, menaik taraf Bilik RENOVA, penggunaan eMesyuarat, penganjuran Majlis Pra-Graduan serta pelaksanaan Program Akademik Interseksi dan Semester Pendek secara dalam talian. Penumpuan kepada penjimatan kos dan kecekapan operasi dilaksanakan melalui pembangunan sistem digital ini, serta penaiktarafan fasiliti dalaman seperti Bilik RENOVA dan penstrukturan semula kewangan majlis pelajar. Contohnya, **penggunaan sistem digital di dalam FBMIS** seperti **Course File Information System (CFIS)** dan **Student Internship Information System (STIS)** berjaya mengurangkan keperluan cetakan serta meningkatkan kecekapan dalam pengurusan maklumat dan dokumentasi. Tambahan, pelaksanaan **Majlis Pra-Graduan melalui kutipan yuran pelajar (Bukti 6.2.4a)** membolehkan aktiviti besar dijalankan dengan kos minimum kepada fakulti, sekali gus mencerminkan kebijaksanaan pengurusan dalam mengimbangi keberkesanan dan penjimatan. Selain itu, penggunaan sistem eMesyuarat sebagai sebahagian daripada inisiatif tadbir urus digital (**Bukti 6.2.4b**). Bilik RENOVA telah dinaiktarafkan berjaya mengurangkan keperluan menyewa ruang atau peralatan luar (**Bukti 6.2.5**).

Secara keseluruhan, kesemua inisiatif ini dilaksanakan berdasarkan perancangan teliti, penilaian berasaskan bukti, penambahbaikan berterusan, dan penerapan inovasi. Pendekatan ini memastikan FPP kekal cekap, responsif terhadap keperluan industri, berdaya saing, serta

restan secara langsung.

SENARAI BUKTI:

1. [F0023_O01_OB02_20251_Bukti 6.2.1 .pdf](#)
2. [F0023_O01_OB02_20252_Bukti 6.2.2.pdf](#)
3. [F0023_O01_OB02_20253_Bukti 6.2.3.pdf](#)
4. [F0023_O01_OB02_20254_Bukti 6.2.4.pdf](#)
5. [F0023_O01_OB02_20255_Bukti 6.2.5.pdf](#)

6.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

PERLUASAN STRATEGI OPERASI FPP KE ARAH PENGURUSAN KEWANGAN MAMPAN

#FPP_Model3 merangkumi tiga (3) teras utama iaitu **#FPP_jana** **#FPP_dana** dan **#FPP_jimat** menjadi tonggak utama **kecekapan operasi** FPP diperluaskan melalui strategi operasi berteraskan proses **PDCA**.

Bagi **#FPP_jana**, penawaran Program Akademik Intersesi dan Semester Pendek, Program Francais FPP-iCEPS, *UiTMSeat Plus*, Program Pascasiswazah (BA707, BA721 dan BA776) dan *International Summer Program* yang kompetitif diperkasa (**empower**) dengan strategi promosi bersepadu melibatkan penggunaan media sosial seperti **laman sesawang rasmi FPP** serta pelantikan penyelaras promosi dan (**Bukti 6.3.1a, 6.3.1.b, 6.3.1c dan 6.3.1d**). **Hebahan maklumat dan pengiklanan dilakukan** beberapa minggu sebelum pembukaan sesi bagi program seperti Program Akademik Intersesi dan Semester Pendek.

Bahagian RENOVA memperluaskan penganjuran persidangan dan pertandingan inovasi seperti penganjuran *ABRIC2024* dan *VIIIC2024* dengan memanfaatkan strategi harga dan kolaborasi yang **diiklankan secara konsisten di media sosial seperti e-mail dan whatsapp (Bukti 6.3.2a dan 6.3.2b)**. Bagi mendapatkan rakan kerjasama, pendekatan komunikasi dua hala digunakan termasuk e-mel dan surat rasmi kepada universiti kebangsaan dan, antarabangsa serta pihak industri yang relevan. Di samping itu, *ABRIC2024* turut menjana pendapatan melalui tawaran penerbitan artikel dalam *Special Issue* jurnal berindeks **Web of Science (WoS), Scopus, ERA dan MyCite (Bukti 6.3.2c)**. Manakala, bagi **#FPP_jana** untuk *Career Fair 2024* dan sewaan ruang pula, pendapatan diperoleh daripada yuran penyertaan oleh syarikat yang mengambil bahagian di dalam pameran kerjaya ini dan sewaan ruang (*incubator*) oleh usahawan yang terlibat. Sumber penajaan ini telah menyumbang secara langsung kepada pendapatan FPP (**Bukti 6.3.3**).

Bagi **#FPP_dana**, **permohonan mendapatkan dana dikemukakan dan FPP telah mendapat pembiayaan dana daripada industri** seperti MBSB Bank dan MDEC, pembiayaan antarabangsa seperti *ERASMUS Staff Mobility Grant* dan Etiqa Takaful & Akademi Zakat (AZKA-PPZ) Wilayah Persekutuan (**Bukti 6.3.4a, 6.3.4b**). Hasil pengurusan yang sistematik ini membolehkan FPP menjalinkan kerjasama strategik melalui pemeteraian *MoU* dan *MoA* dengan pihak industri, sekali gus menyumbang kepada pendanaan FPP (**Bukti 6.3.4c**). Pelaksanaan program seperti *Career Fair 2024* dijalankan melalui jemputan rasmi kepada syarikat-syarikat yang berkaitan dengan bidang kerjaya pelajar (**Bukti 6.3.4d**).

#FPP_jimat dicapai melalui pembangunan sistem dalaman *FBMIS*, penyediaan fail mesyuarat secara digital (eMesyuarat). Inisiatif **#FPP_jimat** menumpukan kepada kecekapan dalam penggunaan sumber dan kawalan perbelanjaan FPP. Pembangunan *FBMIS* secara dalaman melalui Projek OE iaitu *Student Training Internship System (STIS)* telah membantu mengurangkan kos percetakan serta meningkatkan keberkesanan dalam pengurusan sumber manusia. Penggunaan sistem ini diperluas dan diwajibkan kepada semua staf FPP untuk menyimpan dokumen pengajaran, merekod markah pelajar latihan industri dan sebagainya. **Skop penggunaan FBMIS-STIS telah dikembangkan sehingga melibatkan penyelia syarikat latihan industri pelajar (Bukti 6.3.5a)**.

Penambahbaikan ruang sedia ada turut dilaksanakan dengan menaik taraf Bilik RENOVA kepada **Mindspace RENOVA**, iaitu ruang kerja yang lebih selesa dan profesional untuk tujuan penyelidikan dan perbincangan. Langkah ini berjaya mengurangkan keperluan menyewa ruang luar (**Bukti 6.3.5b**). Dalam pengurusan aktiviti pelajar, FPP turut memperkenalkan kutipan yuran penyertaan daripada pelajar sebagai langkah penjimatan kos. Hebahan mengenai bayaran dibuat lebih awal oleh Bahagian HEP, manakala proses kutipan dan pengurusan kewangan dijalankan oleh Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) atau jawatankuasa pelaksana program masing-masing (**Bukti 6.3.5c**).

SENARAI BUKTI :

1. [F0023_O01_OB03_20251_Bukti 6.3.1.pdf](#)
2. [F0023_O01_OB03_20252_Bukti 6.3.2.pdf](#)
3. [F0023_O01_OB03_20253_Bukti 6.3.3.pdf](#)
4. [F0023_O01_OB03_20254_Bukti 6.3.4.pdf](#)
5. [F0023_O01_OB03_20255_Bukti 6.3.5.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

6.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

PANTAU BERKALA, OPERASI MANTAP BAGI MENCAPAI KEWANGAN MAMPAN

Pemantauan terhadap operasi FPP dilaksanakan secara terancang, dan berstrategi. **#FPP_jana** dipantau melalui daripada maklumbalas yang diberikan oleh peserta seperti daripada **ABRIC2024** dan **VIIIC2024 (Bukti 6.4.1.1a)**. Bagi program akademik, **pensyarah yang mengajar dipantau melalui pengisian SUFO secara dalam talian dan PROPENS** pada setiap semester (**Bukti 6.4.1.1b**). Tahap **ketampakan** di peringkat kebangsaan dan antarabangsa FPP dinilai melalui jaringan kerjasama, perbincangan bersama sehinggalah termeterainya **MoU dan MoA (Bukti 6.4.1.2a)**. Impak daripada usaha ini menyumbang kepada penerimaan **Anugerah Penjana Pendapatan Cemerlang UiTM 2024 (Bukti 6.4.1.2b)** yang membuktikan **keberkesanan pengurusan kewangan dan operasi FPP**.

#FPP_dana memantau pengurusan geran dan tajaan melalui perbincangan industri dan agensi kebangsaan serta antarabangsa seperti **MBSB Bank, MDEC, ERASMUS Staff Mobility Grant dan AZKA-PPZ Wilayah Persekutuan (Bukti 6.4.1.3a)**. FPP turut melaksanakan libat urus strategik bersama pelajar, warga FPP dan pihak industri bagi memastikan maklumbalas diambilkira untuk penambahbaikan berterusan. Pemantauan dilaksanakan melalui pelbagai saluran komunikasi seperti **Google Form, sistem UNITS dan kod QR pigeon hole** bagi memastikan maklumbalas diterima. Hasil maklumbalas ini diambil kira di **Mesyuarat JKEF, MKSP dan Staf Akademik** bagi penambahbaikan berterusan (**Bukti 6.4.1.3b dan 6.4.1.3c**).

Bagi **#FPP_jimat**, pemantauan **FBMIS-Course File Information System (CFIS)** bagi fail pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan melalui Audit Dalam FPP dan peranan Pakar Rujuk CFIS bagi menjamin keberkesanan, ketelusan dan pematuhan prosedur. (**Bukti 6.4.1.4a dan 6.4.1.4b**). **FBMIS** mengumpulkan dokumen penting berkaitan akademik, mempercepatkan proses permohonan dan kelulusan aktiviti pelajar, menyelaraskan pelaporan kewangan serta memantau perbelanjaan. Penambahbaikan sistem ini berjaya **menjimatkan kos operasi, masa dan tenaga kerja**.

Audit Dalam FPP dilaksanakan bagi mengesan jurang pelaksanaan, **Root Cause Analysis** digunakan untuk menganalisa punca kegagalan secara mendalam. Penemuan ini menjadi asas kepada pelan penambahbaikan yang berfokus dan berkesan (**Bukti 6.4.1.4c dan Bukti 6.4.1.4d**). Data prestasi serta laporan pencapaian dikemukakan secara sistematik dalam mesyuarat utama seperti **JKEF, JTAF, dan MKSP** bagi memastikan inisiatif sentiasa dipantau, diselaraskan dengan **Pelan Tindakan Strategik FBM SAP 2024 (Bukti 6.4.1.5a dan Bukti 6.4.1.5b)**, serta ditambahbaik secara berterusan demi menjamin keberkesanan operasi FPP.

Hasil pemantauan, FPP lebih sistematik dan berimpak tinggi, dibuktikan dengan penerimaan Anugerah. **Kecemerlangan SAP dan Anugerah Lonjakan Prestasi SAP dalam Majlis AKPU 2024 (Bukti 6.4.1.5c)**.

SENARAI BUKTI:

1. [F0023_O01_OB04_OC01_20251_Bukti 6.4.1.1.pdf](#)
2. [F0023_O01_OB04_OC01_20252_Bukti 6.4.1.2.pdf](#)
3. [F0023_O01_OB04_OC01_20253_Bukti 6.4.1.3.pdf](#)
4. [F0023_O01_OB04_OC01_20254_Bukti 6.4.1.4.pdf](#)
5. [F0023_O01_OB04_OC01_20255_Bukti 6.4.1.5.pdf](#)

6.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

PENGURUSAN RISIKO OPERASI YANG STRATEGIK TONGGAK KECEMERLANGAN FPP

Risiko operasi berpotensi menjejaskan kelancaran pengurusan FPP sekiranya tidak diurus dengan baik. Justeru, pengurusan risiko telah dilaksanakan secara berstruktur berlandaskan **Manual Pengurusan Risiko UiTM (Bukti 6.4.2.1a)** dengan **pemantauan berkala** oleh **Jawatankuasa Pemilik Risiko (JPR) (Bukti 6.4.2.1b)** dan pelaporan rasmi kepada **MKSP** sekurang-kurangnya sekali setahun (**Bukti 6.4.2.1c**). Melalui kerangka **#FPP_Model3P**, risiko dikenal pasti, dikategorikan dan ditangani dengan langkah mitigasi yang bersesuaian dan merangkumi tiga aspek utama iaitu **pengurusan kewangan, penjanaaan pendapatan dan hasil, serta penjimatan (Bukti 6.4.2.1d)**.

Dalam aspek **pengurusan kewangan**, risiko utama ialah kelewatan penerimaan dana yang boleh menjejaskan aliran tunai fakulti. Risiko ini berjaya diminimumkan melalui perancangan perbelanjaan berhemah dan penyediaan dana kecemasan berasaskan Tabung Amanah dan **Laporan Prestasi Kewangan (Bukti 6.4.2.2a)** serta penggunaan Wang Tabung Amanah dibentangkan **secara bulanan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tabung Amanah Fakulti (JTAF)**. JTAF yang dipengerusikan oleh Dekan FPP bertindak sebagai institusi tadbir urus utama dalam menyemak, menilai dan meluluskan peruntukan kewangan FPP (**Bukti 6.4.2.2b**). Kelulusan perbelanjaan berdasarkan inisiatif **#FPP_jana (Bukti 6.4.2.2c)**, inisiatif **#FPP_dana (Bukti 6.4.2.2d)** dan inisiatif **#FPP_jimat (Bukti 6.4.2.2e)** yang diputuskan oleh JTAF telah memastikan **kos operasi dikawal secara optimum** tanpa menjejaskan kualiti perkhidmatan.

Dalam aspek **penjanaaan pendapatan dan hasil**, risiko yang dikenal pasti termasuk kekurangan saluran pendapatan tetap, ketidakmampuan menarik penajaan industri serta persaingan sengit dengan institusi lain. Risiko ini telah berjaya dikawal melalui **strategi kepelbagaian program akademik** (Program Intersesi, semester Pendek, FPP-iCEPS, *UiTMSeat Plus*, Pascasiswazah, *International Summer Program*), persidangan dan perundingan (*ABRIC2024*, *VIIIC2024*, *MBSB Bank*, *MDEC*, *AZKA-PPZ*) serta pakej penajaan menarik melalui *ICAN Week* dan *FBM Career Fair 2024*. Melalui inisiatif yang dilaksanakan, FPP berjaya **menstabilkan aliran kewangan dan mengekalkan hasil pendapatan** secara berterusan sebagaimana dilaporkan dalam **Laporan Penjanaaan FPP (Bukti 6.4.2.3)**.

Dalam aspek penjimatan operasi, risiko utama yang dikenal pasti ialah pembaziran sumber khususnya penggunaan elektrik yang tidak efisien, sekali gus meningkatkan kos operasi FPP. **Penjimatan elektrik** berjumlah **RM39,780** dicatatkan pada Ogos dan September 2024 **hasil pelaksanaan kuliah intersesi dan semester pendek secara dalam talian** sepenuhnya (**Bukti 6.4.2.4**). Di samping itu, **FBMIS** meningkatkan kecekapan operasi dengan memudahkan pemantauan aktiviti mempercepat proses kelulusan serta memantau perbelanjaan dan penjanaaan hasil secara sistematik (**Bukti 6.4.2.5**).

SENARAI BUKTI :

1. [F0023_O01_OB04_OC02_20251_Bukti 6.4.2.1.pdf](#)
2. [F0023_O01_OB04_OC02_20252_Bukti 6.4.2.2.pdf](#)
3. [F0023_O01_OB04_OC02_20253_Bukti 6.4.2.3.pdf](#)
4. [F0023_O01_OB04_OC02_20254_Bukti 6.4.2.4.pdf](#)
5. [F0023_O01_OB04_OC02_20255_Bukti 6.4.2.5.pdf](#)

6.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

PENAMBAHBAIKAN BERASASKAN ANALISA UNTUK KEUNGGULAN OPERASI FPP

Data dari pencapaian inisiatif **#FPP_Model3P** dikumpul secara sistematik oleh ketua jabatan dan diselaraskan melalui **sistem UePMOv3**. Sistem ini membolehkan maklumat peruntukan, perbelanjaan, status pelaksanaan aktiviti dan hasil penjana direkod dengan tepat, telus dan mudah diakses untuk tujuan analisis prestasi. Langkah ini telah memperkukuh keberkesanan pemantauan operasi dan menyediakan asas kukuh kepada tindakan penambahbaikan FPP (**Bukti 6.4.3.1**).

Prestasi operasi disemak secara berkala **setiap empat bulan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pelan Tindakan Strategik (JPTS) (Bukti 6.4.3.2)** yang dipengerusikan oleh Dekan bersama pengurusan kanan. Semakan ini menjadi platform mengenalpasti keberkesanan strategi, menilai kelemahan, dan membincangkan cadangan baharu. **Bengkel Perancangan Strategik** tahunan membantu semakan semula sasaran operasi dan indikator prestasi berdasarkan pencapaian semasa (**Bukti 6.4.3.3a**). Dalam **Amanat Dekan, e-maklum balas turut dikumpul dan ditindak untuk melaksanakan penambahbaikan** secara langsung (**Bukti 6.4.3.3b**). Segala hasil analisis dan tindakan yang telah dilaksanakan dikongsi secara telus melalui Amanat Dekan, portal dalaman, edaran dokumen rasmi, serta mesyuarat fakulti. Kaedah ini memastikan semua staf memahami hala tuju operasi, menyokong pelaksanaan strategi fakulti, dan mengamalkan budaya penambahbaikan berterusan sebagai sebahagian daripada amalan kerja seharian. Bagi penawaran program akademik FPP sentiasa melalui proses semakan berterusan dan penambahbaikan sistematik agar program kekal relevan serta memenuhi keperluan industri. Input daripada Audit Dalam FPP (**Bukti 6.4.3c**) menjadi asas kepada penambahbaikan ini manakala cadangan diperkukuh melalui perbincangan di MKSP.

Pelaksanaan **FBMIS dan FinePortal** menambahbaik kecekapan operasi kewangan FPP (**Bukti 6.4.3.4a, 6.4.3.4b**). Sistem ini mempercepat kelulusan perbelanjaan, merekod transaksi secara digital dan menjana laporan automatik. Laporan kewangan bulanan yang dibentangkan dalam **Mesyuarat JTAF** memastikan kawalan bajet dapat dipantau dengan ketat, manakala **tindakan pembetulan dibuat segera** apabila berlaku lebihan atau kekangan bajet. Penambahbaikan ini telah mengurangkan beban kerja manual, meningkatkan integriti kewangan, serta menyokong keberkesanan operasi FPP.

Maklumbalas daripada Mesyuarat Staf Akademik serta soal selidik kemudahan bilik pensyarah dijadikan asas penting kepada penambahbaikan operasi dalaman. Tindakan segera seperti penyelenggaraan fasiliti dan pengoptimuman ruang kerja dilaksanakan bagi memastikan persekitaran kerja kondusif, produktiviti meningkat dan sokongan operasi lebih mampan (**Bukti 6.4.3.5a, 6.4.3.5b**).

Pendekatan ini memastikan pengurusan operasi FPP sentiasa diperkukuh melalui peningkatan berterusan, sekali gus membudayakan amalan kerja yang sistematik, telus dan berimpak tinggi.

SENARAI BUKTI :

1. [F0023_O01_OB04_OC03_20251_Bukti 6.4.3.1.pdf](#)
2. [F0023_O01_OB04_OC03_20252_Bukti 6.4.3.2.pdf](#)
3. [F0023_O01_OB04_OC03_20253_Bukti 6.4.3.3.pdf](#)
4. [F0023_O01_OB04_OC03_20254_Bukti 6.4.3.4.pdf](#)
5. [F0023_O01_OB04_OC03_20255_Bukti 6.4.3.5.pdf](#)

6.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

INTEGRASI HOLISTIK MEMBUDAYAKAN PENGURUSAN OPERASI DAN KEWANGAN MAMPAN

Keberkesanan pelaksanaan dalam pengoperasian telah membentuk tahap pembudayaan yang menyeluruh dan mampan dalam kalangan warga FPP. Antara budaya yang telah terhasil ialah:

1. Penjanaaan Pendapatan Alternatif

Pelaksanaan inisiatif **#FPP_Model3P** melalui peranan PKFPP dan JTAF telah menjadikan **usaha menjana pendapatan alternatif sebagai budaya kerja FPP**. Warga FPP kini mengamalkan pelbagai pendekatan operasi seperti penawaran program akademik, pelaksanaan persidangan setiap tahun, penglibatan alumni dan industri, penyewaan ruang serta perkhidmatan perundingan. Amalan ini **membudayakan pemikiran keusahawanan akademik** yang sejajar dengan **UiTM Strategic Plan 2025** iaitu **pemerolehan sumber kewangan baharu demi kelestarian kewangan UiTM (Bukti 6.5.1a, 6.5.1b)**.

2. Inovasi Akademik dan Kesesuaian Industri

Keberkesanan strategi memperkasakan program akademik melalui integrasi kurikulum dengan keperluan industri telah melahirkan budaya inovatif dalam pengurusan operasi akademik. Penawaran program *self-funding* di peringkat pascasiswazah dan inisiatif **UiTMSeat Plus** membuktikan pembudayaan ini, apabila program yang ditawarkan bukan sahaja memenuhi permintaan pasaran tetapi turut menyumbang kepada penjanaaan pendapatan FPP. Hasilnya, program akademik FPP menjadi antara yang paling popular dalam penawaran iCEPS, mencerminkan tahap pembudayaan inovasi akademik yang mempunyai kesesuaian tinggi dengan keperluan industri (**Bukti 6.5.2a**).

3. Kolaborasi Strategik dengan Industri

Amalan menjalin **kerjasama bersama industri seperti MBSB Bank, MDEC dan AZKA-PPZ** telah membudayakan hubungan strategik yang menguntungkan operasi FPP. Hasil kolaborasi ini bukan sahaja menghasilkan sumber kewangan tambahan melalui tajaan, malah menyokong pembangunan fasiliti termasuk kerja ubah suai ruang utama FPP. Pembudayaan kerjasama industri ini memperkukuh daya saing operasi FPP dalam melaksanakan aktiviti akademik dan bukan akademik secara berterusan (**Bukti 6.5.2b**).

4. Digitalisasi dan Kecekapan Operasi

Pembangunan **FBMIS** sebagai inovasi pengurusan data, pelaporan dan pemantauan prestasi FPP telah membentuk budaya baharu dalam kecekapan operasi. Sistem ini membudayakan amalan digitalisasi dalam operasi FPP membolehkan proses pemantauan BT, pelaksanaan inisiatif serta prestasi perbelanjaan dilakukan secara lebih sistematik dan berkesan. Hal ini menunjukkan keberkesanan tindakan penambahbaikan dalam meningkatkan produktiviti melalui teknologi (**Bukti 6.5.3a**).

5. Tadbir Urus Kewangan Telus dan Berintegriti

Pelaksanaan Mesyuarat JTAF bersama penglibatan PKFPP, Profesor dan wakil Bendahari UCS telah menghasilkan budaya tadbir urus kewangan **yang telus dan berakauntabiliti**. Setiap urusan kewangan dibentangkan, dibincangkan dan diputuskan dalam mesyuarat mengikut pekeliling serta garis panduan semasa UiTM. Budaya ini memastikan operasi kewangan FPP bukan sahaja mematuhi piawai, tetapi turut mencapai keberhasilan melalui peningkatan pulangan hasil penjanaaan pendapatan FPP (**Bukti 6.5.3b, 6.5.3c**). Amalan ini memastikan kawalan kewangan dijalankan secara berterusan dan menyeluruh, mengelakkan pembaziran dan memastikan dana diagihkan mengikut keutamaan strategik FPP.

6. Pengiktirafan dan Motivasi Berterusan

keberkesanan melalui *myFPP* turut membentak budaya penghargaan yang berterusan. Ucapan penghargaan di media sosial rasmi, buletin FPP *SocenTiUM* dan penganjuran program penghargaan kepada staf serta pelajar telah menjadi mekanisme untuk membudayakan motivasi kerja. Pembudayaan ini mendorong inovasi dan pencapaian lebih berkualiti dalam operasi FPP (**Bukti 6.5.4a, 6.5.4b**).

7. Kecemerlangan yang Diiktiraf

Memupuk budaya kecemerlangan operasi FPP sehingga berjaya mendapat pengiktirafan melalui pelbagai anugerah termasuk **AKPU2024**. Tahap pembudayaan yang dihasilkan bukan sekadar amalan dalaman, tetapi telah diiktiraf secara luaran sebagai contoh pengurusan kewangan dan operasi FPP yang cemerlang (**Bukti 6.5.5**).

Kesimpulannya, operasi FPP membudaya dengan **konsisten, lestari** dan seiring **aspirasi UiTM 2025**.

SENARAI BUKTI :

1. [F0023_O01_OB05_20251_Bukti 6.5.1.pdf](#)
2. [F0023_O01_OB05_20252_Bukti 6.5.2.pdf](#)
3. [F0023_O01_OB05_20253_Bukti 6.5.3.pdf](#)
4. [F0023_O01_OB05_20254_Bukti 6.5.4.pdf](#)
5. [F0023_O01_OB05_20255_Bukti 6.5.5.pdf](#)

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.1 HASIL UTAMA 1

Hasil Dari Prestasi Kewangan - **Penjanaan Pendapatan (#FPP_jana)** dari Aktiviti Akademik, Penyelidikan dan Inovasi (RENOVA), Bahagian HEP, dan Sewaan Ruang; **Pendanaan Program (#FPP_dana)** melalui Aktiviti Perundingan, Persidangan, Geran, dan Pembiayaan; dan **Penjimatan Kewangan (#FPP_jimat)** melalui Projek Kecemerlangan Operasi dan Kumpulan Inovasi dan Kreatif (KIK).

7.1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

FAKULTI PENGURUSAN PERNIAGAAN (FPP) komited melahirkan graduan cemerlang serta menyumbang kepada universiti melalui pelaksanaan **Bidang Tumpuan (BT)** yang berpandukan kepada tiga teras utama. **Teras Pertama** ialah **#FPP_jana** menerusi aktiviti akademik, penyelidikan dan inovasi bersama bahagian RENOVA, penglibatan pelajar melalui bahagian HEP serta sewaan ruang kepada pihak luar. **Teras Kedua** melibatkan **#FPP_dana**, di mana FPP menjalin kerjasama industri melalui aktiviti perundingan, penganjuran persidangan dan permohonan pembiayaan geran seperti **ERASMUS Staff Mobility Grant**. **Teras Ketiga** adalah **#FPP_jimat** melalui pembangunan Faculty of Business and Management Information System (FBMIS) secara dalaman seterusnya diketengahkan sebagai **Projek Kecemerlangan Operasi (OE)** serta penyertaan dalam **Projek Kumpulan Inovasi dan Kreatif (KIK)** bagi menggalakkan idea baharu yang berimpak tinggi. Ketiga-tiga misi ini merupakan usaha berterusan FPP dalam menyokong pengurusan kewangan mampan Universiti Teknologi MARA secara menyeluruh.

FPP MODEL 3P (#FPP_Model3P) adalah model pengurusan hasil kewangan dari segi penjanaan, pendanaan, dan penjimatan kewangan yang kekal mampan dan berkesan diukur berdasarkan kepada pencapaian yang melebihi sasaran. Segala pendekatan dan perancangan yang dilaksanakan dengan cekap dan efektif hasil sokongan padu dan kerjasama yang erat dari kalangan staf akademik dan bukan akademik. Ini adalah wajar bagi memastikan setiap KPI tercapai dan melebihi sasaran yang telah ditetapkan universiti. Bagi **Teras Pertama (#FPP_jana)**, FPP berjaya menjana pendapatan keseluruhan berjumlah **RM3,810,754** pada tahun 2024 dan hasil kewangan ini adalah dari aktiviti **akademik** berjumlah **RM1.771 juta** dengan peratusan peningkatan sebanyak **886% melebihi sasaran** asal iaitu **RM200,000** sahaja. Manakala **hasil pendapatan keseluruhan 2024** dari aktiviti **penyelidikan pula adalah sebanyak RM2.039 juta**.

TREN PENINGKATAN sebanyak 236% dari segi **pendanaan** dari pihak industri untuk **geran** dengan jumlah hasil kutipan dana adalah sebanyak **RM2.895 juta** pada tahun 2024 (bagi geran peringkat kebangsaan, antarabangsa, industri) berbanding hanya **RM860,604** sahaja pada 2023. Selain itu, hasil jumlah kutipan dana bagi **pembiayaan ERASMUS Staff Mobility Grant** adalah berjumlah **RM3.352 juta** (2024) dan hasil kutipan hanyalah sebanyak **RM2.244 juta** pada 2023, iaitu **peningkatan sebanyak 49.4%**. Manakala pendanaan dari **pihak industri** pula **meningkat sebanyak 23.2%** iaitu dari **RM270,969** (2023) kepada **RM333,600** (2024). Total keseluruhan hasil kutipan kewangan bagi **Teras Kedua (#FPP_dana)** adalah **RM6,580,769**.

TREN PENJIMATAN dapat dilihat bagi **Teras Ketiga (#FPP_jimat)** di mana FPP telah penjimatan meningkat setiap tahun: **RM32,874 (2022)**, **RM33,935 (2023)**, dan **RM35,115 (2024)**. Peratus peningkatan mencerminkan kejayaan FPP dalam penjimatan hasil bertitik tolak dari usaha dan kejayaan dalam **Projek Kecemerlangan Operasi dan Kumpulan Inovasi dan Kreatif (KIK)** yang sangat relevan dan jitu dalam mencapai hasil kewangan yang mampan untuk FPP. Secara perbandingan, FPP dilihat sangat relevan dalam merealisasikan hasil kewangan universiti berdasarkan kepada pendapatan tinggi yang diperolehi dan menjadi indikator kebolehpasaran dan kebolehpercayaan program FPP di mata pelanggan utama iaitu di dalam dan luar negara. Pencapaian ini mendokong usaha FPP yang turut mendapat pengiktirafan dalam pencapaian cemerlang hasil kewangan iaitu **Excellence Transformation**

Revenue Generation Award selama tiga (3) tahun berturut-turut (2022-2024). Keseluruhan data menunjukkan kehebatan FPP dalam pengurusan kewangan walaupun berhadapan pelbagai cabaran yang memberi kesan kepada ekonomi global akibat perubahan fasa pasca pandemik.

7.1.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [H1_F0023_HB02_20251_Bukti Hasil 1 \(Perancangan Strategik\)_7.1.2 Tahap.pdf](#)

7.1.3 TREN (Trend)

BUKTI : [H1_F0023_HB03_20252_Bukti Hasil 1 \(Perancangan Strategik\)_7.1.3 Tren.pdf](#)

7.1.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [H1_F0023_HB04_20253_Bukti Hasil 1 \(Perancangan Strategik\)_7.1.4 Perbandingan.pdf](#)

7.1.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [H1_F0023_HB05_20254_Bukti Hasil 1 \(Perancangan Strategik\)_7.1.5 Kepentingan.pdf](#)

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.2 HASIL UTAMA 2

Hasil dari Perancangan dan Pelaksanaan Strategi - Mencapai Objektif dan Inisiatif Strategik Pengurusan Kewangan Mampan melalui **#FPP_Model3P** merangkumi tiga (3) inisiatif utama iaitu **#FPP_jana** (penjanaaan pendapatan), **#FPP_dana** (pendanaan pendapatan) dan **#FPP_jimat** (penjimatan kewangan)

7.2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Fakulti Pengurusan dan Perniagaan (FPP) merancang dan menggerakkan Bidang Tumpuan (BT) secara strategik dan sistematik untuk mendokong FPP ke tahap yang lebih cemerlang. Hala tuju yang jelas melalui pelaksanaan **#FPP_Model3P** merangkumi tiga (3) inisiatif utama iaitu **#FPP_jana** (penjanaaan pendapatan), **#FPP_dana** (pendanaan pendapatan) dan **#FPP_jimat** (penjimatan kewangan) berjaya memastikan **pengurusan kewangan mampan dicapai melebihi sasaran**. Pelaksanaan inisiatif utama ini diselaraskan dengan **Faculty of Business and Management Strategic Action Plan (FBM SAP) 2024** yang **mendokong Strategic Theme 9 (Sustainable Funding) UiTM 2025 Strategic Plan**.

FBM SAP 2024 merupakan rujukan utama FPP dalam menggerak BT melalui pendekatan strategik dalam Bengkel **FBM SAP 2024** yang diadakan pada 8 - 10 Januari 2024 di ILD, Bandar Enstek. Lima (5) *Performance Indicator (PI)* dikenalpasti dalam mengerakkan BT melalui inisiatif **#FPP_Model3P**. Inisiatif **#FPP_jana** digerakkan melalui **PI129**, manakala inisiatif **#FPP_dana** dilaksanakan melalui **PI064, PI065, PI066 dan PI077**. **#FPP_jimat** pula merupakan antara inisiatif utama FPP untuk memastikan pengurusan kewangan mampan terangkum menyeluruh dalam pelaksanaan **#FPP_Model3P** dengan penglibatan warga FPP.

Pelaksanaan inisiatif **#FPP_jana** melibatkan penawaran Program Interseksi dan Semester Pendek, Program Francais FPP-iCEPS, *UiTMSeat Plus*, Program Pascasiswazah (BA707, BA721 dan BA776), *International Summer Program* serta penganjuran *ABRIC2024* dan *VIIIC2024* yang menyumbang kepada **PI0129** dan ditetapkan sebagai Objektif Strategik 1 (OS1) dalam **FBM SAP 2024**.

FPP progresif dalam merangka strategi, termasuk memperkukuh penawaran program akademik, kolaborasi dengan industri serta mengkomersialkan hasil penyelidikan. Kerjasama erat ini membolehkan FPP mengembangkan produk akademik dan perkhidmatan inovatif yang memberikan pulangan kewangan jangka panjang.

Inisiatif **#FPP_dana** dilaksanakan melalui pendanaan Malaysia Building Society Berhad (MBSB) Bank dan Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC), pembiayaan antarabangsa seperti *ERASMUS Staff Mobility Grant* dan Etiqa Takaful & Akademi Zakat (AZKA-PPZ) Wilayah Persekutuan melonjakan pencapaian dalam **PI064, PI065, PI066 dan PI077** dan ditetapkan sebagai OS2.

Hasil pendanaan yang diperolehi disalurkan semula kepada pembangunan akademik dan penyelidikan berimpak tinggi, serta memperkukuh khidmat komuniti dan jaringan industri. Program latihan industri, perundingan korporat, dan penyelidikan berorientasikan pasaran meningkatkan kedudukan FPP sebagai rakan strategik kepada pemegang taruh. Pendanaan melalui geran penyelidikan, yuran program, dan sumbangan industri membuktikan FPP tidak bergantung kepada peruntukan tradisional, sebaliknya mampu merangka aliran pendapatan yang lebih dinamik dan lestari.

Inisiatif **#FPP_jimat** memberi focus kepada pembangunan *Faculty of Business and Management Information System (FBMIS)* yang diketengahkan sebagai Projek Kecemerlangan Operasi (OE) dan Kumpulan Inovasi dan Kreatif (KIK), penyediaan fail mesyuarat secara digital (eMesyuarat), serta kolaborasi kepakaran melibatkan pelbagai pihak bagi memastikan OS3

yang ditetapkan tercapai.

#FPP_jimat menjadi inisiatif penting dalam memastikan pengurusan kewangan cekap tanpa pembaziran. Pelbagai aktiviti penjimatan kos dilaksana termasuk mengoptimumkan penggunaan sumber seperti tenaga dan kemudahan serta menyemak proses kerja bagi meningkatkan kecekapan. Langkah ini dapat mengurangkan perbelanjaan operasi dan mengoptimumkan penggunaan sumber, tanpa menjejaskan kualiti perkhidmatan.

FPP membuktikan komitmen berterusan dalam mencapai pengurusan kewangan mampan melalui pelaksanaan strategi yang menyeluruh **merangkumi tiga (3) inisiatif utama dalam #FPP_Model3P**. Lima (5) PI BT dalam FBM SAP 2024 yang terlibat iaitu **PI129, PI064, PI065, PI066 dan PI077** menjadikan FPP berdaya saing. Indeks pencapaian diukur melalui pencapaian PI sebanyak 96% membolehkan FPP berada di kedudukan ke-2 dalam pencapaian PI antara fakulti.

7.2.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [H2_F0023_HB02_20251_Kriteria 7.2.2 - Hasil Operasi_Tahap.pdf](#)

7.2.3 TREN (Trend)

BUKTI : [H2_F0023_HB03_20252_Kriteria 7.2.3 - Hasil Operasi_Tren.pdf](#)

7.2.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [H2_F0023_HB04_20253_Kriteria 7.2.4 - Hasil Operasi_Perbandingan 2.pdf](#)

7.2.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [H2_F0023_HB05_20254_Kriteria 7.2.5 - Hasil Operasi_Kepentingan 2.pdf](#)

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.3 HASIL UTAMA 3

Hasil kategori ini berpaksikan **FPP Model 3P (#FPP_Model3P)** yang merangkumi **#FPP_jana** (penjanaan pendapatan), **#FPP_dana** (pendanaan) dan **#FPP_jimat** (penjimatan), selari dengan **FBM Strategic Action Plan 2024** serta menyokong **Strategic Theme 9: Sustainable Funding** dalam **UiTM Strategic Plan 2025**.

7.3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Hasil **tadbir urus cemerlang** dan **komunikasi berkesan**, Pengurusan Kanan Fakulti Pengurusan dan Perniagaan (PKFPP) berjaya melaksanakan penambahbaikan dalam pentadbiran melibatkan Bahagian Hal Ehwal Pelajar (**HEP**), Bahagian Penyelidikan dan Inovasi (**RENOVA**), Bahagian Jaringan Industri, Komuniti dan Alumni (**ICAN**) dan Bahagian Hal Ehwal Akademik (**HEA**). Delegasi kerja yang cekap telah melicinkan operasi pengurusan serta memberi impak positif kepada FPP.

Sasaran **Globally Renowned University 2025** melalui **UiTM 2025 Strategic Plan** yang menggariskan aspek '**Kemampuan Kewangan**' telah memberikan inspirasi kepada FPP untuk menyelaraskan seluruh tenaga kerja beroperasi dalam **Bidang Tumpuan (BT)** yang ditetapkan. Gerak kerja FPP yang terbahagi kepada empat (4) bahagian utama iaitu **Bahagian HEP, RENOVA, ICAN** dan **HEA** telah menumpukan pelaksanaan inisiatif operasi hasil berdasarkan **FPP Model 3P (#FPP_Model3P)** merangkumi **tiga (3) teras utama** iaitu **#FPP_jana**, **#FPP_dana** dan **#FPP_jimat**. Oleh yang demikian, **tiga (3) Objektif Strategik (OS)** telah disasarkan iaitu:

OS1: Menjana pendapatan melebihi sasaran PI129 yang telah ditetapkan oleh universiti;

OS2: Menjamin aktiviti yang menerima **pendanaan** berjaya mencapai petunjuk prestasi yang telah ditetapkan;

OS3: Memastikan **penjimatan** perbelanjaan operasi bagi aktiviti yang dijalankan di FPP.

Antara inisiatif **#FPP_Model3P** terdiri daripada:

i. Program Intersesi dan Semester Pendek, Program Francais FPP-iCEPS, *UiTMSeat Plus*, Program Pascasiswazah (BA707, BA721 dan BA776), *International Summer Program* serta penganjuran *ABRIC2024* dan *VIIIC2024* (**#FPP_jana**)

ii. Malaysia Building Society Berhad (MBSB) Bank dan Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC), pembiayaan antarabangsa seperti *ERASMUS Staff Mobility Grant* dan Etiqa Takaful & Akademi Zakat (AZKA-PPZ) Wilayah Persekutuan (**#FPP_dana**)

iii. Pembangunan secara dalaman *Faculty of Business and Management Information System (FBMIS)* yang mengetengahkan Projek Kecemerlangan Operasi (OE) dan Kumpulan Inovasi dan Kreatif (KIK), penyediaan fail mesyuarat secara digital (eMesyuarat), serta pengurusan kolaborasi kepakaran melibatkan staf, pelajar, dan pihak industri (**#FPP_jimat**)

Inisiatif **#FPP_jana** merupakan teras utama strategi kemampuan kewangan FPP yang dilaksanakan secara berterusan bagi **mengurangkan kebergantungan** terhadap peruntukan UiTM. Inisiatif seperti **ABRIC2024** dan **VIIIC2024** telah berjaya **menjana pendapatan** melalui **strategi harga yang bersasar, pemilihan kolaborator terbaik, dan peluang penerbitan dalam jurnal berwasit**. Hasil penjanaan pendapatan telah mengurangkan kos operasi FPP seperti pembayaran fasiliti, penyelenggaraan dan sokongan akademik. Ia juga meningkatkan kecekapan operasi FPP dalam jangka masa pendek dan panjang sekali gus menjadikan FPP lebih efisien dan responsif terhadap kehendak industri dan aspirasi pelajar.

Inisiatif **#FPP_dana** melalui pembiayaan industri seperti **MBSB Bank** dan **MDEC**, pembiayaan antarabangsa seperti **ERASMUS Staff Mobility Grant** dan **AZKA-PPZ** Wilayah Persekutuan dengan jumlah geran diperoleh memberi manfaat kepada pembangunan pelajar dan FPP. **FPP berjaya menerima geran industri berjumlah RM131,850** daripada **MBSB Bank** dimanfaatkan melalui penganjuran bengkel **Mastery TikTok** dan **pembangunan ruang kerjasama khas** di FPP.

Inisiatif **#FPP_jimat** pula telah dapat menjimatkan kos melalui **penggunaan sistem digital di dalam FB MIS** seperti **Student Internship Information System (STIS)**, projek OE dan KIK, naik taraf **bilik RENOVA**, penggunaan **eMesyuarat**, penganjuran **Majlis Pra-Graduan** dan pelaksanaan **Semester Pendek dalam talian** telah berjaya mengurangkan keperluan cetakan, kecekapan pengurusan maklumat dan dokumentasi. Manakala, **penaiktarafan bilik RENOVA** telah berjaya **mengurangkan** keperluan **menyewa ruang** atau **peralatan luar**.

Kesemua inisiatif ini telah dilaksanakan dengan teliti dan dipantau penambahkannya demi memastikan FPP terus kekal cekap, cemerlang, berdaya saing dan lestari secara holistik.

7.3.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [H3_F0023_HB02_20251_H3_F0023_HB02_20251_Hasil 3 \(Kewangan\) 7.3.2 TAHAP.pdf](#)

7.3.3 TREN (Trend)

BUKTI : [H3_F0023_HB03_20252_H3_F0023_HB03_20252_Hasil 3 \(Kewangan\) 7.3.3 TREN.pdf](#)

7.3.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [H3_F0023_HB04_20253_Hasil 3 \(Kewangan\) 7.3.4 PERBANDINGAN.pdf](#)

7.3.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [H3_F0023_HB05_20254_H3_F0023_HB05_20254_Hasil 3 \(Kewangan\) 7.3.5 KEPENTINGAN.pdf](#)